



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 19)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual</u>	
Maksud B.44	(Halaman 20)
Maksud B.45	(Halaman 50)
Maksud B.46	(Halaman 77)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.44	(Halaman 20)
Maksud P.45	(Halaman 50)
Maksud P.46	(Halaman 77)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) – MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS

24. Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA

65. Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO

105. Yang Berhormat Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

KHAMIS, 30 November 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Perdana Menteri menyatakan, lima laman web rasmi kementerian ataupun jabatan yang menerima jumlah paling banyak sasaran (*hits*) dan lima lagi laman-laman web kerajaan yang paling kurang sasaran.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Untuk makluman, kerajaan sentiasa memantau perkembangan yang berlaku dalam sistem penyampaian perkhidmatan di negara ini termasuklah perkhidmatan yang disampaikan melalui Sistem Aplikasi Kerajaan Elektronik yang berteraskan ICT.

Di antaranya adalah pemantauan terhadap tahap sambutan rakyat, terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan melalui laman-laman web rasmi yang kesemuanya dianggarkan berjumlah 900 buah setakat ini. Perkara ini perlu diadakan sebagai indikator kepada tahap keyakinan rakyat terhadap kecekapan jentera kerajaan mengendalikan perkhidmatan. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah yang perlu bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan melalui laman web sentiasa berfungsi dengan baik.

Kerajaan juga sentiasa memantau bilangan pengguna yang mengunjungi setiap laman web dalam sehari untuk tujuan pemantauan dan penambahbaikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laman web rasmi agensi kerajaan yang menerima jumlah kunjungan atau *hits* paling banyak bagi tempoh Januari hingga Jun 2006 yang lalu adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Agensi	Jumlah Kunjungan/<i>Hits</i>
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	99,560,009
2.	Kementerian Kewangan	14,309,102
3.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri(MITI)	10,340,803
4.	Kolej Universiti Islam Malaysia	8,166,483
5.	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia	7,426,992

Manakala lima laman web rasmi agensi kerajaan yang menerima jumlah kunjungan atau *hits* paling kurang adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Agensi	Jum. Kunjungan/ <i>Hits</i>
1.	Lembaga Tembakau Negara	506
2.	UDA Holdings	609
3.	Bank Pertanian Malaysia	10,992
4.	Bahagian Keselamatan Negara	12,586
5.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	14,000

Kerajaan juga sentiasa menggesa supaya semua agensi yang mempunyai laman web, supaya sentiasa meningkatkan mutu laman web mereka dengan mengemaskinikan semua maklumat yang dipaparkan seberapa kerap yang mungkin. Agensi-agensi tersebut juga hendaklah memasukkan seberapa banyak perkhidmatan dalam talian melalui laman web manakala mereka mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengautomasikan apa juga proses permohonan supaya boleh dikendalikan melalui laman-laman web masing-masing. Laman-laman web setiap agensi juga perlu dikemas kini dengan paparan yang lebih interaktif, mudah dan dimuatkan dengan pelbagai informasi yang mampu menarik minat pengguna.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan dalam zaman teknologi ini, keperluan menyediakan laman web ini bukanlah sebagai suatu paksaan tetapi merupakan suatu tuntutan. Tidak ada paksaan dalam kita menyediakan laman web. Laman web ini pada saya adalah merupakan imej pertama kementerian atau jabatan. Kalau dahulu mungkin papan tanda di hadapan bangunan tetapi hari ini, laman-laman web menjadi imej.

Saya bersetuju dengan apa yang kerajaan cuba laksanakan tetapi hakikatnya masih ada laman web yang tidak dikemaskinikan, masih mengeluarkan data-data yang lama dan masih berperanan seperti “melepaskan batuk di tangga”. Perkara ini pada saya mengkusurkan kerana laman-laman *blog* yang sering dikunjungi perlu diimbangi dengan data-data kerajaan.

Soalan saya, apakah tindakan yang boleh diambil kepada laman-laman web kerajaan dan jabatan-jabatan yang tidak dikemas kini ini oleh kerajaan supaya data data itu tidak memesongkan pelayar-pelayar *internet*. Apakah akan dibentuk satu garis panduan bagaimana laman-laman *web* ini boleh menepati keadaan semasa dan terkini supaya kita tidak lagi menunjukkan ucapan menteri pada bulan Januari walaupun sekarang sudah masuk bulan dua belas, dan adakah kerajaan akan lebih bersifat interaktif kepada laman-laman web supaya pelayar-pelayar dapat memaksimumkan laman-laman web yang disediakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Dewan ini, kita tahu bahawa dari segi tahap memang kerajaan akui walaupun jumlahnya begitu banyak iaitu 900 buah setakat ini tetapi tahap di antara satu dengan yang lain memang berbeza. Bahkan di antara satu negeri dengan satu negeri pun dari segi kegunaan *e-government* ini adalah berbeza dan saya inginlah mengatakan bahawa perkara ini memang sentiasa di dalam makluman kita.

Bagi perkara kedua, untuk makluman Yang Berhormat, kita sebenarnya ada satu bahagian di MAMPU, Jabatan Perdana Menteri yang khusus sentiasa memantau dan memberi panduan-panduan. Bahkan sekiranya kita ada keperluan daripada luar untuk memandu kita pula kita akan menggunakan kepakaran daripada luar untuk memandu bahagian ini untuk mengeluarkan arahan-arahan bahkan panduan-panduan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk dipanjangkan kepada mereka yang melayari laman-laman *web* ataupun yang mengadakan laman web ini. Sudah pasti pasti dalam arahan-arahan itu kita menaikkan taraf dari satu masa ke satu masa dan arahan-arahan ini akan berterusan sepanjang masa kerana dalam keadaan dan suasana sekarang kita tahu kita masih lagi tidak sampai ke peringkat yang terbaik.

Akan tetapi kita tahu bahawa kelemahan dan kemudahan ini adalah penting seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat untuk kegunaan orang ramai.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yakin kesedaran wujud di pihak kementerian bahawa kita masih lagi berada di antara golongan yang terbawah di dalam kesedaran web ini berbanding dengan negara-negara maju lain di dunia. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah ukuran yang digunakan oleh pihak kementerian bagi memastikan pelengkap kepada laman-laman web ini ialah pelayar-pelayar ataupun pengunjung-pengunjungnya diberikan kesedaran untuk menggunakan laman-laman web ini. Sebagai contoh, mengadakan kursus-kursus permulaan bagi orang tua ataupun ibu tunggal di rumah-rumah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini adalah mencakupi dalam sektor perkhidmatan awam. Tetapi sudah tentulah *point* yang ditanya oleh Yang Berhormat ini termasuk mereka yang di luar daripada perkhidmatan awam ataupun agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa dari segi kerajaan bukan sahaja satu kementerian tetapi boleh dikatakan semua kementerian sekarang ini menjurus ke arah penggunaan ICT. Bahkan kalau kita lihat di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah sendiri pun, KKLW telah pun mengadakan umpamanya Medan Info Desa dan sebagainya. Ini adalah untuk tujuan ICT dan insya-Allah perkara ini akan terus dipertingkatkan.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa dari segi penggunaan ICT di dalam negara kita, kita tidak tertinggal jauh. Kita berada di antara lima negara yang kita kata penggunaan ICT adalah terbaik di dalam dunia ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, baiklah. Cakaplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kita perlulah memastikan bahawa laman web kita adalah setaraf dunia. Di bawah satu kajian tahunan yang *authoritative, global e-government study* dibuat oleh Brown University yang membandingkan laman web kerajaan nasional iaitu untuk kita *Federal Government*, 198 buah negara, untuk tahun 2003 kita di tempat nombor lapan. Sangat baik. Tadi Yang Berhormat kata antara lima negara yang terbaik tetapi pada tahun 2004 kita sudah jatuh ke tempat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, soalan. Soalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Ini untuk dua tahun iaitu tahun 2004 hingga 2005 kita jatuh sehingga ke 157. Lebih buruk daripada Cambodia, Myanmar, Vietnam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah bagi peluang untuk tanya soalan bukan untuk berucap, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan berucap. Ini soalan saya. Lebih teruk daripada Vietnam, Myanmar, Cambodia untuk dua tahun. Sungguhpun...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu kita sudah sebut tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini malu bukan? Perkara yang malu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah sebut. Jangan hendak sebut lagilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, ini malu bukan? Sungguhpun kita malu kita mahu perbetulkan tetapi jangan takut. Sungguhpun dalam tahun ini, 2006, kita ada memulihkan tempat kita kepada 36, tetapi lebih jauh daripada tempat kelapan dalam tahun 2003.

Ini menunjukkan kita ada banyak aspek yang kita perlu perbetulkan kalau kita mahu di antara lima negara yang terbaik sekali dalam ICT. Kenapa ada *shortfall* yang begitu serius dalam laman-laman *web national government* apabila dibandingkan dengan seluruh negara mengikut kajian Brown University ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP pun dalam pilihan raya yang lalu lagi merosot.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau ada hendak jawab, jawablah. Kalau tidak ada....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Dari segi kajian itu kita masih tidak dapat menerima kerana apa yang kita tahu bahawa kedudukan dalam penggunaan ICT, negara masih lagi di tempat yang baik tetapi saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat dapat serahkan tentang kajian itu dan saya akan ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sampai sekarang tidak tahu ada kajian ini?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kajian banyak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah masalah, tidak tahu ada kajian semacam ini!... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bagaimana kita boleh *compare with the best of the world*. Selalu kita bentang kajian, kita tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kena ikut peraturannya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kerajaan tidak tahu... [Dewan riuh] *You authoritative party. You must be on the spot, on your fingertip...*

Seorang Ahli: Jangan berucaplah. Duduklah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kajian ini bukan sikit ia banyak. Tadi Yang Berhormat ambil yang rendah sahaja, kita tidak tahulah itu

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Brown University yang authoritative...*

2. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh mana tahap pemulihan syarikat penerbangan utama negara, Malaysia Airlines (MAS) selepas melakukan beberapa rombakan dan penstrukturan organisasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Larut bersekali dengan soalan Yang Berhormat bagi Bagan yang jatuh pada 7.12.2006 kerana kedua-duanya ada persamaan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, MAS telah melancarkan plan pemulihan perniagaannya pada bulan Februari 2006. Rancangan pemulihan perniagaan ini telah disusun rapi untuk dilaksanakan dalam tiga tahun yang akan datang bagi menghasilkan aliran tunai, keuntungan dan pertumbuhan. Di mana di antara langkah yang diambil oleh MAS adalah dengan merealisasikan rangkaian penerbangan antarabangsa dan domestik serta melaksanakan Skim Pelepasan Sepakat ataupun MSS.

Hasil daripada rombakan dan penstrukturan semula organisasi MAS, MAS telah berjaya menunjukkan prestasi kewangan yang memberangsangkan di mana pada suku tahun yang ketiga berakhir pada 30 September 2006, MAS telah mencatatkan pengurangan kerugian daripada RM365.6 juta pada satu suku yang sama pada tahun 2005 kepada keuntungan sebanyak RM240.7 juta. Lanjutan daripada pertambahan jumlah penumpang dan kargo, keuntungan ini telah berjaya mengurangkan kerugian MAS pada tahun ini kepada RM255.8 juta berbanding dengan RM530 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Percubaan ini juga adalah yang terbaik semenjak plan pemulihan MAS diumumkan, telah mengalami peningkatan kos operasi yang tinggi, kesan daripada kenaikan harga bahan bakar.

Kedudukan pegangan aset MAS, bagi tahun 2006 adalah sebanyak RM6.8 bilion, manakala bagi tahun 2004 dan 2005 pula masing-masing adalah sebanyak RM7.4 bilion dan RM6.4 bilion.

MAS juga telah mendapat pinjaman jangka pendek '*virgin*' loan daripada bank komersial tanpa melibatkan jaminan kerajaan sebanyak RM1 bilion untuk membiayai keperluan modal kerja syarikat, menjadikan jumlah tanggungan meningkat kepada RM5.1 bilion pada tahun 2006, berbanding dengan RM4.3 bilion pada tahun 2005 dan RM4.1 bilion pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kewangan MAS dijangka bertambah baik dengan pengurangan dalam kerugian seterusnya kepada peningkatan keuntungan pada tahun 2007 dan 2008, di mana pihak pengurusan syarikat berminat untuk memperoleh keuntungan sebanyak RM50 juta dan RM500 juta bagi kedua-dua tahun tersebut Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengalu-alukan Ketua-Ketua Gereja masyarakat Kristian dari kawasan Parlimen Kelana Jaya yang berada di Parlimen...[Tepuk]

Terima kasih Yang Berhormat saya terlebih dahulu hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan sebagai pemilik MAS dan juga pengurusan MAS kerana untung RM200 juta lebih dalam masa tiga bulan sebelum tolak cukai...

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya lah! Jadi saya hendak tanya keuntungan ini berdasarkan apa? Adakah kerana penutupan beberapa laluan yang tidak menguntungkan, dan saya hendak tanya apakah keuntungan ini berdasarkan laluan domestik ataupun antarabangsa, apa perbezaan peratusnya? Kalau setakat naikkan tiket menyebabkan keuntungan MAS, saya rasa sesiapa pun boleh berniaga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau berdasarkan kenaikan harga tiket, sesiapa pun boleh berniaga. Ini berdasarkan apa pandangan umum.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini berniaga tipu punyalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, kita berharap supaya MAS telus dalam mengatasi masalah ini terutama sekali kalau berdasarkan minyak. Kita tahu harga pasaran minyak antarabangsa telah pun turun hampir kepada USD50 setong Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Akan tetapi, MAS tidak turun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah, Yang Berhormat Bintulu, saya harap bersabar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus soalan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:Dan kita berharap dengan keuntungan ini apakah tanda-tanda bahawa tambang MAS ini akan turut turun. Saya akui Tuan Yang di-Pertua, MAS telah melakukan pelbagai insentif termasuk harga tambang istimewa. Ini mungkin kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak boleh jawab boleh rujuk pada MAS, termasuk yang terbaru ini, saya terima aduan tentang yang diiklankan *super saver*, dengan izin. Harga istimewa, tetapi ataupun pelanggan sampai ke kaunter setelah buat tempahan cukainya cukup tinggi. Sudahlah cukai tinggi, masa habis, minyak kereta habis, berjemur, kena berbaris. Kalau harga tambang istimewa ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: MAS menyusahkan rakyat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:Hampir semua dengan harga tambang biasa, baik kita tumpang melalui *travel agency* dengan izin, datang hantar tiket kepada Tuan Yang di-Pertua mungkin, ataupun Ahli Parlimen yang lain dan juga pelanggan-pelanggan yang lain kalau ia menyusahkan. Satu lagi *toll free* ini, oleh kerana Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:Di sini, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat macam Ketua Pembangkang jugalah, lama bercakap....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak, saya bukan macam Ketua Pembangkang Tuan Yang di-Pertua. Sebab...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepentingan rakyat, kepentingan rakyat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Kena ingat....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Rakyat punya masalah mesti mahu sebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kena ingat sebab....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya soalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kasi cuci kuat sedikit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Soalan saya..., sebab DAP pun ada turun naik. Jadi, tidak kisahlah. Jadi, soalan saya pada Yang Berhormat, bagilah satu penjelasan yang telus kerana tambang kapal terbang ini naik kerana harga tiket naik, ini cukup memilukan perasaan penumpang-penumpang. Jadi, mungkin kita ucapkan syabas kepada MAS kerana dalam masuk tiga bulan telah mendatangkan keuntungan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Menzalimi rakyatlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu rakyat tanggung semua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita berharaplah supaya MAS dapat terus mengekalkan prestasi ini tanpa membebankan penumpang-penumpang terutama penumpang-penumpang yang selalu menggunakan perkhidmatan MAS. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Yealah memang setakat ini nampaknya MAS sudah buat keuntungan, oleh kerana pelbagai sebab. Tentang tiket Tuan Yang di-Pertua, tentang *surcharge*, *fuel*, minyak, MAS dia naik dan dia mengikut *benchmark* syarikat-syarikat penerbangan yang lain, makna syarikat penerbangan lain pun naikkan harga tambang dan juga *surcharge*. Kita ikut *benchmarking* itu, makna MAS tidak naik sendiri, sebab dia...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Singapore* yang lain turun harganya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Macam mana?... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, silakan jawapan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang harga minyak naik turun, sekarang sudah turun sedikit, tetapi masih lagi agak tinggi banding dengan peringkat awalnya. Sebab itu dalam hal ini saya tidak boleh bagi tahu kata Mas akan turun harga tambang, *surcharge* dan sebagainya tetapi setakat ini, apa yang MAS telah buat pentadbiran keseluruhan menjimatkan contoh tiket hari ini sudah pakai kertas sahaja, itu pun telah menyebabkan dan pelbagai cara dia buat, bukan kerana kenaikan tambang, maka MAS telah untung, tidak. Keseluruhan pentadbiran telah pun diselaraskan dan diperbaiki dan menjimatkan, mendapat keuntunganlah. Jadi tentang *super saver* dan *toll free* ini, saya tidak dapat jawab, kerana ini saya ingat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, tentang kenaikan cukai, harga tiket katakan RM200, apabila pergi ke kaunter RM200 cukai pula kena. Jadi apa bezanya tambang istimewa, itu maksud saya tadi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Itu, saya minta mungkin saya akan rujuk pada MAS dan dapatkan maklumat secara bertulis. Kita, itulah saya hendak jawab tadi bahawa pengurusan MAS telah pun diperbaiki, maka telah dapat menjimatkan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan memperbaiki, makin rosaklah, makin rosak.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi peluang Setiausaha Parlimen menjawab.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Jadi, sebab itu ada kementerian dan saya yakin, kalau ini diteruskan saya yakin keuntungan akan bertambah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau diteruskan rakyat makin menderita.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya boleh bagi jaminan Tuan Yang di-Pertua bahawa usaha akan terus dibuat oleh pihak pentadbiran MAS untuk memperbaiki keadaan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya tanya tadi tentang laluan yang ditutup Yang Berhormat, domestik dengan antarabangsa tadi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Laluan ditutup Tuan Yang di-Pertua, domestik ada maklumat pada saya di sini. Untuk internasional Tuan Yang di-Pertua, laluan yang telah ditutup Tuan Yang di-Pertua Ahmadabad, Calcutta, Pontianak, Manchester, Padang, Vienna dan Xien. Jadi laluan yang rugi, Ahmadabad. Yang lain-lain seperti yang kita tahu yang popular tidak ditutup, tidak dipotong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Benda yang domestik Tuan Yang di-Pertua, daripada 118 kepada 25 laluan dan kebanyakan laluan ini telah pun diambil alih oleh AirAsia dan di Sabah dan Sarawak diambil alih oleh *Fly Asia Express*. Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniahlah kerana surat khabar pun cerita besar-besar MAS untung RM240.7 juta, tetapi, janganlah syok sendiri. Umum mengatakan bahawa keuntungan MAS kali ini kerana dia buang orang banyak, belanja kurang. Bangunan harta dia jual, untung tetapi malangnya MAS telah buat pengumuman dia tidak akan menurunkan kos tambang. Jangka panjang saya takut besok MAS syok sendiri sahaja. Orang belah Melaka, belah Selatan, belah Johor pada hari ini, kalau hendak pergi ke luar negara dia akan pergi ke Singapura, tiket Singapura lebih murah daripada harga MAS.

Orang Sabah orang Sarawak hendak pergi luar negara hari ini dia pergi melalui Brunei, *Brunei Airline*. Harga *Brunei Airline* lebih murah daripada MAS. Orang belah utara, Thailand. Sambil melawat Pat Pong pergi ke Thailand, *Thai Airways* harga dia murah. Jadi, kita minta sekali lagi, kita minta sekali lagi supaya MAS mengkaji balik harga tambang tiket apatah lagi *surcharge* yang mana hari ini *surcharge* minyak SIA sudah mula menurunkan *surcharge* minyak dia. MAS masih hendak kekalkan. Saya minta penjelasan SUPAR. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu penjelasan cuma kita minta perhatian MAS. Komen yang telah dibuat oleh pihak Yang Berhormat bagi Jasin kita minta perhatian daripada MAS untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rakyat jangan dibodohkanlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah, terima kasih menteri ada datang, saya haraplah menteri jangan jawab serupa macam dia. Terima kasih.

3. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bagaimana pihak kementerian mengatasi masalah di dalam mengekalkan mutu piawaian di dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak khususnya di Bintulu; dan

- (b) berapakah jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tujuan penyelenggaraan jalan raya di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak khususnya di Bintulu.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dalam mengekalkan mutu piawai penyelenggaraan jalan raya pihak Jabatan Kerja Raya dikehendaki membuat pemeriksaan dan pemantauan terhadap kerja-kerja penyelenggaraan jalan berpandukan kepada spesifikasi, skop kerja dan tatacara kerja yang tercatat di dalam dokumen kontrak. Serta dengan izin, *standard specifications for road works maintenance*. Pihak syarikat konsesi diwajibkan membuat pemeriksaan rutin sebanyak dua kali seminggu, sebagaimana yang terkandung di dalam perjanjian penswastan.

Dalam pemeriksaan ini sekiranya terdapat sebarang masalah yang melibatkan jalan pihak syarikat konsesi akan melaporkan kepada Jabatan Kerja Raya sebelum sesuatu tindakan dilakukan. Bagi kerja rutin iaitu kerja-kerja penyelenggaraan di jalan secara pencegahan dengan izin, *preventive maintenance* mengikut pusingan kerja telah ditetapkan bagi kerja-kerja berikut, menampal *potholes*, meratakan bahu jalan, memotong rumput, mencuci dan juga mengecat perabot jalan dan mencuci pembetung dan jambatan. Mencuci longkang dan pemeriksaan kerosakan jalan berjadual bagi kerja-kerja berkala pula. Pihak syarikat akan menerima arahan kerja daripada Jabatan Kerja Raya untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

- (a) menurap jalan;
- (b) membaiki longkang sedia ada; dan
- (c) menggantikan perabot jalan.

Pihak syarikat konsesi juga dikehendaki menghantar laporan pemeriksaan rutin kepada Jabatan Kerja Raya setiap bulan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan kerja penswastan penyelenggaraan jalan persekutuan disediakan setiap tahun, di bawah peruntukan belanja mengurus dan bukan di bawah peruntukan pembangunan sebagaimana ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan pada tahun 2006 bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan, jalan ialah sebanyak RM339.5 juta untuk Semenanjung dan RM129 juta untuk Malaysia Timur. Manakala peruntukan sebanyak RM5.47 juta bagi kawasan Bintulu.

Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jawapan diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, standard JKR memang jelas, memang bagus, itu satu.

Yang kedua, peruntukan memang ada tetapi masalah pelaksanaan, itu satu. Yang kedua, peruntukan selalu ada hantu angkat itu peruntukan, selalu sampai bila perlu. Cari peruntukan buat *maintenance* dengan izin, tetapi kita tidak jumpa peruntukan, kita pergi tanya JKR dia kata peruntukan tidak ada. Kementerian Kerja Raya Persekutuan tidak beri peruntukan, itulah tahun yang lepas sekarang pun sudah hujung tahun, akhir tahun yang lepas, berapa ramai orang *on the poor maintenance* dengan izin, berapa orang *accident* mati? Sebab jalan raya atas jalan raya semua berlubang-lubang, selepas hujan lubang semua tutup habis, banjir sahaja orang tidak tahu, orang fikir tidak ada lubang. Kancil lintas semua tidak boleh, masuk longkang pun ada.

So pada masa itu saya tanya JKR, JKR kata peruntukan tidak ada. So saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, peruntukan kalau sampai Bintulu 50 lebih juta, saya fikir *resurfacing* itu jalan, memang kita boleh ikhlas tetapi sekarang saya nampak saya punya jalan. Sudah banyak kali saya bising saya marah, sampai tidak boleh tahan, rakyat tuduh sama saya kata kita kerajaan Barisan Nasional janji satu, kerja lain. So saya marah sudah, berapa kali sudah keluar dalam surat khabar, kalau Yang Berhormat Menteri mahu bukti saya boleh beri, akhir sekali baru buat. Saya minta Yang Berhormat Menteri bolehkah beri satu jaminan apa peruntukan sampai Bintulu mestilah dapat peruntukan untuk JKR menjalankan *maintenance*. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 2003 setakat ini kita sudah menyalurkan RM16 juta kepada Bintulu, Jalan Bintulu-Miri. Jadi menyalurkan peruntukan itu daripada Kementerian Kerja Raya. Melaksanakan kerja-kerja ini, diletakkan dalam tangan JKR Negeri Sarawak. Jadi, pagi tadi, saya telah minta JKR untuk menyiasat tahun-tahunnya berapakah peruntukan telah disalurkan kepada mereka, telah digunakan atau tidak. Di manakah peruntukan itu, ini satu masalah bukan baru, masalah yang dihadapi oleh beberapa tahun, kita pada tahun-tahunnya kita menyalurkan peruntukan untuk memperbaiki jalan kepada tiap-tiap negeri, 14,000 kilometer sudah diserahkan kepada mereka. Mereka memperbaiki atau tidak, kita tidak boleh soal. Jadi letak dalam tangan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun saya minta soal pada hari ini, saya akan beri dalam bentuk tulisan kepada Yang Berhormat berapakah peruntukan itu telah digunakan. Jikalau tidak digunakan mengapakah mereka tidak menggunakan peruntukan itu?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini penyelenggaraan jalan persekutuan di buat secara kontrak jangka panjang ataupun syarikat konsesi. Apakah syarikat konsesi ini yang menjalankan penyelenggaraan ini, kementerian puas hati dengan kerja-kerja yang syarikat ini buat. Apakah kerajaan boleh menjimatkan perbelanjaan apabila penyelenggaraan ini diberi kepada syarikat konsesi kerana seperti yang kita tahu, syarikat konsesi ini jangka tempohnya 15 tahun. Apakah kesan kepada kontraktor kecil apabila penyelenggaraan jalan persekutuan ini diberi kepada syarikat konsesi dan apakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan konsesi ini selepas tamat tempoh konsesi yang telah diberikan kepada syarikat tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, penswastaan penyelenggaraan jalan persekutuan Malaysia dan juga Malaysia Timur telah berkuat kuasa selama 15 tahun bermula daripada September 2003 hingga 31 hari bulan Ogos 2016. Kerja-kerja penswastaan penyelenggaraan rutin sahaja iaitu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara pencegahan iaitu *preventive maintenance* dengan izin, mengikut pusingan kerja seperti berikut:

- (a) menampal *pothole*;
- (b) meratakan bahu jalan;
- (c) memotong rumput;
- (d) mencuci dan mengecat perabot jalan;
- (e) mencuci pembetung dan jambatan;
- (f) mencuci longkang; dan
- (g) pemeriksaan kerosakan jalan berjadual.

Dan kerja-kerja penswastaan penyelenggaraan berkala menjalankan kerja-kerja yang diarahkan oleh pihak JKR semasa kecemasan. Berkenaan dengan kerja-kerja seperti menurap jalan, membaiki longkang sedia ada, menggantikan perabot, ini akan dijalankan oleh jabatan sendiri. Jadi kerja kecemasan, menjalankan kerja-kerja kecemasan seperti mengalih pokok tumbang dan bangkai binatang serta penyediaan laluan sementara, berserta pengurusan lalu lintas semuanya akan dijalankan oleh jabatan peringkat negeri iaitu Jabatan Kerajaan Raya Negeri.

Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat, ada banyak juga soalan berkenaan dengan penswastaan. Inilah baru-baru sahaja kita telah menimbang semula, kita menimbang semua dan pada akhirnya kerajaan memutus sistem yang sedang dilaksanakan itu akan membawa lebih faedah kepada kerajaan, daripada kerajaan atau JKR membuat sendiri kerja-kerja ini. Ini saya percaya akan memakan menelan belanja yang lebih tinggi daripada apa yang kita belanja sekarang.

4. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, perihal PERKESO, nilai caruman dan pulangan pelaburan diperolehi, jenis dan jumlah faedah yang telah dibayar kepada pekerja atau orang tanggungan pada tahun 2005. Apakah bilangan dan kategori pekerja mengikut ekonomi yang paling ramai menuntut faedah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, Pertubuhan Keselamatan Sosial ataupun PERKESO, telah ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. PERKESO mentadbirkan dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan; dan kedua, Skim Pencen Ilat. Skim Insurans Bencana Pekerjaan ini memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan. Skim Pencen Ilat pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab.

Tuan Yang di-Pertua, nilai caruman PERKESO dan pulangan pelaburan diperoleh bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

Nilai caruman	-	RM1.382,155,523.27.00
Pulangan pelaburan	-	RM 46,755,295.05.00

Sementara itu bayaran faedah PERKESO kepada pekerja dan orang tanggungan adalah seperti berikut:

FAEDAH	JUMLAH (RM/juta)
Hilang upaya sementara	67,864,706.01.00
Hilang upaya kekal	171,535,249.46.00
Orang tanggungan	121,985,743.89.00
Pencen dan bantuan ilat	88,716,507.03.00
Pencen penakat	278,090,514.90.00
Pengurusan mayat	10,980,056.43.00
Elaun layanan sentiasa	9,313,069.33.00
Perubatan	4,830,710.12.00
Kemudahan pemulihan jasmani & vokasional	31,473,166.42.00
Jumlah:	883,897,723.59.00

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2005, sebanyak 61,182 kes tuntutan telah diterima oleh PERKESO. Pecahan mengikut sektor ekonomi adalah seperti berikut:

(i)	perkilangan	-	23,350 kes
(ii)	perdagangan	-	11,930 kes
(iii)	perkhidmatan awam	-	8,502 kes
(iv)	perkhidmatan	-	4,570 kes
(v)	pembinaan	-	3,948 kes
(vi)	pertanian, perhutanan dan perikanan	-	3,734 kes

(vii)	pengangkutan	-	3,643 kes
(viii)	industri kewangan dan insurans	-	581 kes
(ix)	perkhidmatan elektrik, gas, air & kebersihan	-	465 kes
(x)	perlombongan dan kuari	-	459 kes
Jumlah:			61,182 kes

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di atas jawapan diberi pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan dan penurunan kes kemalangan perusahaan dari masa ke masa memberi implikasi terhadap persekitaran kerja sama ada selamat atau tidak selamat bagi pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada kementerian kerana nampaknya kemalangan perusahaan yang dilaporkan adalah menurun dan berkurangan setiap tahun semenjak tahun 2000, iaitu tahun 2000, kes yang dilaporkan adalah 95,006 kes, turun setiap tahun sehingga tahun 2004 - 69,132 kes dan sampai tahun ini pun menurun juga. Akan tetapi jumlah faedah yang dibayar meningkat setiap tahun. Tahun 2000 faedah yang dibayar adalah lebih kurang RM608.31 juta meningkat sehingga tahun 2004 - RM835.52 juta.

Pendapatan seperti yang diberikan oleh Yang Berhormat bahawa pendapatan daripada caruman meningkat dan pulangan pelaburan yang..., akan tetapi pulangan pelaburan yang diperolehi tidak jauh berbeza. Tahun 2000 jumlah pulangan yang diperolehi adalah RM531 juta tahun 2004, RM548 juta.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah jenis-jenis, instrumen pelaburan dan peratusan pegangan pelaburan berkenaan dan apakah strategi atau usaha untuk meningkatkan pulangan pelaburan yang sedemikian.

Dan satu lagi ialah apakah pihak kementerian setuju untuk mengkaji semula atau meningkatkan kuantum faedah yang dibayar kepada pekerja atau orang tanggungan mereka memandangkan kos sara hidup telah meningkat sekarang. Minta jawapan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Di antara instrumen-instrumen pelaburan yang telah dibawa oleh PERKESO antaranya ialah seperti dalam *security* kerajaan negara kita, Malaysia sendiri iaitu pemilikan bon-bon yang perlu dimiliki tidak kurang daripada 40% oleh PERKESO sendiri dan keduanya kita juga mempunyai simpanan tetap di bank-bank ataupun bank iaitu simpanan tetap dalam bentuk jangka pendek dan juga jangka panjang yang sekarang ini PERKESO sendiri memiliki tidak kurang 38%.

Selain daripada itu juga pihak PERKESO turut melabur dalam beberapa ekuiti seperti dalam *stock & shares* di mana kita mempunyai pelaburan dalam 30% daripada jumlah kumpulan wang. Kita juga hari ini memiliki ekuiti dalam bentuk harta tanah iaitu dalam 2%. Namun demikian, pihak PERKESO dan juga Kementerian Sumber Manusia sentiasa berusaha untuk membesarkan saiz pelaburannya dalam bidang-bidang yang lain dan sekali gus sekiranya kita mempunyai pulangan pelaburan yang lebih baik maka sudah barang tentulah peningkatan faedah kepada pekerja akan turut diutamakan. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri yang telah menjawab begitu jelas. Saya ini, soalan rakyat. Rata-rata pekerja-pekerja terutama sekali di ladang-ladang menanyakan masalah mereka sakit.

Adakah pihak kementerian ini dan kerajaan melalui PERKESO ini mempunyai usaha untuk memberi perkhidmatan pemulihan kepada pencarum-pencarum yang sakit belakang. Kerana ramai di antara mereka ini bersungut bila saya balik. Dia suruh tanya. Bagaimanakah mereka ini, pencarum ini dapat daripada sumbangan ini terutama alat yang disebutkan tadi untuk mendapatkan kelulusan. Mereka tidak dapat kerja, mereka hendak pencen dan llat ini bolehkah, bagaimana? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Memang kita dapati ramai pekerja-pekerja Malaysia yang mengalami pelbagai penyakit termasuklah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat seperti sakit tengkuk, bahu dan juga tulang belakang, termasuk yang terbaru, lutut yang berjumlah kira-kira 29 ribu orang dalam Malaysia.

PERKESO telah lama menjalankan usaha-usaha pemulihan iaitu *return to work*, kembali bekerja dan hari ini kita telah mengambil model daripada Helsinki, Finland dan juga daripada Luxembourg daripada pusat pemulihan Mondorf, di Luxembourg dan kita telah pun membuka dua pusat pemulihan. Satu di Ipoh, dan satu lagi di Ampang itu sendiri. Saya sendiri pun telah melawat pusat di Luxembourg itu dan saya dapati model yang ada di Luxembourg itu memang sesuai di tempat kita.

Kita telah mempunyai ramai pesakit yang sedang dipulih di pusat pemulihan Ipoh dan juga di Ampang itu sendiri. Pada tahun 2007 kita akan membawa masuk lebih banyak lagi pesakit-pesakit ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, daripada apa yang telah kita lakukan, 86% daripada yang telah dipulihkan berjaya untuk kembali ke tempat kerja. Terima kasih pada soalan begitu baik.

5. Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, jumlah penerbangan yang diperlukan bagi semua sektor dalam negeri iaitu *domestic flights*, termasuk ke Semenanjung Malaysia, di Sarawak dan Sabah. Adakah AirAsia dan FAX dapat memberikan jaminan bahawa ianya tetap boleh mengambil alih kesemua penerbangan domestik ke Sarawak dan Sabah yang dilepaskan oleh MAS selepas Ogos 2006.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah penerbangan yang diperlukan bagi sesebuah sektor adalah bergantung kepada *load factor* bagi sektor yang terlibat. Sekiranya *load factor* adalah tinggi, maka syarikat penerbangan akan bertindak menambah kekerapan penerbangan bagi sektor tersebut untuk menampung keperluan dan permintaan penumpang.

Hasil rasionalisasi perkhidmatan udara yang telah dilaksanakan pada 1 Ogos 2006, penerbangan Malaysia MAS kini mengadakan perkhidmatan 25 *trunk road*, AirAsia melalui *Fly Asian Express* ataupun FAX pula telah mengambil alih perkhidmatan MAS bagi perkhidmatan udara luar bandar dan perkhidmatan Foker 50.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, AirAsia dan FAX kini menjalankan perkhidmatan ke atas kesemua penerbangan domestik ke Sarawak dan Sabah yang dilepaskan oleh MAS selepas bulan Ogos 2006. Sekian, terima kasih.

Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih atas jawapan menteri. Soalan saya adalah berkenaan dengan *schedule* penerbangan. Saya bagi contoh, dari Kuching ke Sibu kalau dahulunya kita ada 11 penerbangan satu hari tetapi sekarang MAS cuma mengambil tiga dan AirAsia mungkin tiga juga, jadi jauh kurang dari dulu. Bukan itu sahaja, *first flight* dari Kuching ke Sibu adalah pukul 12.30 tengah hari untuk MAS dan pukul 11.20 untuk AirAsia. Jadi ini telah memberi masalah bagi kita yang ada kawasan dari Kanowit dan di Kapit. Kalau di Kapit lebih teruk lagi.

Kita terpaksa pergi untuk menghadiri mesyuarat ataupun majlis di waktu pagi, semalam terlebih dahulu. Kalau di Kapit, dua malam lebih dahulu sebab terpaksa menggunakan *express boat* lagi untuk pergi ke Kapit. Jadi adalah menjadi masalah sebab masa dan kos menjadi tinggi. Jadi, saya berharaplah kerajaan meneliti perkara ini dan mengembalikan balik penerbangan masa pagi itu jam 7 atau jam 8 supaya kita dapat menghadiri majlis ataupun mesyuarat di kawasan yang luar dari Kuching ataupun ke Sibu dan Miri sama juga.

Yang kedua adalah berkenaan dengan AirAsia yang tidak menggunakan *aerobridge*. Inilah sangat menjadi masalah besar kepada orang-orang yang sakit, orang tua, kanak-kanak, OKU, sebab mereka turun daripada kapal terbang ke jalan tarmac dan naik ke atas tangga untuk ke *aerobridge*. Kalau hujan lebih teruk lagi dan itulah saya fikir, kalau dapat kementerian mewajibkan AirAsia untuk menggunakan *aerobridge* ini. Tiada sebab mereka tidak menggunakan ini. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Selepas *rationalization* saya sendiri sangat mengambil berat tentang perkhidmatan khususnya FAX di kawasan pedalaman di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh kerana perkhidmatan udara memang merupakan *mode transport* yang tunggal, memang rakyat tiada pilihan yang lain khususnya bagi kawasan pedalaman.

Ini sangat-sangat penting bagi rakyat di kawasan pedalaman. Maka saya sendiri meneliti dan mengambil berat tentang perkara ini dan kerap juga saya bertemu dengan pihak AirAsia dan FAX supaya mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan dari masa ke masa.

Saya setuju beberapa sektor di mana kekerapan memang telah dikurangkan, tetapi kapasiti telah ditambah oleh kerana jenis pesawat yang digunakan itu sudah lain, walau bagaimanapun, saya juga akan memberi penelitian yang khusus kepada perkara ini supaya bukan sahaja kapasiti ditambah tetapi kekerapan juga kalau sekiranya boleh dikekalkan.

Yang keduanya, saya juga mengambil berat tentang jadual penerbangan di mana saya telah memberitahu kepada semua syarikat penerbangan bukan sahaja FAX dan AirAsia tetapi saya telah memberitahu kepada MAS juga supaya bila syarikat-syarikat penerbangan merancang jadual penerbangan mereka mesti memastikan bahawa *there is a very good spread of services*, dengan izin. Maka bolehlah memudahkan rakyat. Maka semua perkara ini dalam penelitian Kementerian dan saya janji bahawa kita akan cuba sedaya upaya untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan semua syarikat penerbangan dalam aspek ini.

Tentang penggunaan *aero-bridge* oleh AirAsia, memang ini adalah satu isu yang boleh menambahkan kos Air Asia dan juga menjejaskan *turn around time* syarikat tambang murah ini. Oleh kerana satu fenomena yang sangat penting bagi LCC ini ialah *turn around time* mesti adalah dalam masa 20 dan tidak melebihi 25 minit. Kalau sekiranya melebihi jangka masa ini, maka penjimatan kos ini tidak dapat diperolehi maka tambang LCC ini ada kesan akan meningkat. Maka kegunaan *aerobridge* memang ada *impact* kepada tambang kepada LCC.

Walaupun bagaimanapun kita juga akan membawa perkara kepada Air Asia khususnya kalau sekiranya mereka tetap untuk memilih tidak menggunakan *aero-bridge* tetapi bagi orang yang memerlukan khusus seperti OKU mestilah memberikan kemudahan yang tertentu kepada golongan pelanggan ini.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyokong penuh saranan daripada Yang Berhormat bagi Kanowit sebab kawasan saya Kapit pun mengguna *route* yang sama itu, dan kita banyak mengalami masalah tentang *schedule* pergi dari Kuching ke Sibu dan seterusnya ke Kapit.

Saya hendak buat soalan tambahan, saya hendak penjelasan daripada Kementerian. Mungkin ini lebih menyentuh kepada Kementerian lain tetapi pada masa sekarang saya hendak penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan. Di AirAsia ini tambang dia tetap ataupun kalau kita tempah daripada internet ianya murah. Bukan semuanya dapat melalui internet dan kita terpaksa membeli dari kaunter jadi dia mahal.

Jadi di pedalaman Kapit mungkin kita masih belum ada lengkap kemudahan internet, jadi kemudahan itu kita tidak dapat menikmatinya. Soalan yang sebenarnya saya hendak minta penjelasan ini, apabila kita sudah menempah tiket akan tetapi kita perlu mengubah perjalanan jadi *no-show*, kita akan kehilangan semua duit yang kita sudah beli tiket itu. Yang saya hendak tanya bagaimana dengan *reimbursement*. Adakah *portion* yang *tax*, cukai kerajaan itu mengapa tidak dikembalikan kepada pembeli tambang ataupun sepatutnya tiket yang telah dibeli itu, ke manakah *portion tax* itu pergi? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Bila seseorang tidak menggunakan tiket untuk satu penerbangan oleh sebab-sebab tertentu, bagi LCC memang bayaran ini tidak akan dipulangkan kepada pelanggan, ini memang cara operasi LCC tetapi bagi FAX ini kalau sekiranya *no-show* memang boleh dipulangkan kepada pelanggan selepas ditolak sebahagian, lebih kurang 25% tetapi bagi *tax* ini kalau *no-show*, *airport tax* ini merupakan pendapatan bukan kepada syarikat penerbangan tetapi kepada kerajaan dan kerajaan akan menyerahkan kepada MAB. Maka saya telah memberitahu kepada syarikat penerbangan bahawa kalau sekiranya *no-show*, tidak dapat dipulangkan semua bayaran kepada pelanggan tetapi *tax* ini harus dikembalikan, dipulangkan kepada pelanggan.

Ini memang merupakan dasar kerajaan, saya sangat-sangat jelas dan dalam mesyuarat Kementerian semalam *Post Cab*, kita telah membincang panjang lebar supaya perkara ini harus dilaksanakan.

Ini memang merupakan hak rakyat untuk menuntut balik bahagian cukai ini, tetapi saya diberitahu oleh AirAsia bahawa kalau sekiranya pelanggan menuntut bahagian ini memang akan dikembalikan kepada rakyat, tetapi nampaknya tidak ramai pelanggan tahu perkara ini, maka saya hendak minta kerjasama daripada media supaya dapat menyebarkan maklumat ini kepada semua pelanggan ataupun rakyat Malaysia supaya tahu ini memang hak mereka untuk menuntut balik bahagian cukai ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan ini, saya mohon pembetulan perkataan "kitar semula" dibetulkan dengan "barangan terpakai".

6. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bilangan lesen pengusaha 'barangan terpakai' serta langkah-langkah kementerian ini untuk membendung jenayah mencuri bahan keluli elektrik dan telefon yang semakin aktif sehingga ramai terkorban.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah lesen peniaga bahan terpakai dan lusuh yang dikeluarkan di bawah Akta Peniaga *Secondhand* 1956 ialah sebanyak 7,606 dengan lima negeri yang mempunyai bilangan tertinggi ialah Perak 1,824, Johor 1,191, Selangor 881, Pulau Pinang 865 dan Kedah 550. Lesen ini dikeluarkan untuk mereka yang berniaga barangan *secondhand* seperti kenderaan terpakai, motosikal terpakai, alat ganti terpakai, besi buruk, logam lama seperti loyang, tembaga, plumbum, zink dan timah. PDRM juga telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi memastikan peniaga barang-barang lusuh tidak terlibat dalam aktiviti membeli barangan curi iaitu:

- (i) mengadakan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa ke atas premis perniagaan barang lusuh;
- (ii) pemantauan terhadap orang perseorangan yang sering datang ke premis berkenaan atau yang disyaki terlibat dengan kes kecurian;
- (iii) rondaan pada waktu malam untuk memastikan tiada urusan jual beli selepas waktu perniagaan dibenarkan;
- (iv) perjumpaan secara berkala antara ketua balai polis dengan pemegang lesen;
- (v) merekodkan nama dan butiran pekerja di premis berkenaan; dan
- (vi) mengesyorkan supaya lesen-lesen ditarik balik sekiranya pemilik tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Pendirian kementerian berkaitan dengan perniagaan barangan lusuh adalah jelas, iaitu tidak akan sama sekali berkompromi dengan peniaga-peniaga yang didapati telah menyalahgunakan lesen yang diberikan dengan menjalankan kegiatan haram dan bersubahat dengan penjenayah bagi mendapatkan keuntungan dengan cara mudah. Mereka yang terlibat boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perniagaan Second-Hand 1956, seksyen 29(1) Undang-undang Kesalahan Kecil, seksyen 411, 413 dan 414 Kanun Keseksaan. Dalam hal ini pihak PDRM juga akan mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri supaya membatalkan lesen peniaga barang-barang lusuh yang didapati melanggar syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri juga dalam proses untuk menyemak semula Akta Perniagaan Second-Hand 1956 bagi memperkemas kini kelemahan-kelemahan sedia ada. Sehubungan dengan itu satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi memastikan pindaan akta ini dapat membanteras kegiatan jenayah ini.

Kementerian ini juga akan menjemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bagi bersama-sama menyemak keperluan-keperluan baru supaya dimasukkan dalam pindaan akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa selalunya terkorban orang-orang yang mencuri bahan keluli, elektrik dan sebagainya terkorban disebabkan mereka sebenarnya ialah orang-orang yang masih *fragile*, dengan izin, masih dalam khayalan.

Saya difahamkan kebanyakan ini adalah penagih dadah dan juga penghidu-penghidu gam. Adakah langkah-langkah kerajaan untuk dapat mengesan supaya penjenayah-penjenayah ini betul-betul kita dapat tangkap dan bawa kepada pihak yang berkenaan.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan sebilangan pencuri barangan kabel dan logam adalah penagih dadah. Walaupun saya tidak ada angka yang tepat mengenai jumlah penagih dadah yang terlibat dalam ini, tetapi saya juga ingin memaklumkan di sini jumlah kes yang dilaporkan, yang dikaitkan dengan kecurian kabel dan logam bagi tempoh Januari hingga September tahun ini ialah sebanyak 1,901 kes yang melibatkan nilai barangan sebanyak RM12,381,000. Dalam tempoh yang sama, 831 tangkapan telah dilakukan dan kes-kes dalam siasatan ialah 435, dalam perbicaraan 279 dan telah dituduh 371 kes. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat akhbar pada 27 November di Johor Bahru, 100 penghuni telah kerugian RM100 ribu sebab kabel elektrik dicuri dan barangan elektrik meletup. Kemudian semalam kita lihat akhbar melaporkan sebuah kedai membeli barang-barang lusuh telah diserbu dan didapati banyak kabel tembaga di dalam kedai tersebut.

Soalan saya adakah kerajaan akan mewajibkan, bukan sekadar daripada pihak polis yang mengambil nama penjual yang sering mengunjungi kedai tersebut, mewajibkan identiti penjual itu direkodkan supaya apabila berlaku kes-kes semacam kecurian kabel ini dapat atau senang dihubungi orang yang menjual tersebut dan senang mengesan siapakah penjualnya dan bolehlah terus menyiasat kes-kes selepas itu. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya mengikut Akta Second-Hand ini seksyen 12, segala barangan yang telah dibeli dan dijual oleh syarikat tersebut perlu ada rekod terhadap penjual dan kepada siapa yang kita menjual barangan itu. Ini termasuk nama, alamat, IC, tarikh dan barangan yang telah dibeli dan dijual. Ini adalah salah satu keperluan dalam seksyen ini. Kalau ia tidak merekodkan akaun ini, maka peniaga itu boleh dikenakan denda sebanyak RM2,000 pada kesalahan pertama dan dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Untuk kesalahan kedua denda ialah RM2,000 dan boleh dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui pada keseluruhannya pihak PDRM dan juga pihak berkuasa tempatan perlu mempertingkatkan lagi usaha pemantauan dan pemeriksaan terhadap mereka yang terlibat dalam akta ini. Kementerian juga menyedari ada kelemahan yang tertentu dalam akta ini, maka kementerian akan ambil tindakan untuk mengemaskinikan akta ini dari pelbagai aspek termasuk mekanisme mengeluarkan dan membatalkan lesen, *magnitud* hukuman dan denda, dan juga mekanisme pemeriksaan dan pemantauan. Ini akan dilakukan dengan secepat yang mungkin. Sekian.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut akta ini, kalau kita tengok seksyen 6, Akta 22, ia ada menyatakan bahawa penjualan macam loyang, tembaga dan plumbum ini tidak dibenarkan. Saya pun tidak tahu mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ini sepatutnya dibenarkan untuk perniagaan barangan lusuh. Saya hendak dapat sedikit penjelasan, ini satu.

Yang kedua ialah mengenai beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa ini memang satu perkara yang serius sekarang ini iaitu kecurian '*earthing*' di *substations* tertentu telah menyebabkan banyak perkakas rumah telah rosak dan ini menyusahkan ramai rakyat kita.

So, saya hendak tanya, adakah PDRM mempunyai satu tindakan ataupun langkah-langkah yang segera bagaimana kita boleh mengurangkan kegiatan penjualan atau perniagaan bahan lusuh ini secara haram iaitu tidak berlesen? Saya hendak tahu apakah tindakan yang segera ini? *It is become worse and worse now*. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada salah faham sedikit. Tidak dibenarkan kecuali dilesenkan. Itu maksudnya kalau mengikut akta ini, mereka yang ingin terlibat dalam perniagaan barangan logam *secondhand* perlu mendapat lesen daripada pihak polis mengikut akta ini. Saya faham bahawa rakyat ragu tentang kes-kes curi yang kian meningkat. Ini disebabkan barangan *secondhand* telah pun berlainan dan bertambah skopnya dan kuantitinya pun telah bertambah dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun pihak polis sebenarnya pada Mei tahun 2005 telah pun mengeluarkan satu arahan pentadbiran di mana pihak polis dikehendaki mempertingkatkan langkah pemeriksaan dan pemantauan. Ini termasuk mensyaratkan supaya Ketua Polis Daerah memastikan ada pemeriksaan sekali setiap minggu terhadap mereka yang telah dikeluarkan lesen dalam bidang ini. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian meluluskan cadangan untuk membina Kompleks Sukan Komuniti di atas tanah kerajaan di Batu 7, Ijok, Kuala Selangor. Jika diluluskan berapakah jumlah kos yang terlibat dan bila ia akan dilaksanakan.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin memaklumkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diluluskan pembinaan sebanyak 50 buah Kompleks Sukan Komuniti. Skop kerja yang diluluskan oleh Jawatankuasa Piawaian dan Kos, Unit Perancangan Ekonomi ialah sebanyak RM3 juta bagi setiap unit KSK. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan tapak oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Walau bagaimanapun tapak cadangan tersebut perlu mendapat ulasan daripada Jabatan Teknik JKR untuk menentukan kesesuaian tapak tersebut. Lawatan tapak akan diadakan untuk menentukan kesesuaian tapak tersebut. Jika tapak tersebut didapati sesuai untuk pembinaan KSK ini, insya-Allah ia dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah dasar kementerian apabila Kompleks Sukan Komuniti dibina dalam negara kita? Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengurus dan juga menyelenggarakan kompleks berkenaan, sama ada Jabatan Belia dan Sukan Daerah, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak yang tertentu? Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dasar kementerian dalam mewujudkan KSK ini ialah untuk mengganti pembinaan stadium-stadium yang didapati sentiasa mempunyai satu kos yang tinggi, bukan sahaja di dalam pembinaan tetapi juga dalam penyelenggaraan.

Keduanya kementerian mendapati bahawa pembinaan stadium-stadium selari bagi tempat-tempat yang tertentu. Kementerian dalam dasar mewujudkan sukan sebagai satu budaya dan satu kerjaya, menganggarkan perlunya wujud kompleks-kompleks sukan yang kecil di kawasan-kawasan luar bandar, khasnya di kawasan-kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Itu adalah dasar kementerian.

Berkenaan dengan tanggungjawab mengurus dan mengendali, kementerian menyedari bahawa perlulah diwujudkan satu pendekatan yang menggalakkan belia untuk mengendali dan menguruskan kompleks ini. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada persetujuan daripada pihak EPU yang akan dibentangkan oleh kementerian setelah Kompleks Sukan Komuniti ini siap dibina.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana meluluskan Kompleks Sukan Komuniti di Bera.

Soalan tambahan saya ialah apakah pihak kerajaan atau kementerian bercadang untuk memberikan sumbangan ataupun geran bagi kos penyelenggaraan di setiap Kompleks Sukan Komuniti yang dibina kerana walaupun belia ataupun sesiapa sahaja diberikan peranan untuk menyelenggarakan, tetapi saya tidak yakin tentang cukupnya pendapatan daripada penyewaan Kompleks Sukan Komuniti tersebut.

Saya ingin memberi contoh di Parlimen saya, Kompleks Rakan Muda misalnya, kita mempunyai tapak-tapak permainan, *court* badminton, skuasy, tenis dan sebagainya. Untuk sewa *court* badminton misalnya cuma RM8 satu jam dan keseluruhan pendapatan untuk penyewaan adalah RM2000 hingga RM3000 sahaja sebulan. Jadi saya tidak yakin kalau Kompleks Sukan Komuniti diberi kepada satu badan untuk menyelenggarakan dan badan itu mengutip sewa dan menggunakan duit kutipan untuk menyelenggarakan kompleks sukan tersebut, saya tidak yakin ianya mencukupi.

Jadi soalan saya ialah adakah pihak kementerian memikirkan untuk memberikan sumbangan tertentu dengan jumlah tertentu supaya dapat membantu. Jadi berapakah jumlah kalau pihak kementerian bersetuju dengan cadangan tersebut?

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Pertama sekali kementerian menyedari antara masalah dalam kos penyelenggaraan adalah kita berhadapan dengan dilema penggunaan. Kerana pengguna-pengguna di Malaysia kalau kita lihat secara umum tidaklah begitu ramai seperti pengguna-pengguna sukan di negara-negara lain terutama sekali negara Australia, United Kingdom dan juga Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, kementerian menyedari perkara ini akan dapat insya-Allah diselesaikan kalau diletakkan belia untuk mengendalikan kompleks ini memandangkan perancangan-perancangan bukan sahaja dalam aspek penyelenggaraan tetapi mewujudkan program-program yang akan menggalakkan pemakaiannya, pertama.

Kedua, kementerian juga menyedari dalam kompleks rakan muda sebagai contoh terdapat satu situasi di Subang Jaya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana satu kompleks sukan yang diwujudkan oleh kerajaan tempatan telah disewakan kepada satu syarikat yang dapat mengendalikan penggunaan pada kos yang begitu rendah kepada masyarakat. Kementerian menyedari antara cabaran yang dihadapi oleh kementerian ialah kepakaran-kepakaran penyelenggaraan tidak ada dalam kementerian khasnya di dalam kawasan-kawasan luar bandar dan juga penggunaan stadium-stadium yang besar. Itu sebabnya terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera, kementerian juga memandang serius kepada perkara ini kerana kita tidak mahu kompleks-kompleks sukan yang dibina ini dengan izin, dijadikan *white elephant* dengan izin ataupun gajah putih.

Dan insya-Allah bagi kementerian penekanan yang hendak ditekankan dalam kewujudan kompleks-kompleks ini ialah mewujudkan penyelenggaraan dan juga dengan izin, *marketing* iaitu konsep pemasaran bagi mereka yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kompleks ini.

8. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kementerian bercadang mengenakan tindakan yang lebih keras terhadap pemandu kenderaan yang dikenal pasti berulang kali melakukan kesalahan jalan raya contohnya dengan menggantung lesen memandu mereka serta menghukum mereka dengan melakukan kerja khidmat komuniti.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang yang sedia ada pembatalan atau penggantungan lesen memandu telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan melalui Sistem KEJARA iaitu di bawah kenderaan motor ataupun mata demerit 1997. Mana-mana pemegang Lesen Memandu Percubaan ataupun lesen P yang telah mengumpul 10 mata demerit atau lebih akan dibatalkan lesen memandunya oleh JPJ. Manakala bagi pemegang-pemegang lesen memandu kompeten CDL yang mengumpul 15 mata demerit atau lebih akan digantung lesen memandu bagi tempoh tidak melebihi 24 bulan. Sejak tahun 1997 hingga bulan Jun 2006, sebanyak 24,581 lesen memandu kompeten telah digantung oleh JPJ. Dalam tempoh yang sama sebanyak 6,738 Lesen Memandu Percubaan telah dibatalkan di bawah Sistem KEJARA.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pihak kementerian melalui JPJ juga sedang mengkaji cadangan untuk mengenakan *loading* semasa mengambil insurans untuk memperbaharui lesen kenderaan motor ke atas pemilik-pemilik kenderaan yang sering melakukan kesalahan lalu lintas. Dengan adanya *loading*, pemandu atau pemilik yang melakukan kesalahan lalu lintas akan lebih berhati-hati semasa di jalan raya bagi mengelakkan kenaikan kadar insurans. Berhubung isu hukuman kerja khidmat komuniti, kementerian kini belum lagi bercadang untuk mewujudkan hukuman melakukan kerja-kerja komuniti kepada pesalah trafik. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Menteri yang baru-baru ini datang ke Sabak Bernam tetapi balik kepada jalan raya kita, nampaknya ia macam medan peperangan, satu hari tidak kurang daripada seribu kemalangan jalan raya berlaku. Kalau ini kita dasarkan kepada OPS Sikap di mana tiap-tiap hari lebih daripada itu, itu dalam OPS Sikap dan lebih 10 kematian berlaku tiap-tiap hari. Jadi kita merakamkan penghargaan atas segala usaha daripada kementerian yang disebutkan tadi, boleh tak nama-nama yang dikenakan digantung lesen dan langkah yang seumpamanya, dihebahkan mungkin masuk surat khabar dan sebagainya supaya nampak penguatkuasaan ataupun tindakan itu diambil.

Yang kedua, ini soalan yang penting Sabak Bernam ingin memberikan cadangan supaya permuafakatan pintar dengan ahli masyarakat dilaksanakan. Satu ketika dulu, pegawai kumpulan 'A' diberi satu bentuk kuasa untuk melaporkan mana-mana pesalah jalan raya kepada pihak JPJ dan dalam tempoh tertentu diambil tindakan. Dan dalam konteks ini, Sabak Bernam mencadangkan supaya di peringkat daerah khususnya diwujudkan satu Jawatankuasa pemantauan khas di mana mereka ini diberikan satu bentuk logo ataupun pelekat diletakkan pada kereta mereka. Kita lihat kalau ada polis *petrol car* dengan izin, dengan signal mereka, bila itu berlaku pengguna jalan raya ini nampak lebih berhati-hati. Jadi dengan adanya jawatankuasa pemantau ini dengan logo tertentu pada tempat-tempat tertentu, saya yakin bahawa ini boleh mengawal dan mengurangkan masalah kesalahan jalan raya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Memang masalah kemalangan jalan raya memang masih dalam satu tahap yang membimbangkan. Sungguhpun kita terletak dalam berbanding dengan negara-negara dari seluruh dunia, kalau ikut *benchmark* 4.2 orang mati bagi sepuluh ribu buah kenderaan berdaftar, kita dalam keadaan lebih kurang 30 dalam seluruh dunia tapi kita sedikit pun tidak merasa gembira dalam keadaan ini oleh kerana masih ramai mati. Setiap hari lebih kurang 17 orang mati, lebih kurang enam ribu orang mati setiap hari. Walau bagaimanapun kemalangan jalan raya ini memang merupakan satu cabaran yang cukup besar kerana kenderaan kian meningkat, sudah sampai 15 juta kenderaan pada hari ini dan bilangan pemandu meningkat juga setiap tahun, sudah sampai sepuluh juta pemandu dan setiap tahun lebih kurang 400 ribu pemandu baru khususnya mereka yang berumur sangat muda.

Maka untuk menangani masalah ini, memang merupakan satu cabaran yang cukup besar bagi kerajaan, bagi kementerian dan juga bagi rakyat Malaysia pada keseluruhannya tetapi walau bagaimanapun kerajaan memang sangat-sangat komited dan *determine* untuk menangani masalah ini juga di mana kita sudah mengadakan satu rancangan yang menyeluruh, Rancangan Lima Tahun, 2006 sampai 2010 di mana sembilan strategi telah dirangka, 52 program telah dirancang termasuk *education*, penguatkuasaan, pendidikan, *engineering* dan sebagainya. Memang kita memerlukan kerjasama termasuk apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, memang sangat dialu-alukan, usaha dan cadangan yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Walaupun bagaimanapun saya hendak menyarankan kepada semua rakyat Malaysia khususnya pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat bila kita melaksanakan program lima tahun yang saya sebutkan tadi, kita akan melibatkan penyertaan dari semua masyarakat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang. Ini memang merupakan satu usaha bersama tidak kira apa latar belakang tapi untuk kepentingan rakyat. Maka saya merayulah kepada sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

9. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, langkah kerajaan dalam membantu persatuan pengguna di setiap negeri dapat bergerak aktif membela hak pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa menganggap bahawa persatuan pengguna sebagai rakan yang rapat dan pada masa ini kami menjalinkan kerjasama yang baik dengan persatuan pengguna.

Ini kerana Kementerian berpendapat persatuan pengguna dapat membantu Kementerian melaksanakan tanggungjawab mereka untuk membela hak-hak pengguna di samping meningkatkan kesedaran kepenggunaan yang tinggi dalam masyarakat.

Bagi memastikan peranan ini dapat berjalan dengan lancar, Kementerian ada menyalurkan bantuan kewangan bagi membolehkan persatuan pengguna melaksanakan program-program penggunaan kepada semua lapisan masyarakat. Di samping bantuan kewangan, Kementerian juga mengadakan program perkongsian pintar atau *smart partnership* dengan persatuan-persatuan pengguna melalui kempen-kempen, seminar-seminar kesedaran pengguna, pengedaran poster risalah di mana Kementerian membiayai program tersebut dan pihak persatuan bertindak selaku urus setia atau badan pelaksana kepada program tersebut.

Dalam memberi bantuan kepada persatuan-persatuan pengguna, pemberian ini adalah berdasarkan merit ataupun justifikasi terlebih dahulu dan ini termasuklah kos sebenar yang diperlukan ditanggung oleh persatuan serta tujuan dan golongan sasaran yang hendak dilaksanakan. Dengan adanya bantuan ini haraplah dapat meringankan beban kos penggunaan persatuan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Masa pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah habis. Cukuplah Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (NO.2) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta untuk meminda Akta Eksais 1976, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Keenambelas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

11.32 pagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, sedikit penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa memberi jawapan dua minggu lepas telah mengatakan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ipoh Barat iaitu mengenai perjudian dan mengatakan jawapan bertulis akan diberi tetapi sudah tiga minggu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya dapat sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nantilah Yang Berhormat, tunggulah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tunggu sampai bila Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah angguk itu Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat kata dua minggu tapi sudah tiga minggu. Akan diberi atau tidak boleh saya tahu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah angguk itu Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Maksud B.44 [Jadual] –

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.44 dan P.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

11.35 pagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh kepada Butiran 090000 - Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia dan 100000 - FINAS (Perbadanan Filem Negara).

Di bawah kraf tangan ini walaupun sekarang sudah bertukar daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ada disebut dalam tujuan untuk hasilkan produk baru.

Saya hendak tanyalah kepada kementerian apa produk baru yang hendak dihasilkan oleh kementerian ini sedangkan kita tahu banyak lagi produk yang berupa tradisional yang diusahakan oleh orang-orang kampung, usahawan-usahawan muda, belia dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Umpamanya di kawasan saya yang menghasilkan golok, parang, tongkat bermacam-macam berdasarkan bahan-bahan tempatan termasuk keris. Keris bersepah-sepah tak ada pun yang mengatakan keris ini menakutkan sesiapa. Saya pun tak fahamlah. Yang kita tahu keris ini adalah merupakan lambang perpaduan sebenarnya. Keagungan yang telah kita warisi sejak turun-temurun, sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Jadi barangkali mungkin sudah tiba masanya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bukan sahaja memperjelaskan lagi kepada mereka yang tak faham, mereka yang daif tentang isu ini dalam....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, butiran itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Butiran 090000-Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya hendak tahu, selain kita hendak menghasilkan produk-produk baru Tuan Pengerusi kita mesti juga tumpukan kepada produk-produk yang sedia ada. Di kawasan saya di Larut ini banyak. Boleh dikatakan banyak yang telah dihasilkan tetapi tidak dapat hendak diketengahkan pemasarannya. Jadi saya berharaplah supaya usaha-usaha dibuat dalam kita mengetengahkan lagi produk-produk yang sedia ada terutama sekali dalam kita hendak menarik pelancong melawat Malaysia tahun 2007. Kalau kita melawat ke negara-negara lain ada cenderahati yang dibawa oleh pelancong-pelancong dari sesebuah negara. Jadi kita ini bagaimana?

Jadi saya berharaplah supaya di masa akan datang apabila ada usaha-usaha untuk memasarkan produk-produk tempatan ini dapat dilakukan dengan lebih konsisten dengan izin terutama sekali dalam kita mewujudkan usahawan-usahawan muda dalam bentuk produk-produk tempatan. Dan saya amat mengalu-alukan usaha untuk meningkatkan lagi akademik ataupun kursus kemahiran kraf tangan ini dapat dimajukan lagi.

Satu lagi saya hendak sebutkan di sini ialah tentang Perbadanan Filem Negara. Saya hendak bertanyalah kepada kementerian berapa ramai usahawan muda yang telah kita bantu untuk menceburkan diri dalam pembikinan filem dokumentari ini. Ini amat perlu sekali, kerana kita amat kekurangan filem-filem dokumentari terutama sekali bagi generasi muda supaya dapat memahami warisan dan sejarah perjuangan negara kita dan ada juga yang merungut memberitahu Tuan Pengerusi, mereka tahu ada insentif galakan tapi sukar untuk mereka perolehi. Ada di kalangan artis-artis yang telah lama berpengalaman yang turut hendak memajukan dalam pembikinan filem di bawah FINAS tapi sukar untuk mendapat bantuan sedangkan kepimpinan FINAS ini adalah diterajui oleh bekas tokoh pelakon veteran yang juga merupakan seorang Senator, Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin.

Jadi saya berharap perkara ini dapat dilihat supaya kita dapat mengetengahkan lagi mereka yang benar-benar ingin terlibat dalam usaha memajukan lagi filem dokumentari ini dan lebih penting lagi dalam soal R&D iaitu *research and development* tentang kita hendak mengetengahkan lagi lebih banyak usaha budaya warisan di tanah air kita ini. Jadi Tuan Pengerusi saya mohon menyokong...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Empat orang lagi ya. Yang Berhormat bagi Ketereh.

11.39 pagi.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk melibatkan diri dan turut berbahas mengenai kementerian ini. Butiran yang saya ingin sebutkan hanya ada dua iaitu Butiran 030100 - Kebudayaan dan Kesenian yang melibatkan RM69 juta peruntukan dan 030100 RM33 juta dan tajuk yang kedua ialah Butiran 110000 - Dasar Baru kementerian yang melibatkan RM91 juta.

Perkara yang ingin saya sebutkan mengenai kebudayaan dan kesenian ialah ia merupakan asas kepada perpaduan negara ini. Kita semua telah bersetuju bahawa budaya Melayu adalah merupakan asas kepada budaya kebangsaan. Sebab itu dalam pakaian kebangsaan kita, kita menggunakan pakaian Melayu warna hitam, songkok hitam dan songketnya adalah songket emas. Sama ada ia orang Cina, orang India orang Benggali atau sebagainya apabila mereka memakai pakaian kebangsaan, pakaian kebangsaan adalah itu. Sungguhpun pada satu ketika orang Cina menganggap warna hitam adalah warna berkabung, tetapi oleh kerana ia telah diterima kebudayaan Melayu ini diterima sebagai asas kepada kebudayaan kebangsaan maka duta-duta kita yang juga tidak berbangsa Melayu memakai pakaian ini kerana ada warna emas dalam sampungnya.

Saya masih ingat semasa saya di Universiti Teknologi Malaysia dahulu ramai penuntut-penuntut Cina menentang pemakaian songkok sebagai sebahagian daripada pakaian konvokesyen tetapi apabila dinyatakan dalam forum terbuka antara saya dengan Naib Canselor pada masa itu Tan Sri Ainuddin Wahid, sebenarnya songkok bukan merupakan pakaian konvokesyen. Pakaian konvokesyen UTM ialah sebuah jubah yang dipakai bersama dengan pakaian kebangsaan. Pakaian kebangsaan itu ialah baju Melayu warna hitam dan songkok tetapi mereka menganggap songkok adalah sebahagian daripada pakaian konvokesyen, tetapi akhirnya isu itu dapat dinyatakan dan diselamatkan kerana semua orang memahami bahawa....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini saya anggap lebih daripada dasar.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ini bukan dasar. Ini kebudayaan dan kesenian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah mesej...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Mesej yang hendak saya sampaikan kepada kita ialah kerana pada hari ini ramai di antara orang Melayu dan orang Cina dan orang India tidak cuba memahami budaya ini. Itu yang timbul soal keris. Jadi tujuan bajet ini dibuat saya ingin meminta kementerian supaya menggunakan sepenuhnya bajet ini untuk memahamkan orang-orang yang tidak faham ini misalnya penggunaan keris. Semalam saya bercakap dengan seorang timbalan menteri. Beliau mengatakan bahawa sebenarnya pengeluaran keris ini sebenarnya bukan orang Cina benci, tetapi orang Cina takut dengan perbuatan yang sedemikian. Itu sebenarnya takut kerana keris ini terhunus tetapi percayalah kepada saya, keris yang dihunus itu bukan untuk membunuh. Keris yang terhunus itu adalah merupakan istiadat untuk menyatakan simbolik. Keris itu kalau bersarung tidak ada maknanya tetapi bila terhunus dan dicium maknanya kita mengambil iktibar, keadilan, kekuatan yang ada pada keris itu. Bukan untuk membunuh orang. Sebab itu cokmar di Universiti Teknologi Malaysia ialah keris panjang 25 lok. Bukan cokmar ini, keris kuasa.

Jadi saya hendak minta kementerian pergunakanlah bajet 030100 Kebudayaan dan Kesenian dan 1100 Dasar Baru ini untuk memberi faham terutamanya kepada pembangkang yang sentiasa hendak mengambil kesempatan daripada perkara ini untuk memecahbelahkan perpaduan masyarakat. Isu ini kecil sebenarnya tetapi diperbesar-besarkan, ditimbulkan dan saya seharian pagi ini membaca *Hansard* pergaduhan mengenai keris. Tidak patut timbul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, kita boleh balik kepada tajuk yang lain.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang kedua, kita juga meletakkan pakaian Parlimen kita *number one dress* macam songkok yang Tuan Pengerusi pakai. Ia sudah tidak lagi songkok. Ia merupakan sebahagian daripada pakaian *Deputy Speaker*. Ia bukan songkok lagi. Kalau songkok ia warna hitam tetapi bila sudah diwarnai dengan benda lain, ia sudah tidak jadi songkok tetapi saya tidak pernah tengok ahli-ahli pembangkang pada hari pembukaan Parlimen memakai pakaian *number one dress* ini. Apakah kerana mereka tidak menerima kebudayaan Melayu yang merupakan asalnya songkok ini menjadi asas kepada kebudayaan kebangsaan? Itu persoalannya. Saya hendak minta mulai pada hari ini cukuplah kita bercakap soal remeh ini. Kalau kita benar-benar sayangkan negara ini kita tubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini untuk membawa warisan. Asasnya adalah jelas, kebudayaan Melayu adalah menjadi teras kepada kebudayaan kebangsaan. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Tebrau. Tiba-tiba Yang Berhormat bagi Tebrau masuk.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Bukan tiba-tiba Tuan Pengerusi ada tugas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini alasan masing-masing tetapi bagi kita yang baru masuk punya mulai sekarang saya kena buat catatan.

11.45 pagi.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Saya hendak sentuh Butiran 120400 Program Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Sebelum itu saya hendak sentuh tentang program raksasa. Saya hendak beri satu program raksasa seperti perayaan hari kemerdekaan. Saya berpendapat bahawa kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan harus berusaha untuk mementaskan kebudayaan pelbagai suku kaum di negara ini untuk menambahkan corak dan ciri-ciri kepelbagaian kebudayaan negara ini yang merupakan satu kekuatan bagi masyarakat berbilang kaum Malaysia. Ciri-ciri perpaduan kaum harus dipamer dan ditonjolkan kepada generasi muda pelbagai kaum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dasar.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ini berkaitan dengan program, jenis program yang perlu diadakan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat bangkitkan peruntukan yang tertentu itu dan berikan cadangan tidak payah..., untuk ucapan dasar memang semasa kita memberikan peluang untuk dasar.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi saya faham saya hanya hendak mencadangkan jenis program yang boleh kita pentas dan ditonjolkan. Jenis program kebudayaan yang boleh dipentaskan dan ditonjolkan pada masa-masa tertentu iaitu khususnya salah satunya pada masa perayaan Hari Kemerdekaan. Jadi kita cuba menambahkan corak-corak dan ciri-ciri kepelbagaian kebudayaan negara ini yang merupakan satu kekuatan bagi masyarakat berbilang kaum Malaysia. Ciri-ciri perpaduan kaum harus dipamerkan dan ditonjolkan kepada generasi muda khususnya generasi muda pelbagai kaum di negara ini supaya generasi muda kita menghayati apa yang telah berulang kali dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta pemimpin-pemimpin negara kita bahawa negara ini adalah negara yang berbilang kaum, berbilang budaya dan agama .

Jadi saya percaya usaha sedemikian pasti akan membantu memupuk persepsi dan perasaan corak kepelbagaian masyarakat majmuk. Usaha-usaha untuk menyediakan pentas bagi penggabungan dan juga peresapan dan saling menghormati, saling mendukung saling menghormati budaya dan adat resam antara satu sama lain perlu dianggap oleh kerajaan sebagai satu usaha berterusan yang perlu diutamakan. Oleh sebab itu program Kebudayaan Kesenian kementerian harus dirancang menuju ke hala tuju ini demi perpaduan negara.

Yang kedua Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada Butiran 060200 tentang Pembangunan Perpustakaan. Saya dapati peruntukan yang disediakan untuk program ini ialah sebanyak RM3.6 juta pada tahun 2007. Saya rasa peruntukan ini terlalu kecil bagi tujuan perkembangan perpustakaan.

Misalnya di Johor Bahru hanya kita dapat satu perpustakaan awam sahaja. Saya pernah menggunakan perpustakaan itu dan saya dapati buku-buku simpanan di perpustakaan itu tidak mencukupi. Saya berharap perpustakaan awam patut disediakan bukan sahaja di Johor Bahru sahaja, di setiap bandar itu mesti ada. Kalau boleh di setiap kawasan yang strategik perlu menyediakan perpustakaan khususnya bukan sahaja untuk pelajar-pelajar kita yang kekurangan punca-punca rujukan di keluarga masing-masing dan juga untuk orang awam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Jadi untuk menggalakkan pembentukan satu masyarakat budaya, masyarakat berilmu, saya minta kementerian cuba menyediakan lebih lagi kemudahan-kemudahan perpustakaan seperti ini untuk memberi satu kemudahan supaya rakyat kita dapat meningkatkan ilmu mereka. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat hujung sekali, belakang Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Aa... Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, belakang Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lepas itu Sri Gadinglah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belakang sekali. Belakang sekali.

11.55 pagi.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Bekalan 44 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa). Saya hendak minta beberapa perkara. Yang pertama ialah Butiran 040100 - Pengurusan Arkib Negara. Arkib Negara adalah merupakan satu institusi yang menyimpan maklumat, dokumen dan juga rekod hinggalah kepada rekod bekas kakitangan kerajaan dan sebagainya.

Begitu juga tentang khazanah dan juga sejarah negara. Jadi saya ingin tahu, sekarang ini kita lihat Arkib Negara seolah-olah tidak besar peranannya kepada masyarakat, sedangkan ia mengumpulkan segala maklumat sama ada sejarah perjuangan dan sebagainya tentang bangsa dan juga negara kita. Jadi saya hendak tahu sejauh mana peranan Arkib Negara setakat ini dan apakah tindakan-tindakan yang proaktif yang dijalankan oleh Arkib Negara sendiri dalam menyebarkan dan mengembangkan maklumat-maklumat lama dan dokumen-dokumen yang tersimpan ini kepada masyarakat.

Yang paling penting sekali ialah kepada generasi muda, belia dan sebagainya. Saya ingin tahu dalam tempoh lima tahun yang lepas ini, sejauh manakah masyarakat menggunakan ataupun merujuk untuk mendapatkan maklumat di Arkib Negara ini? Apakah khazanah yang ada di arkib ini disimpan begitu sahaja dan tidak digunakan oleh masyarakat kita sama ada untuk membina jati diri dan sebagainya bagi menentukan masa depan bangsa dan juga negara kita?

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, kementerian ini, berapakah jumlah Arkib Negara sekarang ini yang ada di seluruh negara? Saya difahamkan tidak semua negeri dan apakah kerajaan bercadang untuk membina Arkib Negara ini di seluruh negeri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara yang kedua.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang kedua ialah tentang Butiran 060200 - Pembangunan Perpustakaan. Kita bangga dengan perkembangan perpustakaan di seluruh negara, di mana terdapatnya Perpustakaan Negara, perpustakaan negeri dan juga perpustakaan daerah.

Saya ingin tahu perkembangan pembinaan perpustakaan ini amat bertambah sekarang ini, saya ingin tahu daripada pihak kementerian berapakah jumlah, jenis perpustakaan yang ada di negara kita sekarang? Berapa jumlah keseluruhan di seluruh negara mengikut pecahan, sama ada di negeri dan juga di daerah?

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ilmu adalah merupakan harta yang paling bernilai dalam hidup manusia dan perpustakaan adalah sebuah tempat ataupun institusi, gedung yang mana seluruh lapisan masyarakat boleh mendapatkan ilmu pengetahuan tetapi kalau kita lihat, mungkin perkara ini tidak berlaku secara membanggakan. Sebab itu saya hendak tahu apakah usaha agresif yang dibuat oleh kementerian ataupun perpustakaan sendiri dalam menggalakkan masyarakat kita membaca kerana seperti yang disebutkan oleh sahabat kita daripada Johor tadi, bahawa terdapatnya perpustakaan yang tidak menarik, kurangnya buku dan sebagainya.

Di negara kita, kita mempunyai 41% golongan muda ataupun remaja. Daripada 26 juta penduduk lebih kurang 11 juta orang. Saya ingin tahu, berapakah jumlah pengunjung yang mengunjungi perpustakaan di seluruh negara, kalau boleh dapatkan pecahan di peringkat negeri dan juga daerah? Saya dapati seolah-olah perpustakaan ini tidak menjadi apa dalam pemikiran sebahagian besar masyarakat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Jadi, satu lagi ialah, biarlah perpustakaan ini menarik. Lepas itu saya hendak juga sentuh dari segi staf ataupun kakitangan perpustakaan ini. Walaupun mereka ini sebahagian besarnya berkelulusan *library science*, dengan izin, sains perpustakaan tetapi kita mudah untuk mengendalikan buku kerana buku tidak bergerak tetapi adalah susah untuk mengendalikan manusia kerana pengunjung dan staf kita adalah terdiri daripada manusia.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah usaha yang dibuat oleh kementerian bagi menentukan bahawa perpustakaan ini menjadi tempat yang dicintai, dihormati, diminati dan dihargai oleh masyarakat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa dah cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ...Bagi mencari ilmu. Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

11.58 pagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yes!.. Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi, kerana beri saya ini. Saya pun cukup banyak berminat. Apa yang saya hendak bangkit mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ialah pertama sekali ialah mengenai Arkib Negara. Seperti sahabat saya daripada Yang Berhormat bagi Maran tadi, iaitu Butiran 40300 - Arkib Memorial. Yang mana saya rasa tidak banyak promosi yang dilakukan oleh pihak kementerian.

Di mana setiap kunjungan tidak pun dihebahkan ke dalam TV atau radio mengenai pentingnya arkib memorial ini. Yang kita dapat beberapa arkib memorial di Kuala Lumpur, bekas Perdana Menteri dan sebagainya dan kunjungan daripada murid-murid sekolah terutama sekali yang harus kita pupuk daripada awal lagi yang mana adalah menjadi salah satu daripada *itinerary* untuk mereka lawati tetapi tidak ada program-program bagi galakan kepada arkib memorial ini.

Kedua ialah mengenai dengan pusat perolehan dan pendokumentasian dan pandang dengar. Di sini juga saya nampak tidak ada program daripada pihak Arkib Negara termasuk Filem Negara juga yang mana apabila kita hendak merayakan hari kemerdekaan kita, tidak banyak *footage-footage* yang dimuatkan dalam TV pada masa yang lampau. Jadi sudah sampai pada masanya kementerian ini memperuntukkan kewangan lebih sedikit di mana di sini peruntukan amat sedikit bagi saya tetapi patutlah dilakukan usaha-usaha yang lain untuk mendapat *sponsor* dan sebagainya membuat dokumentasi-dokumentasi apabila menjelang kemerdekaan, kita dapat tunjukkan *footage-footage* lama ini di dalam TV kita dan juga untuk jualan umum.

Seperkara lagi yang saya hendak bangkitkan juga ialah mengenai Balai Seni Lukis. Balai Seni Lukis Negara juga tidak mendapat sambutan yang baik. Apabila saya membuat lawatan, saya dapati tidak lah seperti di luar-luar negara yang lain, di negara-negara yang maju di mana Balai Seni Lukis Negara selalu menjadi pusat tumpuan pelancong dan juga pelancong dalaman tetapi malangnya, kita punya Balai Seni Lukis Negara yang begitu indah di Kuala Lumpur ini tidak mendapat ramai kunjungan daripada pelawat-pelawat.

Oleh yang demikian, saya rasa sudah sampai pada masanya pihak kementerian membuat satu program untuk bagaimana merencanakan lagi lawatan-lawatan ke Balai Seni Lukis Negara. Di samping itu juga, Balai Seni Lukis Negara ini bukan sahaja sekadar untuk mempamerkan lukisan-lukisan, tetapi ia ada juga arca-arca yang lain patut dipamerkan termasuklah seni *architecture* juga patut dipamerkan. Malangnya baru-baru ini hadiah kepada pemenang-pemenang dalam pelbagai bidang seni ini tadi, seni *architecture* tidak dimasukkan. Yang ini, persoalan saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Persoalan saya, mengapa ia tidak diberi perhatian oleh pihak kementerian ini. Yang akhir sekali ialah berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia. Saya rasa kementerian tidak juga berbuat apa-apa program mengenai dengan promosi kraf tangan kita di Malaysia. Lebih-lebih lagi pada masa akan datang, di mana 2007 dijadikan Tahun Melawat Malaysia.

Saya rasa tidak banyak kraf tangan yang kita dapat hasilkan. Oleh yang demikian, pihak kementerian ini perlulah mencari jalan yang baik untuk membuat segala macam promosi. Kalau kita pergi Langkawi umpamanya, kita lihat semua barang-barang kraf tangan kebanyakannya daripada Thailand. Jadi, mengapa tidak kraf tangan tempatan, *local* diberi perhatian yang khusus. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jerai.

12.00 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada dua sahaja. Tidak mahu makan masa yang banyak iaitu Butiran 030000, Kebudayaan dan Kesenian - 030100 dan FINAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik dan mengucapkan tahniah kepada *The New Straits Times* kerana dalam iklannya kita dapat lihat tiga anak Malaysia daripada kaum India, Melayu dan Cina apabila mereka berlari dalam hujan untuk menaiki bas dan kita dapat lihat apabila mereka bercakap dan berbincang, di sini menunjukkan betapa mesranya anak Malaysia kita ini. Nombor satunya ini adalah kerana untuk iklan surat khabar *New Straits Times*. Baguslah tetapi iklan itu mengambil dan membangunkan budaya sayang menyayangi antara kaum dalam negara kita ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam Yang Berhormat dengan Yang Berhormat bagi Tebraulah, selalu bincang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Bincang. Saya tanya dia kalau saya hendak bercakap bahasa Mandarin, saya tanya dia. Dia beritahu saya takut kalau saya tersilap cakap. Semalam saya bercakap, dia sebut *Ahie*. *Ahie* itu adalah *auntie*. Ini baik. Kita memahami. *Ahso* itu tua sikit daripada *Ahie*... [Ketawa] Ini bahasa yang kita harus fahami antara satu sama lain.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: 'Ah ie' lebih tua...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Ahie* lebih tua daripada *Ahso*. Macam *tambi*. *Tambi* itu ialah abang atau *ane*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu yang mana satu butirannya, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu butiran tambahan, Tuan Pengerusi... [Ketawa] Saya mahu iklan-iklan macam ini. Macam Petronas bagus. Dia iklan macam mana budak-budak Malaysia bersama-sama. Saya harap pihak FINAS memberi satu bimbingan kepada syarikat iklan dan syarikat perfileman supaya banyak mengadakan filem begini.

Kalau boleh filem dan drama kita apa salahnya ketiga-tiga bangsa atau keturunan dalam Malaysia ini berlakon dalam satu filem...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Macam cerita P. Ramlee.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, macam 'bukit tajam' lah tapi 'bukit tajam' tidak boleh jadi heroin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, "Bukit Mertajam" lah, bukan bukit tajam...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tidak boleh jadi heroin. Kalau *dye* rambut sikit okeylah... [Ketawa]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...[Ketawa] Oh, *trend* baru. Jadi, saya mahu pihak FINAS atau pihak KeKKWa ini menitikberatkan perpaduan negara melalui perfileman, persahabatan dan melalui sekolah-sekolah supaya apabila ini wujud, maka ia akan menyemai semangat sayang menyayangi, Tuan Pengerusi. Bila kita sayang menyayangi, maka kita tidak akan ada syak wasangka, takut antara satu kaum dengan kaum yang lain kerana kita sayang.

Contohnya, macam dalam keluarga. Kita cubit paha kiri, paha kanan terasa sakit. Saya mahu juga kalau cubit paha orang Tionghoa, orang Melayu pun terasa sakit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana boleh kaitkan ini dengan butiran peruntukan yang kita pohon?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini kebudayaan, kesenian dan keikraban. Tambahan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu dasar, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak. Bukan. Ini fasal kita hendak suruh mereka buat filem, Tuan Pengerusi. Sekarang kita tengok filem-filem yang menunjukkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Maka dengan ini peruntukan yang dipohon ini cukupkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak cukup minta ditambah dan kalau cukup, berbalik kepada soalan yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, saya berharap filem-filem yang menunjukkan pergaduhan dan filem-filem yang menunjukkan keseronokan yang keterlaluan ini haruslah FINAS ambil kira kerana kita hendak membentuk sebuah negara yang aman sejahtera dan hormat-menghormati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Masa cukup...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lagi satu, Tuan Pengerusi. Sikit saja. *Last*. Kita hendak sambut merdeka, Tuan Pengerusi. Merdeka adalah sesuatu yang cukup bererti bagi kita rakyat Malaysia. Saya mahu kalau boleh pihak FINAS buat satu buku bagaimana kita menuntut kemerdekaan, mengisi kemerdekaan dan sampai menuju masa depan negara kita. Kita kena ambil gambar Almarhum Tunku Abdul Rahman, Tun Sambanthan, Tun Tan Siew Sin, Tun Tan Cheng Lok dan Tun Abdul Razak. Semua ini kita tunjuk macam mana susah payah datuk nenek kita dulu hendak memperjuangkan kemerdekaan, berpakat antara kaum untuk mendapatkan kemerdekaan dan kita sudah dapat kemerdekaan. Jadi kita hendak jaga kemerdekaan ini. Beritahu kepada generasi yang akan datang susahny kami untuk menuntut kemerdekaan, maka jagalah kemerdekaan ini. Kita bagi buku ini *special free* kepada DAP untuk mengkaji dan memahami apa itu kemerdekaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Bagi DAP lah. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

12.05 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai kalau dalam *term* yang selalu dipakai pada waktu sekarang ialah *cross-cultural*. Saya rasa itu adalah sangat penting.

Di sini saya ingin merujuk kepada kebudayaan. Dia kata menanam semangat kesedaran dan penghayatan yang meluas terhadap nilai-nilai kebudayaan, kesenian dan warisan. Dan dia ingin mewujudkan masyarakat Malaysia yang mencintai seni budaya, mempelbagaikan aktiviti di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di samping melibatkan penyertaan pelbagai kaum dalam aktiviti seni supaya ke arah integrasi nasional...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu cerita panjangkah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak. Ini ialah salah satu objektif aktiviti program kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini dasar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini dasar untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Yang Berhormat terus masuk kepada tajuk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini memang merupakan satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini semua faham. Dasar semua faham.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa ramai yang tidak baca apa yang di dalam ini... [*Menunjukkan sebuah risalah*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa? Ini semasa Yang Berhormat membahaskan belanjawan akan datang boleh baca. Sekarang tidak payah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang pentingnya di sini ialah dia ingin melalui kebudayaan - seni budaya untuk mencapai integrasi nasional sesuai dengan prinsip dasar kebudayaan kebangsaan.

Tuan Pengerusi, apa yang dunia kuarir sekarang ialah *the clash of civilizations*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan peringkat dasar, ini peringkat jawatankuasa. Jadi, Yang Berhormat bangkitkan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini adalah dasar untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa. Ini bukan tempat dan masanya untuk kita bangkitkan. Jadi, Yang Berhormat tuju kepada peruntukan dan dari sana buat cadangan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa kalau ini bukan tempat dan masanya, saya tidak tahu di manalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini peringkat jawatankuasa. Bukan saya hendak ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Jawatankuasa untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tolong baca Peraturan Mesyuarat 66(12).

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti saya bacalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi saya ingin tuju kepada kebudayaan dan kebudayaan ini termasuk juga fasal agama. Sekiranya kita tidak menjaga keadaan pelbagai agama dan kebudayaan di dalam negara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dasar. Saya tidak nafikan bahan-bahan yang akan dikemukakan tapi bukan semasa kita di peringkat jawatankuasa, Yang Berhormat. Yang Berhormat seorang Ahli Parlimen yang begitu berpengalaman sepatutnya fahamlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Begitulah saya berpendapat bahawa pada waktu sekarang, ia juga adalah masa untuk membincangkan perkara seperti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi sekarang kita dalam masa belanjawan di Peringkat Jawatankuasa. Minta maaf, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Saya ingin pergi kepada Butiran di bawah ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta penjelasanlah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...030100 - Kebudayaan dan Kesenian. Kebudayaan dan kesenian bukan untuk perhiasan dan bukan untuk menarik pelancong sahaja. Apa yang dikatakan dalam aktiviti program ketiga yang ditetapkan dalam belanjawan di bawah kementerian ini untuk integrasi nasional. Ini adalah objektif yang lebih besar. Yang sangat pentingnya, kita mesti menjaga semua budaya kerana Malaysia ialah sebuah negara yang majmuk.

Kalau kita cari di dalam *internet, cultural diversity and race relations*, kita akan lihat bahawa sekiranya *cultural diversity* tidak dijaga, ia akan menimbulkan masalah yang akan mengancam ketenteraman sesebuah negara itu seperti apa yang ditimbulkan baru-baru ini mengenai 'keris'.

Itu adalah.... [Disampuk] dengarlah. Itu adalah kerana budaya yang berlainan mempunyai pandangan yang berlainan terhadap 'keris' dan bagaimana ia digunakan. Sesiapa yang menggunakan keris itu, dia mesti sedar juga agama yang lain, budaya yang lain dan komuniti yang lain mempunyai pandangan yang lain. Itulah yang pentingnya mempunyai *cross-cultural discussions*, pendidikan *cross-cultural*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Balik kepada tajuk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, saya hendak mencadangkan bahawa kementerian ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Kementerian Kebudayaan ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Satu peranan yang sangat penting ialah mengadakan kesedaran *cross cultural*. Kebudayaan yang *cross culture* supaya semua orang faham apakah itu maksudnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau pakai keris....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bagi Jerai pun ada bangkitkan perkara ini, cukup...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:Bukan maksudkan dari kebudayaan diri sendiri juga kebudayaan daripada orang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apakah maksudnya kalau merobohkan kuil. Satu tempat ibadat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:Apakah maksudnya? Apakah ia boleh membawa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:...Kita membelanja peruntukan yang besar....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, patuhilah teguran sayalah. Yang Berhormat....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Untuk perayaan Deepavali, rumah terbuka untuk Tahun Baru Cina, untuk ada lain-lain lagi. Untuk apa? Untuk integrasi tetapi, kita tidak faham.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Sentimen budaya yang lebih mendalam lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nasihat saya....., cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Iaitu kita merobohkan kuil-kuil itu telah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Kalau kita mengadakan tiga tahun....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Perayaan rumah terbuka Deepavali. Satu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:Cukup, cukup!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup. Ini terkeluar daripada butiran. Yang Berhormat, saya beri peluang kepada Yang Berhormat ucap lagi Yang Berhormat kata kesal. Cukuplah. Yang Berhormat....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini perkara yang sangat penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Penting, saya tidak kata tidak penting.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Yang perlu di....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pensiangan sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak ada kementerian yang lain yang boleh cakap lagi, mana kementerian?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup.

12.12 tgh.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, fahamlah peraturan mesyuarat, bacalah peraturan mesyuarat.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada tiga butiran. Satu mengenai dengan Maksud Butiran 03202 - Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. Saya terkilan apabila melihat peruntukan yang diberikan kepada negeri Sabah cawangan Arkib Negara bukan negeri, tetapi peruntukan diberikan kosong, apa ini. Ini nampaknya saya rasa sama ada negeri Sabah ini pegawai-pegawai dia tidak wujud *think tank group*, untuk membangun Arkib Negeri Sabah dengan lebih berkesan.

Jadi, saya mintalah kepada kementerian ini supaya meneliti semula kenapa ini RM0 peruntukan negeri Sabah. Sedangkan kita ini sekarang hendak buat penyelidikan, kita hendak buat institut yang kelas pertama dan sebagainya. Kalau ini pun tidak dapat bangunkan dan Sabah tidak dapat peruntukan satu sen pun, saya rasa ini adalah satu yang tidak *justified* atau tidak ada keadilannya. Saya minta supaya kementerian ini mengkaji semula mengenai dengan kedudukan sebenarnya, kenapa kosong yang diperuntukkan untuk Arkib Negeri Sabah.

Satu perkara lagi yang saya ingin bincangkan di sini Butiran 09000 - Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia. Kraf Tangan Malaysia kalau saya dapat peruntukan sini, mempunyai keindahan seni yang mengagumkan. Ini telah pun diiktiraf oleh pelancong-pelancong kita dan pemimpin-pemimpin kita demikian juga. Ia mempunyai nilai estetik yang begitu tinggi sekali, reka bentuk *pattern* warna atau motifnya menarik dan mengagumkan. Sejauh manakah kementerian ini dalam usaha membangunkan industri kraf tangan ini. Khususnya daripada negeri Sabah dan Sarawak dan kalau kita lihat semua kraf tangan dari Sabah dan Sarawak ini adalah yang terindah sekali.

Saya ingin tanya kepada kementerian ini, sejauh mana kementerian punya betul-betul ikhlas untuk membangun kraf tangan Sabah dan Sarawak ini dan juga di Semenanjung. Jadi, saya pohon pada kementerian ini untuk membantu bumiputera dalam usaha meningkatkan IKS, Industri Kecil dan Sederhana bumiputera. Apabila kita bincang mengenai dengan ekuiti ini, keseimbangan dari segi ekuiti bumiputera Sabah dan Sarawak. Saya rasa IKS, di sinilah tempat-tempat yang perlu kita tekankan.

Saya juga tekankan satu lagi perkara Tuan Pengerusi iaitu FINAS, Butiran 07000. Apabila kita lihat aktiviti yang dibuat oleh FINAS pada tahun lalu, *output* bilangan dokumentari yang diterbitkan 2005 - 25, 2006 anggaran 49, dan 2007 - 50. Peruntukan yang diberi pada 2007 sudah menjangkau tahun 2007 - RM1.2 juta.

Tahun 2007 - RM16 juta. Kenapa 50 butiran ataupun aktiviti sahaja sedangkan kita sudah meningkat dari segi perbelanjaan ataupun anggaran yang telah diberikan kepada FINAS ini. Jadi, saya mintalah supaya FINAS ini betul-betul mengusahakan sejauh mana kita punya ketelusan untuk membantu menerbitkan dokumentari-dokumentari kita yang sekarang ini kita lihat universiti-universiti kita pun telah menubuhkan filem-filem *school* dan sebagainya. Kita hendak bantu kepada anak-anak muda kita supaya menjadi penerbit-penerbit kelas pertama bagaimana kita sebutkan tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Jadi, saya mintalah kementerian ini untuk betul-betul memberi keprihatinan terhadap FINAS. Jangan cakap kita belanja RM16 juta selepas itu 50 rancangan sahaja, tahun lalu pun begitu juga, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

12.16 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut terpanggil untuk bersama-sama membincangkan perkara-perkara, butiran-butiran tertentu di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang saya hendak sentuh hari ini khusus Tuan Pengerusi kerana penjimatan masa ialah Butiran 030100 - Kebudayaan dan Kesenian, boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian ini saya amat simpati Tuan Pengerusi, tetapi mujurlah seorang menteri yang dilantik mengepalai kementerian ini bertanggungjawab dan ada kemampuan saya lihat dari segi latar belakangnya dan keminatannya, bahasa tepat minatnya Tuan Pengerusi tinggi. Jadi saya amat yakin menteri ini walaupun tugas ini berat Tuan Pengerusi kerana kebudayaan, kesenian dan warisan mesti berjejak terasnya kepada budaya asli negara ini. Itu teras Tuan Pengerusi dan kerja ini amat berat.

Saya hendak menyentuh satu perkara Tuan Pengerusi. Soal nyanyian, nyanyian anak-anak muda hari ini, saya lihat sudah keterlaluan jauh Tuan Pengerusi.

Kalau tidak kita bendung, kita berikan bantuan untuk menentukan arah yang betul, saya bimbang terutama orang Melayu Tuan Pengerusi, banyak lagu yang dipunyai oleh orang Melayu akan terhakis dan hilang dari persada dunia ini Tuan Pengerusi. Anak muda sekarang zapin sudah menjadi asing, ghazal sudah menjadi asing, asli sudah menjadi asing dondang sayang sudah menjadi asing, keroncong, langgam telah menjadi asing Tuan Pengerusi. Malahan nasyid pun hari ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa ini masalah yang dibangkitkan, apakah cadangan kepada kementerian?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah saya hendak cadangkan kepada kementerian Tuan Pengerusi. Saya harap Tuan Pengerusi bersabar dengan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya memang tengok masa, saya hendak pastikan semua yang bangun dapat berucap sebelum pukul 1.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya cuma bercakap satu perkara Tuan Pengerusi. Malah nasyid Tuan Pengerusi telah menyeleweng daripada irama aslinya, sudah lari. Dia setiap lagu ini Tuan Pengerusi, jenis lagu ini Tuan Pengerusi, dia ada irama-irama yang tertentu. Kalau kita dengar dondang sayang, kita tahu ini dondang sayang, kalau kita dengar lagu keroncong kita tahu ini keroncong tetapi, macam nasyid sudah lari Tuan Pengerusi. Nasyid ini sepatutnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat cadangan untuk membetulkan kepada kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah saya hendak beritahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:Menteri ini, kementerian ini Tuan Pengerusi supaya kita hendak menjadikan kementerian ini Tuan Pengerusi pelopor kepada keaslian. Ini pun satu warisan Tuan Pengerusi. Kalau nasyid pun sudah macam rock, apa yang hendak kita pusakakan kepada..., nasyid ini dia mesti berlatarkan kearaban sedikit, itu memang itu, sebab itu macam Datuk Hassan Azahari misalan, Habibah, itu dia betul. Dia ada dia punya irama tersendiri Tuan Pengerusi.

Sekarang ini Tuan Pengerusi kalau kita rock, rap ini Tuan Pengerusi, anak muda kalau kita biarkan, pakai anting-anting Tuan Pengerusi, lelaki dengan rambut yang panjang begitu dengan irama yang tidak tentu bunyi ini Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara yang kedua?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan tetapi menjadi kesukaan anak muda..., ya, ya saya bercakap satu ini Tuan Pengerusi, jadi..., ini agaknya saya tidak tahulah saya, saya pun ingin hendak membantu kementerian Yang Berhormat supaya keaslian ini, saya pun hendak tahu petua JAKIM macam mana boleh keluar petua ini lelaki pakai anting-anting yang macam ini, apa hukumnya? Sudahlah pengajaran dari segi akidah macam-macam kita tempuh ini dan macam-macam kita hendak hadapi dan dari segi budaya, kesenian pun hendak kita banyak sangat benda yang kita betulkan ini Tuan Pengerusi.

Itu sebab saya kata, kementerian ini berat, tugasnya berat. Saya supaya dapat kiranya umpamanya kalau kita hendak galakkan keroncong, hendak galakkan katalah dondang sayang, hendak galakkan gazal, zapin boleh atau tidak kementerian ini menyalurkan peruntukan, ini peruntukan nampaknya ada sebanyak 33 juta, boleh atau tidak agaknya kalau di kampung saya ada anak muda sekumpulan anak muda hendak menubuhkan gazallah katakan, okey, beri RM10, 000 untuk membeli peralatan adalah agaknya di Jasin anak-anak muda hendak menubuhkan pasukan Dondang Sayang, okey berilah RM10, 000, adalah agaknya di Jerai dia hendak menubuhkan apa ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, baiklah.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, saya memang sokonglah, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mak Yongkah apa, beri dia! Ini kerana kita hendak menghidupkan dan kalau anak-anak muda kita diberi secara menyeluruh begitu Tuan Pengerusi, mungkin irama-irama ini dapat menahan kemaraan budaya-budaya kesenian yang bukan menjadi warisan kita malahan sebenarnya Tuan Pengerusi, kebudayaan sekarang ini rock, rap dia pergi ke kuning Tuan Pengerusi. Dia ada arah ke situ, jadi saya seperti sangat menteri dan kementerian ini, berat Tuan Pengerusi. Saya ingat Kementerian Penerangan boleh bersama-sama macam mana hendak menyemarakkan irama-irama, lagu-lagu yang menjadi kepunyaan kita yang lagunya pun sedap, lagu P. Ramlee mana boleh hendak ditandingi sampai sekarang, mana? Tidak ada Tuan Pengerusi, tidak ada penyanyi yang boleh tandingi P. Ramlee. P. Ramlee telah pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat pun macam tadi sebelum Yang Berhormat ucap, saya sudah tegur, tidak mahu dengar, tidak mahu mematuhi samalah, cukup, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Allah Tuan Pengerusi, saya tengah naik 'seikh' cakap...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum Yang Berhormat itu, cara lebih kurang macam tidak elok, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya, Hah! Ini menteri datang, ini menteri Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Jasin..., nanti menteri, menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebab saya amat minta dengan menteri dan saya hendak membantu Tuan Pengerusi, dia ada ketokohan Tuan Pengerusi, memang tepatlah dia menjadi menteri kebudayaan dan warisan kerana minatnya .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kebolehannya, jadi saya hendak bantu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Menteri dengar ucapan Yang Berhormat dari luar, dia masuklah, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cadangan saya ini memang cocok, kata orang Indonesia cocok dengan dia punya hasrat Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi itulah..., jadi itu tadi, kalau boleh agaknya bantuan itu kepada pasukan-pasukan yang boleh menghidupkan keaslian dan irama lagu yang boleh menentang arus...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, kira Yang Berhormat berucap, siapa yang duduk di sini memang borak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang tidak..., berbudaya ini, saya berterima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Jasin.

12.23 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, selaku wakil rakyat daripada Melaka, saya hendak mulakan hujah saya dengan satu rangkap pantun:

*Budak-budak bermain di sawah,
Sawah diusahakan di Tanjong Agas,
Bukan tujuan saya nak mencari salah KeKKWa,
Tetapi KeKKWa gagal menjalankan tugas.*

Kalau dia jalankan tugas yang betul Tuan Pengerusi, tentang butiran apa dia ini? 030100 - Kesenian apa semua masalah keris ini tidak timbul lagi. Masalah keris ini tidak ada bangsa lain boleh timbul kerana seperti yang kita sedia maklum, lambang kebesaran negara kita di belakang Tuan Pengerusi itu, Tuan Pengerusi, lima, lima bilah keris...

Beberapa Ahli: Hooh!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Lambang Persekutuan, kalau ada orang yang hendak mempertikaikan soal keris bermakna dia derhaka kepada negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kita pergi ke tajuk lain sudah banyak masa digunakan membangkitkan perkara ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak, saya hendak cerita perkara ini Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua fahamlah Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Berkenaan yang ini, saya hendak minta kementerian di bawah kesenian ini, saya minta Akademi Seni Negara ini sepatutnya buat di Melaka..., ini cerita tentang keris ini Tuan Pengerusi, saya hendak bercerita dengan Tuan Pengerusi, saya telefon satu orang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak bercerita dengan saya nantilah, sekarang apa yang penting...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak, saya hendak bercerita Tuan Pengerusi, kerana apa yang di Melaka, saya telefon.. bukan saya tanya orang Melayu tetapi saya tanya orang Cina dekat Melaka, nama dia Tek Bong Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Tek Bong?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tek Bong ini guru silat Melayu Melaka!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang Cina?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Orang Cina! Saya kata, pakcik Tek Bong, ini orang Melayu yang bising-bising dekat dalam Dewan yang cium keris ini apa makna sebenarnya? Pakcik Tek Bong kita ini, seorang Cina..., apa kata dia Tuan Pengerusi? Ini menunjukkan lambang kekuasaan dan mengajak orang bersatu dan bekerja, bukan hendak pergi perang. Ajak bekerja!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itulah sebabnya saya minta Akademi Seni Negara ini Tuan Pengerusi, dibuat di Melaka kerana sejarah tentang seni dan apa bermula di Melaka...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik cukup...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dan kita minta kerana di Melaka ini pelik Tuan Pengerusi, orang Cina mengamalkan adat Melayu, orang India mengamalkan adat Melayu. Jadi ini yang kita hendak pamerkan kepada rakyat Malaysia, supaya negara kita menjadi contoh macam mana masyarakat dari Melaka kita boleh aman.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat Menteri akan jawab, menteri akan jawab, cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi Tuan Pengerusi, saya akhir dengan:

*Ubi kayu biji selasih,
Ubi Seng Kong,
Thank you terima kasih,
Saya menyokong.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam.

12.26 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana dapat turut hadir. Saya akan terus khusus menyebut tentang Butiran 07000. Saya pada dua minggu lepas hadir dalam satu seminar sejarah dan di situ dalam agendanya ada bicara sejarah di mana melibatkan pensyarah-pensyarah daripada universiti dan seumpamanya.

Yang terpenting sekali di situ ialah hasilan daripada seminar itu di mana kementerian ini telah pun memberikan bantuan kepada Persatuan-persatuan Sejarah dan sangat berharap supaya bantuan kepada persatuan-persatuan sejarah bukan sahaja kepada Selangor kepada Persatuan sejarah Malaysia cawangan-cawangan di negeri-negeri wajar dipertingkatkan kerana ini akan menghasilkan dokumentasi ataupun rekod sejarah yang penting bagi kita semua.

Yang keduanya ialah Butiran 060200 - Pembangunan Perpustakaan. Perkara ini adalah sangat penting dalam konteks budaya ilmu. Jadi Sabak Bernam sangat berharap supaya kementerian ini dapat turut sama mengadakan suatu perkongsian pintar khususnya dengan Kementerian Pelajaran supaya buku-buku yang terdapat di pasaran yang sangat rendah nilainya sama ada dalam bentuk buku atau dalam bentuk makalah saya memberikan dua contoh di sini yang saya dapat dalam dua hari ini.

Kita lihat Variasari yang Mastika yang suatu ketika yang menjadi majalah yang nilainya tinggi tetapi sekarang ini memberikan tajuk untuk tarikan di luar ini, bohsia, habuan seks, mat rempit. Kemudian di dalamnya tajuknya umpamanya, "*Aiza dikerjakan 15 Mat Rempit*." Satu lagi kalau kita tengok di dalam majalah dwi mingguan ini, cerita kisah benar atas tajuk majalah ini *Getaran Jiwa*. Cerita ini lebih kurang sama, "*Hidup berslut dosa dan noda*"; dan "*Wang Memusnahkan Hidupku*". Jadi terlalu banyak buku seperti ini dalam pasaran yang kita khuatir mempengaruhi minda anak-anak muda kita oleh sebab itu, kementerian ini saya rasa sangat wajar untuk mengadakan satu agenda untuk membanteras ataupun menandingi buku-buku yang seperti ini yang sangat jelas begitu digemari oleh anak-anak muda kita dan pastinya buku-buku bernilai ilmu.

Yang akhir sekali, Sabak Bernam ingin menyebut mengenai Butiran 030100, kita dapati di kawasan luar bandar khususnya di Sabak Bernam, warisan seni mempertahankan diri juga seni-seni yang lain kita dapati berkembang tetapi biasanya berkembang sekejap mengikut musim, musim Merdeka, musim perayaan kerana peruntukan daripada mungkin wakil rakyat dan yang lain-lain. Jadi ia hidup segan mati tidak mahu. Oleh kerana itu Sabak Bernam berharap supaya kementerian ini, memberikan perhatian kepada warisan seni yang ingin dihidupkan kembali oleh aktivis seni di luar bandar supaya diberikan bantuan. Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bera.

12.30 tgh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 - Bahagian Pembangun, Butiran 030100 - Kebudayaan dan Kesenian, Butiran 040000 - Arkib Negara.

Terutamanya tahniah kepada pihak kementerian, pihak Yang Berhormat Menteri terutamanya kerana mengadakan program merakyatkan seni. Apabila kita mengatakan merakyatkan seni bermakna kita mahu kesenian kebudayaan di bawa hingga ke akar umbi. Walau bagaimanapun, malangnya walaupun tujuannya baik tapi apabila sampai ke akar umbi, kerana kurangnya tempat untuk mengadakan pertunjukan ataupun tempat kesenian tersebut jadi perkara-perkara ini tidak dapat dilakukan.

Saya beri contoh misalnya gasing. Gasing di Pahang terutamanya merupakan satu permainan yang popular. Gasing pangkah Pahang, tetapi tidak ada gelanggang gasing, akhirnya minat itu mati begitu sahaja.

Apabila diminta untuk mengadakan gelanggang gasing, alasan daripada pihak kementerian ialah tidak peruntukan untuk pembangunan tersebut. Bila kita rujuk kepada Jabatan Bahagian Pembangunan Kebudayaan Negeri, begitu jugalah jawapannya bahawa tidak ada peruntukan untuk membina gelanggang-gelanggang gasing. Gelanggang-gelanggang gasing cuma boleh dibina kalau ada Yang di-Pertua Majlis Daerah misalnya yang mempunyai minat. Kalau tidak berminat juta tidak ada peruntukan untuk permohonan.

Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan terima kasih kepada pihak kementerian kerana ada memberi peruntukan untuk pertunjukan, pertandingan dan sebagainya. Ada peruntukan untuk itu, tetapi yang tidak ada saya maksudkan adalah dari segi tempat, dari segi pembinaan itu tidak ada. Begitu juga dengan silat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Gelanggang silat tidak mampu dibina kerana tidak ada peruntukan untuk membina gelanggang silat.

Tarian, di kawasan saya aktif dari segi muda-mudi belajar menari tetapi tidak ada pentas untuk dibuat pertunjukan, tarian dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat Datuk Menteri, kalau kita hendak merakyatkan seni, perlu cukup tempat-tempat dan sebagainya untuk kita menjalankan kegiatan seni tersebut. Dengan itu, saya memohon supaya diadakan peruntukan untuk membangunkan kawasan-kawasan kesenian.

Yang kedua ialah dari segi Arkib Negara. Kalau kita tidak lupa, dalam bulan lepas di TV3 di dalam rancangan Jejak Warisan kalau tidak silap saya, sampai ke kampung Pulau Tawar di Jerantut iaitu di rumah keturunan cucu atau cicit Mat Kilau, satu-satunya yang berada di Jerantut. Yang melahirkan rasa kecewa kerana walaupun sebagai cucu cicit kepada pejuang kemerdekaan. Pejuang, pahlawan yang begitu ternama iaitu Mat Kilau tetapi tidak ada siapa mempedulikannya, terpinggir begitu sahaja. Di dalam rumah yang begitu daif dan kehidupan yang begitu daif.

Jadi saya harap pihak Arkib Negara melihat perkara ini dengan teliti supaya bukan sahaja kita memperbaiki kuburnya, memperbaiki pusaranya tetapi dalam masa yang sama melihat tentang kehidupan warisannya, waris-warisnya yang terdekat supaya tidaklah akhirnya kita membanggakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Cucunya ditinggalkan begitu saja. Akhirnya, saya patuh pada Tuan Pengerusi. Dari segi kegiatan kebudayaan dan kesenian. Saya hendak tanya sejauh mana kerjasama yang dilakukan oleh pihak Kementerian Kebudayaan dan Kesenian Warisan dengan Kementerian Pelancongan. Biasanya promosi Kementerian Pelancongan ke luar negara ialah menunjukkan, menggambarkan Malaysia sebagai negara yang mempunyai pelbagai budaya dengan berbagai-bagai persembahan kebudayaan tetapi bila pelancong sampai ke Malaysia, tidak ada tempat untuk mereka melihat.

Di Kuala Lumpur yang saya tahu cuma Restoran Sri Melayu dan Restoran di Taman Tasik Titiwangsa. Di hotel-hotel tidak pernah ada pertunjukan, yang ada adalah *band*, *live band* dan sebagainya. Tidak ada untuk tempat membuat persembahan dan sebagainya. Jadi saya amat berharap supaya pihak kementerian dapat melakukan sesuatu dengan Kementerian Pelancongan supaya kita apabila mempromosikan negara kita sebagai tempat pelbagai budaya dan kebudayaan, tapi apabila pelancong sampai, ada tempat mereka hendak lihat seperti di hotel-hotel dan sebagainya.

Kalau di Jakarta di *airport* dia kadang-kadang ada pertunjukan gamelan di *airport* itu sendiri. Di hotel-hotel ada pertunjukan gamelan, tetapi di Malaysia tidak ada. Jadi saya pohonkan perkara ini diberi perhatian. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang

12.35 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, hanya tiga Butiran 111200 tentang Perbadanan Filem, kalau kita lihat atau berjalan dekat Sentul sekarang ini ada banting yang menunjukkan *Global Indian Film Festival*. Jadi, saya hendak tanya adakah kementerian KeKKWa ini terlibat sama dalam pengajuran festival ini.

Kerana kita tidak mahu nanti, kalau kita dalam proses untuk membudayakan filem-filem kita tapi kita bawa masuk pelakon-pelakon yang luar untuk memeriahkan filem-filem kita dan juga untuk mengagung-agungkan pelakon-pelakon daripada luar.

Yang kedua tentang filem juga. Di harap KeKKWa ini memantau filem-filem iklan yang kita nampak sekarang ini berlebihan. Tidak menuju sasaran apa yang diiklankan kerana banyak yang ditunjukkan bukan barangan yang hendak di iklan tetapi yang lain. Saya harap kementerian dengan Menteri KeKKWa ini memberi perhatian terhadap filem-filem ini.

Butiran 11100 tentang Kraf tangan. Kalau kita melancong ke negara luar sebagai tetamu, mereka sering memberikan hadiah kraf tangan tempatan daripada negara tersebut. Jadi kita harap kenapakah kita tidak membudayakan pemberian hadiah kraf tangan kita ini seperti mana yang disebutkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat tentang barangan yang di buat oleh IKS kita, penduduk-penduduk di kampung kita yang mempunyai nilai seni yang tinggi. Begitu juga dengan perhiasan di hotel-hotel besar empat bintang, lima bintang tidak diwajibkan mereka untuk meletakkan hiasan-hiasan di atas hotel-hotel mereka ini.

Begitu juga sumbangan-sumbangan *souvenirs* daripada misalnya MAS, AirAsia terhadap pelancong-pelancong yang mempunyai nilai sebagai pelancong negara ataupun lain-lain dan juga barang-barang kraf tangan yang boleh dibuat arca-arca tertentu di persimpangan jalan-jalan yang menjadi jalan utama di dalam negara kita.

Yang ketiga adalah Butiran 111400 tentang Kebudayaan dan Kesenian. Saya merasa amat sedihlah terhadap suatu program yang dianjurkan oleh KeKKWa di ATMA tentang suatu program untuk membudayakan kesenian dan juga kebudayaan kita memperkasakan kebudayaan kita yang dirasmikan oleh Menteri sendiri tetapi pembentang kertas kerja dia salah seorang daripada bekas Ketua Setiausaha Negara kita iaitu membudayakan bahasa, tetapi dia menggunakan bahasa Inggeris, padahal seorang orang asing atau orang Inggeris menggunakan bahasa Melayu di dalam membentangkan kertas kerja dia. Ini merupakan satu perkara yang amat malang saya rasa bagi negara kitalah.

Begitu juga dengan, kebelakangan ini menteri-menteri yang merasmikan majlis yang dihadiri oleh rakyat Malaysia yang faham dalam bahasa Melayu tetapi dirasmikan dalam bahasa Inggeris. Kalau kita pergi ke negara luar Perdana Menteri dia bercakap dalam bahasa dia tetapi pada orang kita bercakap dalam bahasa asing, ini perlu diberi perhatian.

Kemudian tentang satu lagi, rumah Pak Ali di Gombak. Saya rasa sudah setahun lebih terbakar adakah kementerian memikirkan untuk mengganti ataupun mencari rumah lain diletak sebagai pusat ataupun pameran kesenian di rumah Pak Ali di Gombak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

12.40 tgh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, kepada Yang Berhormat Menteri yang amat saya kasihi. *Special... [Ketawa]...*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Istimewa. Bukan *Special*.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Butiran 03000 – Kebudayaan. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana banyak orang yang dok pukul menteri ini, saya puji, angkat sikit kerana telah mewujudkan sebuah akademik seni kebangsaan, saya tengok di sini pengambilan sepenuh masa pelajar peringkat sijil, saya minta peringkat ijazah pula.

Saya tengok di Mesir, di Saudi peringkat muzik dia ambil peringkat ijazah, barulah ada kualiti, barulah kita akan *world class*, ini pasal banyak sebut pasal *world class*. *World class*, tolong betulkan, tidak apa salah, faham. Jadi saya hendak mencadangkan supaya dalam Butiran 030300 ini Pendidikan Seni, ASK kemudian Akademi Fantasia ini saya tidak hendak lagi nama Akademi Fantasia kalau boleh Yang Berhormat Menteri, nama Fantasia, seni Fantasia sebab akademi ini mesti belajar dengan cara *time* dia betul-betul dalam *classroom* dia, memalukan.

Saya tidak komen banyak fantasia sebab saya pun bawa Mawi juga ke Kelantan, Yang Berhormat bagi Ketereh pun bawa juga. Jadi saya hendak supaya budaya ini dia tidak akan mati kalau ada seni Tuan Pengerusi. Hari ini orang tidak faham, terutama parti pembangkang tidak berapa faham apa dia seni apa dia budaya, saya tidak hendak bab itu bab dasar, saya akan cerita bab lain tetapi budaya ini ialah satu cara hidup yang komprehensif berdasarkan kepada seni, itu dia yang sebenarnya. Itu dasar, saya tidak sentuh. Yang berdasarkan kepada seni yang halus tinggi nilainya. Hari ini kerana pemuda-pemudi kita tidak ada nilai....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan dasar.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak, ini tidak dasar Tuan Pengerusi saya hendak tambah sedikit dalam 110600 ini saya hendak dalam Akademi seni Kebangsaan ini Yang Berhormat Menteri kita beri benar-benar apa yang disebut oleh rakan-rakan kita tadi dari Barisan Nasional lah, dari Pembangkang tidak usah ambil kira sangat, sesetengah bolehlah. Macam nyanyi, saya Hadhari ini Yang Berhormat bagi Bagan. Seni, pertahan diri, itu butiran. Seni suara, seni kraf tangan lukisan kerja tangan itu kita perhebatkan sebab ini menjadi satu pasaran kepada hasil negara. Kita tengok hari ini kita tidak bersungguh bagi melalui Parlimen tubuhkan biar ada akademi ataupun kesatuan-kesatuan budaya seni di peringkat Parlimen, saya sanggup jadi Pengerusi Yang Berhormat Menteri, kita perhebatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh dapatkah?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Boleh dapat insya-Allah. Jadi akhir sekali budaya tanpa seni ibarat jasad tanpa roh, hendak akhirlah itu. Mati jasad tiada seni, mati seni tiada bakat, mati bakat tiada asuhan, maka kita hendak supaya Yang Berhormat Menteri pandanglah dengan serius Akademi Seni Kebangsaan sudah cukup untuk kita lahirkan seni-seni budaya yang berpotensi, yang mempunyai bakat nilai-nilai murni dan rendah tidak bertengkar lagi dalam masalah keris.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sebab pedang pun ada, nabi kata bukan saya hendak 'depak' untuk 'depak', *depend* ini bahasa Arabnya 'depak', bahasa Inggeris *defence*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Untuk pertahanan, bukan untuk *attack* bukan untuk hujung, bukan untuk *attack*, kena faham untuk 'depak' dalam bahasa Arab, *defence* dalam bahasa orang putih untuk pertahanan diri, kekuatan kita, perpaduan kita dalam Barisan Nasional ini dan juga parti-parti pembangkang mesti menyokong kerana kerajaan kita negara kita. Terima kasih saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Setiu.

12.43 tgh.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada lagi 17 minit berapa orang jadi saya haraplah, fahamlah bila tegur?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030100, Kebudayaan dan Kesenian. Budaya ertinya luas bidangnya begitu juga dengan kesenian tetapi kita melihat pada hari ini gelagat anak-anak muda kita yang seolah-olahnya dari segi budayanya sudah tidak terarah lagi. Saya percaya jati diri dalam skop kebudayaan kepada generasi-generasi baru ini perlu dibuat dan perlu di perhebatkan lagi. Kita melihat kepada seni mempertahankan diri yang boleh membentuk dan membina jati diri dan juga disiplin anak-anak muda. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya memberi penekanan yang begitu serius terutamanya dari segi seni mempertahankan diri yang berbentuk yang berasaskan kepada budaya bangsa Melayu, silat dan sebagainya.

Kalau kita melihat di sebelah utara begitu juga di utara Pantai Timur. Saya melihat banyak pengaruh seni mempertahankan diri daripada negara jiran, tomoi yang tidak menggambarkan seni mempertahankan diri warisan bangsa Melayu.

Begitulah ertinya kalau kita sudah hilang semangat kesedaran terhadap budaya bangsa sendiri. Bila ditunjuk keris pun kita tidak boleh faham maksud keris itu sendiri. Sebab itu anak-anak muda kita hari ini saya rasa bimbang. Ke arah memupuk semangat ini kalau kita melihat di televisyen, kalau tengok '*Bawang Putih Bawang Merah*' tidak ada pun nampak ciri-ciri kesenian Melayu yang dia pelihara pari-parinya itu, dari segi agama pun tidak sesuai.

Akan tetapi tidak ada silat-silat Melayu digambarkan di dalam filem-filem yang ada pada hari ini. Saya mengharapkan supaya pihak kementerian juga boleh menjurus ke arah mewujudkan lebih banyak filem yang berunsurkan seni budaya, silat-silat Melayu bagi memupuk semangat generasi anak-anak muda pada hari ini. Satu perkara yang saya hendak sentuh iaitu di kawasan saya di Setiu, ada satu perkampungan budaya. Di perkampungan budaya ini yang sekian lama ianya dibina tetapi tidak diisi dengan program-program yang membentuk kebudayaan yang ada di perkampungan budaya ini. Dengan suasana yang sedemikian saya rasa satu kerugian yang sangat besar.

Saya tidak tahu sejauh mana pihak Kerajaan Negeri Terengganu ataupun di pihak kementerian KeKKWa ini sendiri mengambil perjalanan bagi menggerakkan perkampungan budaya ini supaya ianya benar-benar berfungsi dan memberi manfaat kepada generasi muda. Yang ada di situ hanyalah persembahan dua kali seminggu persembahan dikir barat. Jadi saya mengharapkan supaya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya saya hendak berhenti saya gulung. Saya mengharapkan supaya cadangan-cadangan saya ini dapat diberi perhatian. Lebih-lebih lagi kita tengok di peringkat sekolah, apabila pelajar itu belajar silat, habis belajar silat di sekolah tidak tahu ke mana mereka ini hendak sambung kerana hanya sekadar itu sahaja yang dapat mereka pelajari. Oleh sebab itu saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerlun. Yang Berhormat bagi Kepong tadi tidak bangun, tiba-tiba bangun.

12.47 tgh.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Pengerusi Butiran 111400, 030100. KeKKWa ialah nama penuh cuma saya hendak sentuh 'Wa' sahaja, 'KeKK' saya tinggal dulu iaitu warisan. Warisan ini adalah peninggalan nenek moyang. Sehingga sekarang kita tidak berapa jelas apakah langkah-langkah drastik supaya warisan budaya dan kesenian dapat dimantapkan ataupun dapat menjadi sesuatu yang kita rasa boleh memanjangkan seni dan budaya kita hingga ke hari ini. Saya mengambil contoh, kalau gendang peribumi ataupun di Kedah kita panggil gendang keling, kompang dan sebagainya, waktu perkahwinan sahaja boleh dapat, kita lihat dan waktu ada majlis-majlis pembesar-pembesar ataupun lawatan-lawatan.

Tetapi sekiranya tidak ada majlis-majlis seperti ini kita tidak dapat nampak sesuatu latihan, sesuatu pengajaran, pembelajaran ke arah itu. Kita bimbang kerana warisan ini kebanyakannya dianggotai oleh orang-orang yang telah berusia lebih ataupun veteran. Sekiranya tidak ada proses untuk lanjutan dan tidak ada satu ketetapan ataupun satu perancangan yang teratur, modus operandi yang baik mungkin anak-anak muda tidak berminat. Maka saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya diwujudkan satu galeri budaya dan seni di peringkat Ahli-ahli Parlimen supaya warisan ini dapat dikekalkan dan kita juga dapat memberi sumbangan bagaimana untuk mengatasi mungkin seni dan budaya yang kita katakan warisan ini sudah menampakkan kelesuan.

Itulah sedikit sebanyak cadangan saya dan kalau sebolehnya janganlah menjadikan isu tidak ada peruntukan ini satu isu yang cukup berat. Peruntukan ini kalau kata tahun ini kita tidak dapat buat sebab peruntukannya tinggi adakah tahun depan dia jadi murah ataupun rendah? Inilah kita memikirkan supaya menteri pun selalu sebut, 'sehari selembat benang lama-lama menjadi kain'. Saya pohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gerik.

12.49 tgh.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya memulakan dengan serangkap pantun yang berkaitan dengan Butiran 030000.

*Yang korek itu kendi,
Yang merah itu saga,
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa.*

Jadi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi sanjungan kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membuat kenyataan bahawa nama-nama di Putrajaya itu akan ditukar, akan dimelayukan. Tahniah dan syabas! Saya minta satu lagi perkataan kalau boleh, Yang Berhormat Menteri, melihat bagaimana dengan *budget*, perkataan Melayunya belanjawan yang telah kita gunakan puluhan tahun lamanya.

Butiran yang kedua, 050000 – Muzium dan Antikuiti, tepat sekali bahawa tidak lama lagi kita akan mendapat satu Istana Negara yang baru, jadi kemungkinannya kita dapat ataupun cadangan supaya Istana Negara yang ada sekarang ini kita jadikan sebagai mungkin Muzium Diraja sekurang-kurangnya atau paling tepat sekalilah kerana ini simbol kerajaan kita, raja berperlembagaan.

Perkara ketiganya, Butiran 070000 – Jabatan Warisan Negara. Saya juga menyanjung tinggi dan mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh menteri bahawa Kementerian KeKKWa akan berpindah ke Bangunan Sultan Sulaiman, saya kira dan saya harapkan kementerian-kementerian lain juga, lebih-lebih lagi di peringkat negeri juga kenapa tidak kita gunakanlah bangunan-bangunan warisan lama itu untuk dijadikan pejabat kerajaan kita. Tahniah diucapkan.

Yang satu lagi, Kecemerlangan Seni – Butiran 110500, juga amat menggembirakan kita, di mana anak kelahiran daripada Istana Budaya iaitu Puteri Gunung Ledang mendapat sambutan yang begitu hangat dan diterima oleh masyarakat antarabangsa di Singapura sebagai bertaraf dunia. Jadi kita harapkan agar KeKKWa dan Istana Budaya dapat melahirkan setiap tahun sekurang-kurangnya satu teater seperti sama tarafnya dengan Puteri Gunung Ledang.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Butiran 100000 – FINAS di mana pada masa-masa lalu diadakan Pertandingan Menulis Skrip Filem. Jadi diharapkan perkara atau hal seperti ini diteruskan tetapi saya rasa kita amat kekurangan skrip mengenai filem-filem patriotik. Maka kemungkinannya kita akan galakan para penulis kita menulis filem-filem patriotik. Akhir kata, saya ingin menyampaikan dua rangkap pantun;

*Pisang emas dibawa belayar,
Di dalam bakul untuk dijunjung,
Kita bekerja tidak minta dibayar,
Kita berjuang tidak minta disanjung.*

Dan akhirnya ini istimewa di atas penghargaan dan sumbangan yang diberikan oleh KeKKWa dengan menterinya sendiri, maka;

*Kalau belayar merentas samudera,
Berlepas di teluk menyusuri pantai,
Berhenti berkelah di Lubuk Cina,
Kalau mencari Menteri KeKKWa,
Pertama elok, kedua pandai,
Datuk Seri Rais tepat orangnya.*

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

12.53 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030000 – Kebudayaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan boleh memperakukan dan menggalakkan Tarian Singa.

Ini sebab pada masa sekarang nampaknya Tarian Singa bukan diperakukan sebagai satu budaya negara kita malah dalam pertarian Tarian Singa ini pada musim-musim tertentu, khasnya apabila hendak bergerak dari satu tempat ke tempat, pihak polis mengehendkan Tarian Singa ini hanya boleh menari di atas pentas lori *trailer* sahaja dan bukan boleh ditarikan di atas jalan raya.

Tarian Singa ini adalah satu simbol yang baik. Ia diguna pakai untuk menyambut tetamu-tetamu dan juga merasmikan pembukaan pusat-pusat perniagaan atau rumah-rumah baru dan juga pada Tahun Baru Cina, ini adalah satu istiadat dan satu simbol yang boleh membawa nasib tuah kepada kepercayaan kaum Cina dan saya berharap ia boleh diperakukan. Malah Tarian Singa di negara kita ini subur kemajuannya kerana di Johor ada satu pasukan Tarian Singa pernah menjadi juara Tarian Singa Asia. Ia menewaskan negara China, negara Taiwan dan negara Hong Kong pun.

Saya juga ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri, *cingge* iaitu satu pesta yang bermain bendera besar. Timbalan menteri taulah, dia dari Pulau Pinang. Cingge dan juga wushu. Wushu walaupun satu sukan dan ia diperakukan dalam Sukan Komanwel, sukan kita, tetapi ia boleh dianggap sebagai satu budaya juga kerana ia telah beribu-ribu tahun wujudnya wushu ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong dan selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

12.56 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Secara ringkas, Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 020000 mengenai Khidmat Pengurusan dan 06000 – Perpustakaan Negara.

Tuan Pengerusi, kita mempunyai peruntukan RM50 juta lebih, hampir RM51 juta untuk Perpustakaan Negara. Di sini saya hendak menanya dengan usaha pihak kementerian untuk mempertingkatkan ICT, *information technology* ataupun teknologi maklumat dan komputer-komputer di Perpustakaan Negara ini, apakah hasilnya dan bilangan yang menggunakan perpustakaan ini.

Kita pun menggalakkanlah semua orang termasuk Ahli-ahli Parlimen yang suka berbahas di sini dengan keris dan sebagainya, untuk pergi ke Perpustakaan Negara untuk mengetahui ilmu pengetahuan yang lebih luas. Bukan setakat hendak tunjukkan kebolehan dengan itu dan ini sahaja kerana kalau kita "berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi".

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu apa Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu bermakna...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan itu buku tiga '5' punya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Eh tidak, tidak, tidak. Itu ilmu yang tiada sempurna dituntut tidak akan ada faedahnya. Dia ada ilmu sedikit, dia tanya gagasan-gagasan keris itu sahaja. Ia hendak menonjolkan begitu kebudayaannya bukan di dalam kitab-kitab termasuk kitab Al-Quran tidak menggalakkan menonjolkan keris untuk sesuatu, tidak sama sekali kerana kitab-kitab seumpama Al-Quran pun menggalakkan orang bersatu padu, sejahtera, silaturahim dan sebagainya. Nilai-nilai yang termaktub di dalam kitab-kitab ini dan ilmu pengetahuan perlu kita mengetahui dengan sempurna.

Saya berharaplah menteri, Yang Berhormat bagi Jelebu dapat menggalakkan semua Ahli Parlimen untuk menggunakan Perpustakaan Negara dengan lebih supaya ilmu pengetahuan semua Ahli Parlimen dan rakyat Malaysia ini boleh meningkat kepada satu tahap yang lebih tinggi secocok dengan dunia yang berglobalisasi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Eh, pendek sahaja, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa, hendak sambung sedikit?... *[Disampuk]* Hendak sambungkan? Hendak sambung boleh, saya benarkan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Benarkan? Ooh, baiklah, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Atau boleh minta perpustakaan untuk kawasan Kulai. Minta bagi pihaklah, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu saya ingat dia...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sokong, kena sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, kawasan Kulai tidak ada perpustakaan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kulai tidak adakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat kata penting. Jadi mohonlah bagi pihak.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh ya, ya. Itu memang sudah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, baiklah masa cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya boleh cadangkan supaya menteri itu mengambil perhatian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengambil perhatian untuk mengadakan cawangan Perpustakaan Negara di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kulai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di Kulai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasihlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha, bagi Yang Berhormat peluang sedikit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, jadi menteri sendiri akan jawab pada 2.30 petang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

2.32 ptg.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Alhamdulillah terima kasih Tuan Pengerusi, di atas peluang bagi saya untuk cuba menjawab beberapa persoalan dan isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan peruntukan di bawah peringkat Jawatankuasa dan kepala-kepala yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan atau KeKKWa.

Saya mulakan dengan rangkap:
*Lada sulah banyak di kuala,
Akarnya sampai ke tepi kolam,
Awal Bismillah pemula kata,
Bertanya khabar dengan salam.*

Dengan itu terus saya pergi kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau khususnya berkaitan dengan pandangan bahawa ciri-ciri pelbagai kaum dalam persembahan kesenian kata beliau hendaklah ditimbang oleh KeKKWa untuk dilaksanakan. Sesungguhnya KeKKWa menjalankan tugas ini dan arahan telah pun dibuat semenjak dua tahun dahulu secara khusus supaya semua perayaan, semua kegiatan yang melibatkan perayaan kebudayaan, dilibatkan juga aspek-aspek pelbagai kaum yang sesungguhnya perlu kita adunkan untuk menjadikan realiti kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Seterusnya program-program merakyatkan seni dan budaya dilibatkan secara itu. Perayaan Hari Kebangsaan pun sedemikian, penganjuran-penganjuran festival seni dan budaya termasuk Festival Tari, Festival Muzik, Festival Teater, Festival Kesenian Rakyat dan lain-lain.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh atas pandangan beliau supaya program penerangan kepada masyarakat mengenai pakaian kebangsaan dibuat. Sebenarnya menerusi projek Muzium Tekstil, kita telah mula menggariskan beberapa faktor penting dan fakta untuk kita terjemahkan ke dalam pelbagai program di daerah, sama ada menerusi kerjasama Majlis Kebudayaan Negeri ataupun Majlis Kebudayaan Daerah, kita akan langsung sedemikian. Khususnya suka saya menyatakan bahawa bengkel seni budaya, seminar mengenai seni dan budaya, penerbitan-penerbitan seni akan kita anjurkan supaya pakaian kebangsaan itu diberi penjurusan terhadapnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Maran menanyakan berapakah jumlah jenis perpustakaan mengikut pecahan di seluruh negara. Sukacita dimaklumkan jumlah perpustakaan awam cawangan dan desa di seluruh negara adalah 1,118 buah. Di Perlis 36, Kedah 72, Pulau Pinang 83, Perak 86, Selangor 87, Wilayah Persekutuan 11, Negeri Sembilan 38, Melaka 54, Johor 92, Pahang 74, Terengganu 82, Kelantan 30, Sarawak 241, Sabah 127 dan Labuan 52. Jumlah perpustakaan mengikut negeri telah juga dibangkitkan khususnya berkaitan dengan bilangan pengunjung-pengunjung. Oleh kerana *detail* data ini adalah meluas dan banyak, izinkan saya menyatakan bahawa jumlah pengunjung kepada semua perpustakaan awam di tanah air kita melebihi 12 juta orang. Ini menunjukkan bahawa hampir setengah jumlah penduduk di tanah air telah dicatat sebagai pengunjung-pengunjung perpustakaan mengikut keperluan di negeri masing-masing.

Sebagai contoh, izinkan saya menyatakan di Johor misalnya 608,178 pengunjung berbanding dengan Wilayah Persekutuan hanya 189,439 tetapi perlu saya nyatakan juga bagi pihak Perpustakaan Negara bahawa angka begini di Wilayah Persekutuan adalah disebabkan adanya perpustakaan-perpustakaan di pelbagai universiti dan kolej. Dan justeru angka tersebut telah dicatatkan sedemikian. Angka 12,443,359 ini sebagai pengunjung kepada perpustakaan adalah sesuatu yang menggalakkan. Dan kami di kementerian akan cuba sedaya upaya membantu Perpustakaan Negara menjayakan program Kempen Membaca terus-menerus di samping memperhebatkan lagi perpustakaan desa yang akan terus kita bina dengan cergas menjelang habis tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sungai Petani menyarankan supaya promosi produk kraf sempena Tahun Melawat Malaysia dipertingkatkan. Cadangan ini kami terima dengan baik malah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bukan sahaja mewujudkan program-program, promosi yang berkesan dalam negeri tetapi juga di luar negara. Misalnya di Covent Garden di London pada tahun lalu, kita telah dapat bersama-sama dengan pelbagai agensi melahirkan suatu suasana festival dan juga produk kraf yang amat dirasai.

Hasil daripada penjualan pelbagai pihak tahun lalu ialah RM12 juta. Ini sesuatu yang boleh kita banggakan oleh kerana produk tersebut adalah dikunjungi dan dibeli sama oleh pelbagai pihak di Eropah.

Pada tahun ini insya-Allah kita akan ke Jakarta dan akan ke Paris bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan dan kejayaan adalah sesuatu yang amat kita dahagakan tetapi dengan rangkaian kerjasama yang telah dijalin saya yakin kita akan dapat mewujudkan prestasi yang lebih daripada tahun lalu.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pandangan yang menggalakkan dan juga galakan yang diberi kepada KeKKWa. Cadangan Yang Berhormat bersabit dengan zapin, ghazal dan keroncong iaitu dalam bentuk tarian, dalam bentuk muzik dan sebagainya akan kami laksanakan lebih hebat lagi pada tahun hadapan. Memadai setakat ini bagi kita menyatakan iaitu pelbagai pertandingan di festival-festival muzik dalam projek dan pementasan dalam aktiviti merakytakan seni, aktiviti-aktiviti bantuan akan kita tingkatkan supaya semua amalan muzik dan tarian yang disebutkan itu mendapat perhatian dari khalayak.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mencadangkan supaya *cross-cultural* dengan izin, kata beliau perlu digalakkan dalam program-program. Ini telah sempat saya jawab sebentar tadi dalam lingkungan menentukan supaya kegiatan-kegiatan kebudayaan diselitkan. Betapa pentingnya memahami antara satu budaya dengan budaya yang lain dan di samping itu memberi peluang kepada budaya-budaya sampingan atau budaya-budaya minoriti diketengahkan juga. Tahun hadapan kita akan melaksanakan program-program di Melaka di mana budaya Portugis atau kaum minoriti Portugis dan juga budaya yang kita dapati di pedalaman Sabah dan Sarawak akan muncul. Peruntukan-peruntukan tambahan juga sedang disusun supaya penyusulan tersebut berhasil.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tentang budaya. Boleh sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah kita benarkan menteri selesaikan? Nanti ada masa kita mintalah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam secara ringkas, kami ingin menyatakan bahawa bantuan kepada persatuan-persatuan sejarah sesungguhnya kami telah sajikan tetapi perlu juga ditegaskan sebahagian daripada persatuan-persatuan tersebut tidak menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan tempatan dan kami telah menyuarakan ini kepada Exco atau majlis kerja yang ditubuhkan di perenggan Persekutuan supaya penyusulannya berkaitan dengan penyelidikan sejarah tempatan juga dilaksanakan. Walau bagaimanapun Program Menjelang Merdeka 50 Tahun, kami akan bekerjasama dengan Persatuan Sejarah dan akan mewujudkan pelbagai program khususnya di Melaka, di Johor, di Kuala Lumpur dan di beberapa negeri yang lain.

Yang Berhormat bagi Maran mencadangkan supaya usaha-usaha agresif katanya diambil untuk menggalakkan pembacaan dan kerja-kerja menarik supaya lebih ramai pengunjung di perpustakaan dapat diwujudkan. Cadangan ini telah saya jawab sebentar tadi, cuma sebagai tambahan sejumlah RM85 juta untuk membangunkan rangkaian perpustakaan desa di seluruh negara sedang berjalan rancak. Sehingga kini 200 perpustakaan telah dibina dan pada tahun 2006 ini juga pertambahannya sebanyak 216 lagi sedang disusul.

Tidak syak lagi bahawa program ini tidak akan berjaya yakni Kempen Membaca sekiranya Kementerian Pelajaran tidak bersama. Oleh itu, kami telah meraih sokongan yang amat erat daripada kementerian tersebut supaya program menjayakan bacaan di kalangan masyarakat dapat kita tingkatkan. Semoga seruan ini juga sampai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita. Yang Berhormat bagi Maran juga menyambung dengan menyebut bahawa persoalan berkaitan dengan arkib di negeri-negeri yang masih belum mempunyai cawangan.

Suka saya menerangkan bahawa kerajaan telah pun membina cabang-cabang Arkib Negara di kebanyakan kawasan tetapi masih menunggukan beberapa masalah berkaitan tanah yang harus didapati kerjasamanya dari negeri-negeri. Walau bagaimanapun, dalam RMK-9 kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk membina lima bangunan cawangan lagi di negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, izinkan saya pergi kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan. Soalnya ialah kenapa Arkib Negara di negeri Sabah tidak mempunyai peruntukan? Saya harus mengingatkan bahawa cawangan di Sabah telah pun dibina dengan jumlah kewangan RM27 juta. Saya berharap Ahli Yang Berhormat melawatlah cawangan ini dan melihat dari dalam bagaimana keadaan dan juga khidmat yang diberi oleh cawangan kita di sana.

Berkaitan pandangan kedua oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan ialah industri kraf di seluruh negara perlu diberi penekanan khususnya di Sabah dan Sarawak. Hal ini telah pun saya nyatakan sebentar tadi dan berkaitan dengan Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di bawah kraf sahaja, kita mempunyai 53 SDSI dan dijangka projek ini akan bercambah lebih baik di Sabah dan Sarawak pada tahun hadapan yang mana arahan telah pun diberi kepada pihak-pihak tersebut untuk menjayakannya dengan kerjasama negeri.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mengucapkan terima kasih di samping memberi tahniah kepada KeKKWa, juga mencadangkan supaya bahan-bahan bacaan ditingkatkan dan diatasi masalah kurangnya bahan-bahan tersebut. Ini akan dapat kita atasi setelah Kabinet baru-baru ini meluluskan dasar bahawa Perpustakaan Negara boleh membeli terus karya-karya dari penulis-penulis. Oleh itu, sejumlah RM25,000 sekurang-kurangnya boleh kita gunakan untuk membeli secara terus penulisan-penulisan anak-anak negara kita, penulis-penulis tanah air kita dan diedarkan ke 1,118 perpustakaan kita yang cergas di tanah air. Ada beberapa keluhan yang disampaikan kepada kementerian tentang hal betapa sukarnya bagi penulis untuk hidup dengan karya mereka. Jadi ini adalah satu cara bagaimana kita dapat membantu mereka secara langsung dan dengan itu tidak mengabaikan kepentingan mereka.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani bertanya apakah hebahan dibuat untuk arkib memorial dilakukan. Adakah program-program dibuat untuk menarik kunjungan murid-murid sekolah? Sebenarnya telah dijalankan secara berterusan. Suka saya mengumumkan iaitu data yang ada pada arkib setakat ini ialah kedatangan pelawat hingga tahun 2005 sahaja di Memorial Tun Razak lebih daripada 5.3 juta orang dan Memorial Tunku Abdul Rahman lebih dari 600,000 orang. Di Melaka sahaja, Memorial Kemerdekaan menerima lebih dari 9.3 juta pengunjung. Jadi dengan data-data ini yang sendirinya menghuraikan keadaan populariti tempat-tempat kunjungan di bawah arkib tersebut telah terjawab.

Tuan Pengerusi, saya beredar kepada Yang Berhormat bagi Bera. Tentang keluhan beliau mengenai gelanggang gasing, silat dan sebagainya. Jika Yang Berhormat itu mempunyai tempat-tempat yang spesifik, kami tidak keberatan untuk terus memberi dokongan kepada cadangannya itu tetapi gelanggang-gelanggang yang tidak dapat kita pastikan pada awal tahun depan mungkin terlewat. Oleh itu, perlulah didapatkan datanya dan saya akan memberitahu pegawai-pegawai kebudayaan kita untuk mendampingi kawasan tersebut dan menentukan gelanggang yang perlu dibina, insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Larut menyatakan bahawa kraf-kraf tradisional juga perlu diberi penumpuan dan dianjurkan beberapa galakan. Pandangan tersebut insya-Allah kami akan terus daya usahakan pada tahun hadapan. Apa-apa yang berkaitan dengan cadangan kraf tradisi yang disebutkan itu sama ada menerusi kraf ukiran atau kraf tembikar, kita akan pastikan ianya menepati garis panduan dan juga standard yang ditentukan oleh SIRIM dan lain-lain pihak.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada pandangan Yang Berhormat bagi Sungai Petani yang menyatakan bahawa Balai Seni Lukis Negara perlu mengubah keadaan supaya lebih ramai pengunjung. Kami terima pandangan ini dengan hati yang terbuka malah pada minggu-minggu yang terakhir ini telah ditentukan supaya undang-undang yang berkaitan dengan BSLN akan dipinda. Selain itu, kita akan menjalankan program-program jangkauan keluar atau *outreach program* dengan izin, membawa beberapa lukisan ataupun ciptaan-ciptaan lukisan yang tersohor untuk dijadikan contoh kepada sekolah-sekolah dan juga mereka yang meminati seni ini di kawasan-kawasan luar dari Kuala Lumpur.

Selain itu, Program Laman Seni yang kita laksanakan semenjak dua tahun yang lalu juga akan diubahsuai supaya ia bersekali dengan tarikan pelancongan yang dianjurkan di bawah Kementerian Pelancongan.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani sekali menyatakan bahawa BSLN katanya hanya menumpukan kepada seni lukisan, bukan seni arca dan *architecture* dan lain-lain. Dengan pindaan undang-undang yang saya sebutkan tadi, akta baru BSLN akan dapat menggarap lebih banyak lagi tema, bidang, skop kepada bidang seni yang memasukkan sekali bahan-bahan lain serta pendekatan-pendekatan lain agar selari dengan apa yang telah kita gariskan sebagai pentingnya Balai Seni Lukis itu tidak hanya sebagai balai, tetapi sesungguhnya sebagai satu tempat di mana percambahan seni akan berlangsung yakni seni tampak yang kita takrifkan sekarang.

Mengenai rumah Pak Ali dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, insya-Allah kami akan mendapatkan butir-butir lanjut daripada perkara tersebut. Setakat ini tidak ada waris dari mereka yang datang mendampingi Jabatan Kebudayaan atau Warisan. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang ini dihargai oleh kerana rumah itu memang satu-satunya rumah peninggalan yang sudah rosak akibat terbakar dan ia perlu mendapat perhatian kerajaan dan saya akan cuba melihatnya supaya menjadi realiti.

Yang Berhormat bagi Bera juga melangsungkan pandangan tentang perhatian kepada waris Mat Kilau yang kata beliau kurang diberi tumpuan dan pandangan. Saya mohon maaf sekiranya ini sesungguhnya berlaku, tetapi kita telah sekali tempoh hari iaitu institusi seperti Kelab Sultan Sulaiman, kemudian rumah-rumah tua yang mempunyai sejarah diberi perhatian oleh Warisan. Lantaran Warisan adalah satu jabatan yang baru sangat dan aktanya baru diluluskan di sini, maka pegawai-pegawai kita pun masih belum genap untuk menjalankan tugas piawai, penentuan, pemuliharaan, pemeliharaan dan sebagainya tetapi cadangan ini saya kira berpatutan dan bukan sahaja Mat Kilau tetapi penjasa-penjasa yang lain juga perlu kita beri penumpuan dan sekiranya ini menjangkau antara satu masyarakat kepada masyarakat yang lain kita pun tidak keberatan untuk memberi penghargaan dan ketinggian pandangan kita terhadap mereka.

Tentang filem dokumentari yang perlu diperbanyakkan Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga menggalakkan agar tayangan *footage* dengan izin, kata beliau dibuat di televisyen. Saya menghadapi masalah sedikit dengan rakan-rakan di KeKKWa oleh kerana soal *footage* filem ini berkaitan dengan Undang-undang Hak Cipta. Kami tidak dapat hanya mengambil *footage* itu dan menayangkan atau meminta Menteri Penerangan menayangkannya. Walau bagaimanapun ada beberapa perjanjian yang telah dibuat oleh beberapa syarikat penerangan dan juga PR atau syarikat *broadcasting* atau penyiaran. Kami mungkin dapat menyalurkan pandangan ini kepada mereka dan sekiranya diterima, adegan-adegan tertentu dari filem klasik itu dapat kita tayangkan. Tentang filem dokumentari, Kabinet telah meluluskan baru-baru ini sejumlah peruntukan yang boleh menganjakkan paradigma perfileman kita dan saya sedang berusaha dengan gigih dengan pengeluar-pengeluar filem tempatan dan luar negara untuk meminta mereka mengambil bahagian dalam pengeluaran filem-filem dokumentari. Dua syarikat luaran seperti *National Geographic* dan *Discovery* telah pun menandatangani perjanjian usaha sama dengan FINAS dan insya-Allah ini akan memberi satu sumbangan juga kepada Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan di samping sambutan Kemerdekaan 50 tahun.

Di atas cadangan FINAS perlu mengadakan filem-filem mengenai persahabatan yang menunjukkan kasih sayang dan sebagainya ini. Ini adalah cadangan-cadangan baik dan kami akan cuba menyelitkan tema-tema tersebut bukan sahaja dalam filem-filem pendek tetapi dalam beberapa filem cereka yang berkemungkinan dapat menyajikan adegan-adegan setimpal.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Setiu mohon KeKKWa memperhebatkan seni bela diri silat. Cadangan ini setimpal dengan dasar yang telah diterima dan juga yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Perhimpunan silat, konvensyen silat, bantuan kewangan kepada badan-badan bukan kerajaan silat telah pun kita jalankan tetapi untuk mengapungkan silat kepada sukan kepada tahap yang lebih *international* ataupun antarabangsa, ini belum secukupnya dapat dilaksanakan. Alhamdulillah pada 4 Disember nanti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan bersama-sama dengan kementerian ini dan juga pesilat-pesilat seluruh tanah air yang lebih dari 1000 orang di Port Dickson dan di Konvensyen Silat itu akan diumumkan beberapa langkah positif untuk menghidupkan, mengharmonikan dan mempromosikan silat ini sebagai salah satu daripada cabang seni dan cabang sukan warisan yang perlu kita beri penekanan.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, diucapkan terima kasih di atas pandangan galakan kepada Akademi Seni Budaya atau Aswara yang baru ditubuhkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kursus peringkat ijazah sesungguhnya akan diberi dan disajikan di samping kursus-kursus permulaan sijil dan juga kursus-kursus di peringkat diploma tetapi mata pelajarannya kami sedang berurusan dengan Kementerian Pelajaran dan juga pihak-pihak jaguh seni tanah air supaya ia tidak terkeluar daripada keperluan negara membentuk budaya dan seni di kalangan masyarakat Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya langsungkan terus kepada pemeliharaan warisan. Langkah-langkah yang perlu diadakan menyusul kepada pandangan Yang Berhormat bagi Jerlun. Ini semuanya adalah terletak di bawah bidang tugas dan bidang cakup Akta Warisan tahun 2005. Oleh itu, apa-apa yang boleh kita laksanakan di bawah peruntukkan-peruntukkan tersebut kita akan berbuat sedemikian. Malah setelah kita temui beberapa fakta dan juga artifak di Melaka dua hari yang lalu, kita akan jalankan tugas-tugas penyiasatan dengan segera dan dengan kerjasama kerajaan negeri pemeliharaan ini kita akan dapat langsungkan. Malah bangunan-bangunan yang dipohon untuk diwariskan bersama kepada generasi akan datang menerusi peruntukkan yang sedia ada ataupun peruntukkan khusus juga akan dapat kita laksanakan.

Yang Berhormat bagi Gerik bertanya adakah cadangan Istana Negara sekarang akan dijadikan Muzium Diraja? Jawabnya, memang sedemikian. Insya-Allah dan ini juga selaras dengan keputusan Kabinet. Kita sedang mengambil langkah supaya akhirnya Istana Negara yang ada sekarang menjadi Istana Diraja yang memuatkan sejarah, artifak dan penceritaan berkaitan dengan raja-raja dalam Tanah Melayu dan juga di Nusantara.

Dari Yang Berhormat bagi Pendang kita dapati pandangan berkaitan dengan kurangnya promosi penggunaan kraf di hotel-hotel. Di samping mengakui hal ini, pihak pelancongan telah memberi garis panduan kepada kerajaan bahawa kementerian tersebut akan bersama-sama dengan kementerian ini menjayakan promosi kraf tempatan di beberapa ruang legar dan juga kawasan hotel masing-masing bagi menterjemahkan kehendak dan juga garis yang telah ditentukan.

Yang Berhormat bagi Bagan mohon KeKKWa mengambil makluman mengenai Tarian Singa dan tarian cingge serta wushu. Suka saya menyatakan kami memang memberi ruang seluas-luasnya kepada majlis-majlis yang mengadakan tarian-tarian tersebut dan tidak ada langsung apa-apa penahanan ataupun pengehadan yang dilakukan. Malah kebanyakan tarian ini kami bantu di bawah kementerian semasa hari-hari perayaan Tahun Baru Cina dan juga dalam program-program lain. Ada suatu cadangan yang telah dikemukakan kepada kementerian supaya semua tarian kaum dibuat dalam bentuk satu muzikal seperti Tarian Singa, Tarian Wushu, tarian-tarian kaum India dan tarian-tarian rebana yang ada pada masyarakat Melayu akan dapat kita sajikan. Apabila ini selesai dalam bentuk persembahan insya-Allah kami akan jemput bukan sahaja Ahli Yang Berhormat bagi Bagan tetapi semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, izinkan saya selepas ini pergi kepada persoalan yang berkaitan dengan pandangan dari Grik juga, iaitu beliau memohon supaya persembahan Puteri Gunung Ledang yang mana tahapnya dianggap di peringkat antarabangsa dapat dilaksanakan dan dilonjakkan terus. Insya-Allah kami akan terima seruan ini terus-menerus malah pada tahun hadapan ada beberapa persembahan yang setaraf dengan persembahan Puteri Gunung Ledang ini dan salah satu daripadanya ialah program yang disambut dengan penyertaan tempatan bernama *The King And I* dan kami akan juga teaterkan beberapa persembahan yang mutu teknik dan juga naratif persembahannya tinggi dari segi nilai umum.

Akhirnya Tuan Pengerusi, dua soalan, satu Yang Berhormat bagi Kepong dan satu lagi Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat bagi Kepong secara am meminta mempertingkatkan kemudahan ICT dan bilangan pengguna yang menggunakan kemudahan ICT tersebut. Kami telah menjawab sebahagian daripada pandangan ini. Cuma budaya melawat dan menggunakan perpustakaan belum lagi tertanam secara praktikal dan meluas di tanah air. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi makluman awal tentang perpustakaan-perpustakaan desa yang ada di kawasan masing-masing supaya sekurang-kurangnya menjadi penaung kepada perpustakaan tersebut supaya penghormatan orang akan berterusan.

Dalam 34 atau 35 persoalan ini, hanya seorang sahaja yang mengatakan KeKKWa gagal katanya, semata-mata atas persoalan keris. Orang itu tidak lain dan tidak bukan ialah Yang Berhormat bagi Jasin. Beliau berkata dan macam suara bengis sahaja, mengatakan KeKKWa gagal dalam menangani masalah keris. Saya suka menyatakan, kalau seperiuk nasi terdapat sebiji antah, nasi itu tak akan layak kita makan, tapi untuk mengatakan bahawa KeKKWa gagal sebab isu keris ini, saya kira tak lah begitu patut. Jadi dalam pemikiran itu saya lihat, beliau agak cemas, jadi saya ingin menyatakan:

*Air pancuran di hulu labu,
Berenang katak seekor, dua,
Kalau fikiran sudah bercelaru,
Bawa bertenang seketika.*

Jadi bawalah bertenang dulu dan lihat semula apa yang ada pada persembahan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Untuk Yang Berhormat bagi Kepong, Dato'. Untuk Yang Berhormat bagi Kepong bagi satu.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Untuk Yang Berhormat bagi Kepong dia sudah sebut tadi, dia kata "*macam bunga kembang tak jadi*". [Ketawa] Akan tetapi beliau selalu ada alasan sikit. Nampak gaya lebih.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tak jadi Datuk.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: ...Lebih budi bahasa Yang Berhormat bagi Kepong inilah. Terima kasih. Insya-Allah, soal keris ini kita perlu lihat begini, keris ini tidak ada apa-apa. Ia sudah menjadi lambang kepada bangsa Melayu semenjak Srivijaya malah lebih awal daripada itu. Seorang penulis namanya "Khurdes", yang menulis buku mengenai "*The Indian Nice State of Southeast Asia*," dengan izin, menyatakan bahawa budaya kepahlawanan bangsa-bangsa di Tenggara Asia, sudah lama. Jadi secara kebetulan keris merupakan pakaian dan juga simbol-simbol perjuangan kepada orang Melayu dalam Nusantara. Seperti mana juga pada suatu ketika, satu pedang bernama *The Excalibur* kepunyaan King Athur dijadikan sebagai lambang kepada mereka.

Akan tetapi kita tidak boleh menjadikan keris itu sebagai perbalahan perkauman malah kita harus lihat ia sebagai satu simbol yang dengan sendirinya membawa pengertian budaya dan tidak perlu kita pertikaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong, saya nampak Yang Berhormat bagi Ipoh Timor suruh bercakap.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Dia dah terkepong Yang Berhormat, bagilah... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Jelebu. Saya tertarik kepada kenyataan tadi mengenai "*The Indian Nice State of Southeast Asia*" dan sebagainya. Daripada pengetahuan Yang Berhormat, dari manakah asalnya keris ini, mula-mulanya. Adakah ini berasal dari India atau dari benua yang lain dan sebagainya? Saya memang menghormati pada budaya ini, memang menghormati, tetapi saya pun berharaplah orang-orang yang pegang kuat kepada budaya ini bernilai tinggi juga dan dengan tiap-tiap hari dia ada baca kitab suci dan kitalah memanglah menyerap sedikit nilai-nilai yang terkandung di dalam Al-Quran. Sekian... [Ketawa]

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Pengerusi, buku yang saya sebutkan tadi itu semuanya boleh kita lihat dan juga ada seorang, nama dia Brian Harrison. Beliau ada menulis buku yang bertajuk "*When The Kris Comes Down, The Sarung Goes Up*", tapi itu dalam jenaka bukan sesuatu yang ditulis serentak atau buku yang khusus... [Ketawa] Jadi banyakkah buku boleh kita lihat. Tuan Pengerusi, saya harap soal keris kita harus damaikan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Sarung comes up...* [Ketawa]

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Soal keris ya, kita harus damaikan. Oleh sebab ini bukan tercipta bukan dalam zaman kita, ia tercipta dalam zaman purba kala, malah dalam sejarah Melayu pun ada disebut bagaimana Sang Nila Utama mencabut kerisnya untuk mendapat restu daripada Kala Dewata. Kala Dewata, ialah Tuhanlah. Iaitu tidak ada kaitannya dengan hendak merejam orang atau nak memperkecilkan orang tetapi hak asas yang ada pada keris itu adalah hak yang membawa daya tertentu dan tidak boleh, dan tidak harus kita jadikan itu perumahan untuk bergaduh ataupun mencari hal. Tuan Pengerusi, setakat itulah sebutan yang dapat saya kemukakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh tambah sebutan sikit Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tiada butiran tambahan, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, tambahan sebutan kerana

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlulah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat barangkali ketinggalan untuk menjawab soalan-soalan yang pada pandangan saya kita bincang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab Yang Berhormat. Tadi sudah jawab. Yang Berhormat bagi Jerai punya sudah jawab. Hanya Yang Berhormat baru masuk... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Besok baca *Hansard* lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh bacalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, yang budak-budak tu Dato' Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang sarung naik turun tu?... [Ketawa]

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Pengerusi, sekiranya Yang Berhormat tak dapat menyusul apa yang kita sebut, saya berjanji akan memberi jawapan terus lagi malah bukan itu sahaja, kita boleh buat pameran-pameran lagi di sebelah Kedah dan lain-lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya cadangkan pameran-pameran keris kita tunjukkan, kita jemput Kepong untuk melihat pameran-pameran keris kita dan sarung-sarung keris kita kepada Yang Berhormat. Terima kasih... [Ketawa]

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Insya-Allah, yang tak bersarung pun boleh kita tunjukkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM430,100,900 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM430,100,900 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM255,342,800 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM255,342,800 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Maksud B.45 [Jadual]**Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2007]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, kepala Bekalan B.45 dan kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya mahu sebut mengenai Pembangunan Sukan. Baru-baru ini kita dapat satu *ranking* di mana Malaysia lagi jatuh. Nampaknya Yang Berhormat, pada masa ini banyak *ranking* Malaysia kian menurun sama ada *national competitiveness*, pelajaran, tentang korupsi ataupun sukan di mana FIFA *ranking* jatuh daripada 146 baru-baru ini kepada 153.

Akan tetapi ini tidak boleh menjadi alasan untuk pembaziran wang sebanyak RM490 juta yang dirancang untuk *High Performance Sports Training Complex* di Brickendonbury di London, di *off London*, *rather*, dan Yang Berhormat Menteri dalam sesi yang lalu ada berkata bahawa satu keputusan ada dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan pada akhir bulan September dan semua maklumat akan diberi kemudian. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi segala maklumat mengenai keputusan sama ada rancangan atau hasrat untuk mengadakan satu *High Performance Sports Training Complex* di London akan diteruskan oleh kerana:

- (i) tidak akan memberi apa sumbangan terhadap mempertingkatkan taraf sukan;
- (ii) satu contoh pembaziran wang khasnya sekarang apabila kita mahu kerajaan memberi contoh untuk berjimat cermat; dan
- (iii) selepas mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan pada akhir bulan September, apa yang dikeluarkan dalam surat khabar nampaknya bercanggah. Ada laporan yang mengatakan bahawa *the sports complex* di London *is on*, ada laporan yang kata *it's not on*. Jadi kita tidak tahu sama ada *on* atau tidak *on*.

Saya harap Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini boleh memberi satu jawapan yang komprehensif, khasnya soalan yang saya ada kemukakan semasa itu, berapa wang yang sudah dibelanjakan untuk sama ada *feasibility study*, kajian dan lain-lain dan apa pasukan/rombongan yang dihantar ke London untuk melawat tempat itu?

Kita tahu sungguhpun Yang Berhormat Menteri tahu bahawa syarat-syarat tempatan di sana tidak membenarkan oleh kerana ada syarat-syarat yang ketat, *local authority* tidak membenarkan *development* dalam *Tun Abdul Razak Research Centre* atau TARR, dan kedua oleh kerana warisan jalan yang masuk ke TARR sangat sempit dan mereka tidak akan membenarkan jalan itu diluaskan seperti yang diperlukan kalau mahu *High Performance Sports Training Complex* selain daripada menjadi satu *transit point* untuk hostel. Kalau begitu saya rasa pun tidak munasabah. Saya harap dalam perkara ini satu keterangan boleh dibuat kerana semua rakyat dalam negara menunggu jawapannya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai? Satu, dua, tiga..., tujuh. Yang Berhormat bagi Jerai.

3.13 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja. Tidak banyak. Butiran 020300 - Pembangunan Belia, 020500 - Pembangunan Ekonomi Belia dan 020600 - Pentadbiran Negeri.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, kita kena lihat bahawa masa depan negara kita terletak kepada belia yang ada pada hari ini. Kita bercakap mengenai modal insan. Alhamdulillah, Yang Berhormat Menteri kita telah menunjukkan prestasi tugas yang cukup baik dan boleh dipertingkatkan, terutama sekali kena ada pegawai yang cukup di peringkat negeri. Macam dalam satu Parlimen ataupun satu daerah ada satu pegawai belia dan dengan alat-alat kelengkapan pejabat yang tidak mencukupi.

Kadang-kadang pejabat mereka sendiri pun tidak terurus. Jadi, kita tambahkan lagi. Walaupun kita ada dua, tiga orang pegawai yang boleh menolong tetapi saya ingat kerana ini adalah satu strategi negara kita di masa akan datang untuk kita mendisiplinkan belia, mewujudkan belia yang bertanggungjawab, berwibawa dan beramanah, kita kena *mould* mereka daripada peringkat belia ini supaya mereka tidak ada di jalanan dan membuang masa dan membazir.

Lagi satu Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan pembangunan ekonomi belia. Kita dapat lihat hari ini ramai belia yang tercicir daripada sekolah. Ada separuh masuk ke bidang kemahiran yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, MARA dan sebagainya tetapi bagi saya, kita hendak banyakkkan lagi anak-anak kita..., belia ini menjadi usahawan, jadi, biarlah mereka ini diperuntukkan dengan bantuan dan juga subsidi untuk mereka meneruskan program yang mungkin wujud dulu dan mungkin hari ini sudah terhenti supaya mereka menggiatkan diri dalam bidang ekonomi, supaya mereka dapat berdikari, tidak mengganggu lagi keluarga mereka.

Apabila mereka ini berniaga..., berniaga ini Tuan Pengerusi, sementara hendak mai dia punya karan itu sahaja, syoknya itu. Bila dia sudah syok, dia boleh tengok duit keluar masuk, dia akan sibuk dengan perniagaannya dan dia tidak akan pergi ke tempat-tempat yang melibatkan dirinya dalam gejala sosial.

Ini lah yang kita kena bagi *occupied* kerana macam yang saya katakan dulu, Tuan Pengerusi, belia ini tenaga lebih. Macam Yang Berhormat bagi Arau, Kepong dan saya ini tenaga kita sudah kurang disebabkan faktor umur...

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Kuat lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Arau kuat lagi. Boleh ceritalah, Yang Berhormat... [Ketawa] Akan tetapi yang belia ini, tenaga lebih. Mereka mahu bersukan. Mereka mahu yang *adventurous*. Macam-macam yang mereka hendak cuba. Jadi, bila tidak ada itulah yang mereka cuba naik motosikal tayar satu. Orang normal pun tidak terfikir boleh naik motosikal bertayar satu. Yang kita tahu hanya di sarkas sahaja, Tuan Pengerusi tetapi sekarang ini di jalanan!

Saya hendak cadangkan syarikat-syarikat motosikal buat tayar depan besar dan yang belakang kecil. Jadi mereka naik macam itu jugalah. Tidaklah mengganggu orang. Ini kita kena buat. Kita kena tarik mereka supaya menjauhi gejala yang merugikan masa depan mereka dan juga kerajaan.

Jadi, saya nampak di mana pun, kita bercakap belia melibatkan diri dalam dadah, gejala sosial dan sebagainya. Saya ingat pihak kerajaan juga kena memainkan peranan. Kadang-kadang mereka terbawa-bawa dengan keseronokan yang berlebihan. Keseronokan yang berlebihan itulah yang menyebabkan anak-anak muda ini terbawa-bawa.

Ini program melalui kaca TV, kenalah pihak kementerian duduk dengan FINAS, Kementerian Multimedia dan sebagainya supaya kita menghalang. Kita jangan menggalakkan. Kadang-kadang, Tuan Pengerusi, cucu saya baru berumur setahun setengah terpengaruh dengan TV. Dia tengok TV, dia tahu. "Ha, Mawi" dia kata. Itu baru bertatih dan baru belajar bercakap! Dia tengok sini, "Siti", dia kata. Dia tidak kata Siti Nurhaliza. Dia kata "Siti", fasal dia tengok.

Ini bermakna kalau hari-hari dok mainkan yang itu, hari-hari dok mainkan drama yang bergaduh; hang marah aku, aku marah kat hang, drama yang memporak-perandakan rumah tangga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat macam berceramah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okay, saya letakkan tangan ke bawah, Tuan Pengerusi. Jadi, kita kena pastikan bahawa keseronokan ini ada hadnya. Suntikan daripada pendidikan agama kena ada.

Saya minta Yang Berhormat Menteri tambahkan sedikit lagi program-program belia ke arah keagamaan tidak kiralah kalau ia bukan beragama Islam, agama dia. Yang beragama Islam kita bawakan sikit supaya mengimbang masyarakat berkehidupan moden dan juga agama kita supaya mereka tidak terbawa-bawa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih di atas jasa baik dan budi baik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Duduk... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang.

3.18 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya satu perkara sahaja iaitu kepala Pembangunan 02301 - Penyelenggara Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri - Negeri iaitu tentang Stadium Muar.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, Stadium Muar sekarang sedang berada dalam keadaan yang amat daif. Memang benar Stadium Muar sekarang di tadbir di bawah Majlis Perbandaran Muar tetapi yang kita mohon ialah pembelaan daripada kementerian supaya stadium ini dibaikpulih terutamanya dalam menyediakan trek yang baru supaya dapat mencungkil bakat-bakat yang sedia ada di Muar tetapi terpendam kerana tidak ada kemudahan sukan.

Orang Muar semua sudah bersetuju tidak perlu ada kompleks sukan komuniti di sana kerana sudah ada stadium. Mungkin boleh dialihkan peruntukan tersebut daripada kompleks sukan komuniti di daerah Muar kepada Stadium Muar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

3.19 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pun ingin turut membahaskan bagi Butiran 020100 - Pentadbiran Belia dan Sukan yang telah diberi peruntukan sebanyak RM1,318,500.

Tuan Pengerusi, dalam soal pentadbiran belia dan sukan ini, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini khusus pada Menteri dalam soal pentadbiran belia dan sukan di Negeri Sabah, kesemua pentadbiran berhubung dengan belia dan sukan Negeri Sabah berbanding dengan rakan di Semenanjung diatur mengikut bahagian dan bukan peringkat daerah. Sedangkan daerah-daerah di Negeri Sabah ini adalah besar, luas. Saya ambil contoh bagi kawasan saya di Parlimen Tuaran luasnya lebih seribu kilometer persegi dan merupakan satu dari pentadbiran daerah tetapi kita tidak mempunyai pegawai-pegawai belia dan sukan di peringkat daerah, semuanya ditadbirkan di peringkat bahagian iaitu beberapa daerah dicantumkan untuk pentadbiran belia dan sukan.

Dalam hal begini apabila ada program di peringkat kementerian yang diperkenalkan untuk dilaksanakan di peringkat Parlimen atau di peringkat daerah, kita menghadapi masalah untuk melaksanakan di peringkat daerah. Bukan sahaja kerana sistem pentadbiran yang berbeza ini dan masih lagi di takuk lama belum diperbaharui lagi, tetapi kekurangan kakitangan di peringkat bahagian. Dalam hal ini juga Tuan Pengerusi, saya ingin membuat perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa pada pagi tadi telah dijelaskan tentang pembinaan kompleks sukan komuniti yang telah dijelaskan pada peringkat pagi tadi.

Akan tetapi, saya tidak yakin apabila mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang soal-soal penyelenggaraan penggunaannya dan tidak dan sebagainya, saya tidak yakin, malah janji itu sudah lama diumumkan tetapi sehingga pada hari ini tidak ada yang dilaksanakan. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya daripada kita membelanjakan begitu banyak duit untuk membina kompleks sukan komuniti, saya mencadangkan supaya kesemua dewan masyarakat, balai muhibah di peringkat kampung, di peringkat pekan dan sebagainya dipertingkatkan diperbaiki kepenggunaannya untuk aktiviti-aktiviti sukan.

Di kawasan saya di Tuaran, setiap kampung mempunyai balai muhibah yang kian hari semakin uzur dan dewan-dewan ini boleh digunakan untuk main badminton, untuk main bola tampar untuk main sepak takraw dan sebagainya tetapi, oleh kerana keadaan dewan yang daif dan kemudahan-kemudahan yang lain yang tidak baik, maka sebahagian besar daripada dewan-dewan, balai-balai muhibah ini tidak lagi boleh digunakan.

Dan jika sekiranya pihak kementerian memberi peruntukan untuk memperbaiki dewan-dewan ini, saya ingat tidak pun sampai yang diperuntukkan untuk tahun hadapan RM30 juta untuk kompleks komuniti ini tidak sampai begitu dan begitu juga dengan dewan-dewan masyarakat.

Di kawasan saya di Tuaran, kita mempunyai empat buah dewan masyarakat dan banyak yang boleh kita tingkatkan kita boleh perbaiki di dewan-dewan masyarakat ini di mana pelbagai dewan-dewan masyarakat ini adalah merupakan dewan serba guna, di mana kita boleh mengadakan majlis-majlis dan sebagainya tetapi pada masa yang sama kita boleh gunakan dewan-dewan masyarakat ini untuk aktiviti-aktiviti sukan. Walau bagaimanapun, dia perlu dipertingkatkan dari segi kemudahan-kemudahan dan saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji perkara ini dengan serius supaya kita dapat gunakan sepenuhnya harta kerajaan ini, kemudahan ini sebaiknya untuk kegiatan sukan.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya beralih ke Butiran 050500 - Program Penggerak Rakan Muda. Butiran ini telah diperuntukkan sebanyak RM20,354,900 bagi Bajet tahun hadapan tahun 2007. Persoalan saya ingin bawa di sini ialah apakah rasional pihak kementerian untuk mengehendakkan umur penggerak rakan muda itu pada umur 26 tahun? Saya ingin bertanya apakah pihak kementerian tidak sedar bahawa ada di kalangan penggerak rakan muda ini yang kita telah lantik pada umurnya 25 tahun dan sampai umur 26 tahun kita kena berhenti sebab itulah had umur yang telah diberikan.

Saya ingin mencadangkan supaya umur ini biar dilanjutkan sedikit, biar sampai 30 begitu, baru dia setahun baru dia belajar baru dia merasai bagaimana menjalankan tugas sebagai penggerak rakan muda dan saya ingin bertanya setelah program ini telah dimulakan, apakah program-program yang telah dijalankan dan apakah program ini penggerak rakan muda ini telah menyemarakkan lagi telah mempertingkatkan lagi program rakan muda yang selama ini dikatakan malap setelah perbelanjaan yang begitu besar diberikan. Saya juga pada masa yang sama Tuan Pengerusi, menteri ada di sini terima kasih, juga ingin mencadangkan khusus bagi negeri Sabah ini supaya sekali lagi dalam soal pentadbiran Program Rakan Muda ini samalah dengan program-program belia dan sukan di Sabah yang lain di mana amat pentinglah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, saya menggulung Tuan Pengerusi, amat pentinglah supaya penggerak rakan muda ini benar-benar diletakkan di peringkat daerah di peringkat kawasan Parlimen. Sekarang ini penggerak rakan muda sebagai contoh, penggerak rakan muda bagi kawasan Tuaran, dia tidak tinggal di kawasan, dia tinggal di kawasan Putatan bersama-sama dengan penggerak rakan muda daripada kawasan-kawasan yang lain. Oleh sebab itu program-program yang dilaksanakan di kawasan, katakan di kawasan saya di kawasan Tuaran dia sukar sebab logistik, kemudahan-kemudahan yang lain pula tidak dapat. Jadi, oleh sebab itu saya mencadangkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...Supaya penggerak rakan muda ini tolong diletakkan diberikan pejabat tempat bergerak di kawasan Parlimen masing-masing seperti mana yang dicadangkan oleh beliau, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

3.26 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020500 - Pembangunan Ekonomi Belia. Yang Berhormat Menteri dan saya ingin tahu bahawa kenapa peruntukan bagi pembangunan ekonomi belia semakin berkurangan kalau dibandingkan daripada tahun 2006 dan apakah bentuk perniagaan ekonomi belia yang telah berjaya yang boleh menjadikan contoh kepada belia-belie di kawasan saya supaya dapat belia-belie di kawasan saya membuat lawatan dan mengambil pengalaman daripada belia-belie yang berjaya di dalam bidang ekonomi. Hasil daripada peruntukan pembangunan ekonomi belia kementerian ini.

Yang keduanya Butiran 00601 iaitu Naik Taraf Kompleks Belia di peringkat negeri dan juga kawasan, saya nampak banyak kompleks-kompleks belia kementerian sukan yang ada di kawasan termasuk di kawasan saya di kawasan Jenaka di mana tidak diselenggarakan dengan baik, saya mohon supaya peruntukan dan pegawai yang secukupnya dapat diberikan di kawasan tersebut. Ketiganya Butiran 02007 iaitu Kompleks Sukan Komuniti. Saya ucap tahniah kerana Pahang mungkin ada tiga atau empat, saya mohon juga kawasan Parlimen Kuala Krau kerana awal-awal lagi saya telah menghantar permohonan dan juga tanah bagi untuk dibina KSK tersebut dan juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Belia kerana memberikan peruntukan kepada ADUN-ADUN bagi Kelab Sukan Komuniti yang telah berjalan. Cuma, saya mohon supaya peruntukan ini diberikan awal-awal tahun lagi, kalau di akhir-akhir tahun hanya sekadar untuk menghabiskan peruntukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Dan saya juga berterima kasih terhadap program Y2Y yang diberikan melalui Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat bagi Tebrau.

3.28 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, saya ada sedikit sahaja....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah jangan susah hati, Yang Berhormat bagi Kepong lagi bangun lama....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya seorang wanita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak kira punya, sekarang wanita sama lelaki sama punyalah, standard sama.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Butiran 04005 tentang Program Kepimpinan Belia Negara. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, saya jarang melihat program kepimpinan belia bercorak berbilang kaum diadakan di peringkat daerah ataupun negeri. Apakah kementerian tidak menyedar bahawa kegiatan belia merupakan satu kegiatan yang boleh merentas corak perkauman ataupun 'kewarnaan' perkauman jika diusahakan. Kementerian harus prihatin dan proaktif menyediakan program-program kepimpinan belia untuk menjalin silaturahim antara kaum sebagai salah satu usaha mencapai perpaduan negara.

Butiran kedua 02007 tentang Kompleks Sukan Komuniti. Kementerian pernah menyatakan bahawa kementerian akan berusaha mendirikan kompleks sukan komuniti di setiap kawasan Parlimen. Sekiranya cadangan ini tidak dapat dilaksanakan, maka peruntukan yang lebih kecil harus disediakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan gelanggang permainan bola untuk memberi ruang kepada belia dan beliawanis kita untuk mencungkil minat dan bakat yang sihat dan tidak terheret kepada kegiatan antisosial. Selain daripada mengutamakan elit sukan jangan mengabaikan peranan sosial sukan demi kepentingan pemuda-pemudi negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Kepong.

3.30 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang ada sukan, Kepong sukan itu hebat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong jalan kaki sahajalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa] Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Pembangunan Belia dan Sukan itu. Tuan Pengerusi, yang pertamanya itu saya nampak Yang Berhormat Menteri dia sibuk, sekarang dia hendak galakan atlet-atlet kita di ASEAN Games di Doha itu supaya mencapai prestasi yang baik. Itu memang beliau menjalankan tugas untuk memajukan sukan negara.

Walau bagaimanapun, soalan yang pertama, Sukan Komanwel kita sudah hampir enam atau sepuluh tahun tetapi akaun itu belum lagi kita tahu, belum lagi kita dapati dan tiba-tiba ada kes mahkamah pula dan adakah ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kita gagal di dalam perebutan untuk menganjurkan Sukan Asia di negara kita. Mungkin orang luar melihat kita tidak mampu untuk menguruskan temasya sukan antarabangsa. Saya berharap perkara seumpama ini tidak akan berulang....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di negara ini..., banyak lagi itu, perkara, banyak lagi, yang pertama.

Yang kedua mengenai penggunaan stadium kita, termasuk Stadium Nasional di Bukit Jalil kita, apakah kaedah yang digunakan oleh pihak kementerian untuk menggunakan stadium-stadium di seluruh negara dan pengerusi sekarang itu Arau...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Arau tidak payah tanya di sinilah, tanya di luar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu memang, pengerusi Arau saya nampak dia usaha dan berikhtiar sedikit hendak jadikan stadium kita lebih dinamik. Kedinamikan stadium itu penting, saya berharap Yang Berhormat dapat memberi perhatian, kepada pengurusan stadium-stadium di negara kita kerana kita akan menggunakan apakah keadaan stadium-stadium termasuk Stadium Nasional kita sekarang. Adakah konsep kedinamikan itu diterima oleh pihak kementerian, kalau diterima oleh pihak kementerian apakah rancangan untuk memajukan stadium kita, misalnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat, boleh gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak cukup itu, dia dapat begitu banyak peruntukan, lebih 720 bilion kalau tidak silap saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu, itu, lain cerita, cukuplah beri peluang kepada kawan-kawan yang lainlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 720 juta.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah bagi Batu Gajah berucaplah. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana itu konsep lama, ini tidak pernah saya dengar kedinamikan stadium di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Batu Gajah ada batuk, lepas ini boleh pergi tengok doktorlah, ada batuk sedikit, ada sakit tadi, saya ada nampak.

3.34 ptg.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih di atas keprihatinan Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong kerana memberi peluang saya berucap dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Dan juga, dan juga..., dan juga...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya dengar Yang Berhormat batuk, ada tekak sakitkah apa saya tidak tahu, selepas ini ada peluang untuk Yang Berhormat pergi berjumpa doktor.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih atas nasihat dan keprihatinan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik sila.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin rujuk terus kepada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi jangan cakap kuat-kuatlah ya! Nanti sakit lagi... *[Dewan riuh][Ketawa]*

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Saya cubalah, saya cuba. Saya ingin rujuk kepada Butiran 02004, ahli-ahli sebelah sana minta peruntukan, mereka minta perbaiki kompleks tetapi saya, yang saya rasa kita generasi muda bersama dengan menteri, saya hanya harap agar tidak ada diskriminasi dan jangan menggunakan belia-belia kita untuk berpolitik. Saya rasa terlalu banyak lapisan dalam sistem kita ini, terlalu banyak politik. Baru-baru ini Tuan Pengerusi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta bahas dengan lembut.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Apa peraturan mesyuarat yang mengehadkan cara saya berbahas, tidak adakan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, tidak ada, kerana mereka sayang kepada Yang Berhormat.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jangan risau, saya orang muda kesihatan baik, jangan risau yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh itu saya harap you jangan batuk selalu!... *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Kalau Yang Berhormat tahu, Tuan Pengerusi tahu sebab mengapa saya ingin berbuat demikian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab saya tidak mahu beri Yang Berhormat berucap sebab kena jaga kesihatan Yang Berhormat.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jangan risau, saya dalam keadaan yang elok. Tadi saya harap kalau boleh apabila ada peluang kami hendak bangkit untuk berbahas, Tuan Pengerusi juga pandang sebelah sini, bukan saya sahaja yang rasa didiskriminasikan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah..., teruskan, tetapi jangan berucap secara dasarlah. Terus butiran, butiran.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: ...Dari ahli-ahli dari barisan ini. Okey saya harap, saya balik kepada isu yang penting iaitu Rakan Muda. Baru-baru ini, satu taklimat, majlis taklimat penubuhan Kelab Rakan Muda Wawasan Desa diadakan di Kuala Lumpur dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dijemput dan saya sangat kesal sebab Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Lobak Negeri Sembilan dia telah dijemput untuk menghadiri program ini, di mana taklimat diberi kepada ADUN berkenaan Rakan Muda, Kelab Rakan Muda Wawasan Desa yang bakal ditubuhkan itu di setiap kawasan DUN, ada elemen berpolitik. Sebab ada satu draf undang-undang bagi Kelab Rakan Muda ini, jelas mempunyai cadangan untuk menubuhkan mempunyai elemen politik Tuan Pengerusi, di mana dicadangkan kalau kawasan DUN itu ialah Barisan Nasional punya, penasihatnya ialah ADUN kawasan tersebut. Kalau ia terletak di kawasan Parlimen Barisan Nasional, Ahli Parlimen kawasan itu adalah penaung.

Beberapa Ahli: Betul, betul, betul!

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi apabila kawasan DUN itu ditubuh dan Ahli Dewan Undangan Negeri ialah pembangkang, penasihatnya ialah Ketua UMNO Bahagian

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: [Bercakap dalam bahasa Mandarin] Dengan izin, dan kalau kawasan itu Parlimen pembangkang, penaungnya ialah pegawai daerah...

Seorang Ahli: Awak itu pembangkang!

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jadi mengapa menggunakan elemen politik ke atas belia-belia kita, ada niat baik Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri niat baik untuk menjayakan selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan memperkasakan tenaga muda dan juga untuk pembangunan modal insan.

Akan tetapi mengapa ada elemen politik dalam aspek menubuhkan kelab belia ini di setiap kawasan DUN ini yang bertujuan untuk memupuk, menyatukan belia, memupuk kekitaan untuk manfaat mereka belia-belai yang ada di kawasan luar bandar ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, boleh gulung.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, kita generasi muda, jangan terperangkap dengan pemikiran yang mundur bagi pemimpin-pemimpin yang lalu ini, yang setiap perkara yang dilaksanakan ada motif tertentu dan tujuan politik untuk kuasa Barisan Nasional sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya harapkan Yang Berhormat boleh beri satu jawapan dan juga ini masih dalam draf, biar kita bersama-sama untuk menyatukan belia bersama-sama membangunkan negara tanpa memecah-belahkan belia atas kerana perbezaan politik.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, ialah baru-baru ini ada tiga kes kematian. Kematian tiga orang pelajar, Syakirin, Zafira dan juga Mufizah mati lemas ketika mengikuti kursus asas sukarelawan Rakan Muda. Saya ingin tahu apakah kedudukan siasatan ke atas kes ini sebab menurut laporan ia adalah satu kursus anjuran Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang ini dan bagaimanakah boleh memastikan perkara ini tidak berulang, dan saya pohon satu laporan siasatan yang teliti daripada pihak kementerian jika ada. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Jika ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

3.41 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan berbas mengenai Butiran 00100 dan 00200 mengenai Pembangunan Sumber Manusia. Saya sangat mengalu-alukan Institusi-institusi Kemahiran Belia yang kini merupakan inti kepada pembangunan dan perkasaan belia di negara. Dan saya ucapkan terima kasih kepada masyarakat India kerana belia-belai India telah mendapat tempat yang istimewa dalam institusi-institusi ini selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita.

Saya mohon supaya latihan seumpama ini dapat dipanjangkan kepada belia-belai di kawasan luar bandar. Kalau boleh institusi-institusi ini dibentuk di tempat-tempat sedemikian. Seterusnya saya ingin membahaskan Butiran 01800 - mengenai Penyediaan Sukan Antarabangsa.

Saya tengok butiran dan wang yang diperuntukkan ini kurang sedikit. Cuma dalam tahun 2007, saya mohon supaya di Cameron Highlands dibina satu pusat latihan sukan bertaraf antarabangsa untuk *high altitude training*, dengan izin. Keperluan ini sangat mendesak di Cameron Highlands kerana cuacanya dingin walaupun perjuangannya membara.

Saya rasa keindahan alam dan juga cuaca itu yang bercorak *temperate climate* boleh dipergunakan untuk memajukan atlet-atlet kita kerana kandungan 74% oksigen di atas sana sangat sesuai untuk *endurance* para atlet yang ingin bertanding di peringkat luar negara. Keperluan ini sangat penting kerana tanah kami sudah sediakan di peringkat pejabat daerah, cuma tunggu wang daripada Menteri Belia dan Sukan sahaja.

Saya mohon supaya perdagangan sukan ini dapat diwujudkan kerana tidak ada pusat seperti ini di Asia Tenggara, walaupun di negara China sudah ada dan keadaan latihan seperti ini sudah berjaya di China, Jepun, Korea dan juga Kenya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maka saya mohonlah supaya pusat latihan *high altitude training* ini dibentuk di Cameron Highlands dan saya rasa ramai atlet daripada negara-negara luar seperti Singapura yang kini hantar atlet mereka ke Taiwan untuk *high altitude training* dipusatkan di Cameron Highlands dan cukup berjaya. Itulah permohonan saya. Saya memohon supaya perkara ini dapat dipertimbangkan secara serius demi kepentingan bersama kerana di sana cukup indah dan tepat sekali tempatnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Haji Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

3.43 ptg.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya singkap daun dan ambil buahnya sahajalah iaitu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Haji Yacob]: Tidak payah bunga-bunga Yang Berhormat, ambil buahnya sahaja.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya. Ambil buah... [Ketawa] Butiran 02001 - Kompleks Rakan Muda Daerah. Saya mengucapkan terima kasihlah di atas perancangan pihak kementerian, Rakan Muda – Kompleks Rakan Muda Daerah Kuala Pilah telah pun didirikan. Pada peringkat awalnya tidak mendapat respons yang agak baik oleh kerana promosi kurang dibuat tetapi akhir-akhir ini, saya melihat kompleks itu telah begitu rancak dipergunakan oleh masyarakat bukan sahaja oleh kelompok belia itu sendiri, tetapi juga oleh masyarakat sekeliling, oleh jabatan-jabatan untuk mengadakan seminar malahan majlis-majlis perkahwinan pun sudah ada dibuat di sini. Cuma pada petang ini, saya hendak memanjangkan harapan daripada masyarakat Kuala Pilah agar kalau boleh dewan yang ada di Kompleks Rakan Muda itu dihawa dinginkan kerana di Kuala Pilah tidak ada dewan yang berhawa dingin.

Perkara ini telah pun kita bawa ke atas tapi nampaknya kurang mendapat sambutan. Jadi di Dewan yang mulia ini dengan izin Tuan Pengerusi, saya memanjangkan balik harapan penduduk masyarakat di Kuala Pilah supaya dewan yang ada ini di *air-conditioned*. Mungkin tidak melibatkan yang banyak tapi memandangkan daripada anggaran tahun 2007 ini, pada saya memang boleh mencukupi untuk dihawa dinginkan dewan itu. Ini adalah harapan daripada Kuala Pilah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Haji Yacob]: Ya. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

3.45 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang kita sayangi bersama. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuba untuk mengambil peluang membahaskan Butiran 020200 – Pembangunan Sukan.

Saya masih ingat lagi Allahyarham Mokhtar Dahari, peringkat dunia dalam bola sepak. Kita masih ingat lagi badminton bertaraf dunia Wong Peng Soon, Tan Yee Khan dan Ng Boon Bee tetapi sebutan itu Kelantan. Kita masih ingat warga Sidek, Thomas Cup. Jadi, kita tengok bagaimana Jalani, Razif dan juga Misbun. Jadi, saya mengingatkan bahawa sejarah ini mahupun dasar tu, tapi saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Haji Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak sebut Nicol David Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Nicol David, masuk satu dan 'Jagithezan'. Ini payah sikit, Datuk Dr. M. 'Jagithezan' 100 meter...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Haji Yacob]: Yang Berhormat, Jegathesan bukan Jagithezan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jegathesan. Bukan, Kelantan dia bunyi gam... [Ketawa] Persuratannya memang mempunyai sen. Jadi, saya mintalah bila agaknya Yang Berhormat Menteri, boleh kita membina Kompleks Sukan Komuniti ataupun Rakan Muda yang dijanjikan setiap Parlimen.

Saya telah berjanji dengan kerajaan negeri walaupun Kelantan masih satu sahaja dalam Malaysia ini, yang diperintah oleh parti pembangkang tapi saya rasa mendekatinya, dia akan setuju bagi tanah kepada saya. Jadi, saya bertanyalah agak boleh atau tidak dalam tahun 2007 Kompleks Sukan Komuniti ataupun Rakan Muda diwujudkan di setiap Parlimen dan juga DUN.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya rasa kalau tak menyebut ini tak sempurna iaitu Butiran 020500 - Pembangunan Ekonomi Belia. Belia adalah aset negara yang terpenting. Kalau kita tidak bina ekonomi, dia akan lemah... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Datuk Mat faham, tidak payah terjemah. Kalau terjemah nanti lari. Akal yang sihat, tubuh badan yang sihat, tubuh badan yang sihat, tubuh badan yang sihat, ekonomi yang stabil. Maka dengan sebab itu, saya nak supaya apa Yang Berhormat Menteri buat sekarang ini ialah mengikut hadharinya, mengikut kemajuannya cukup baik. Belia yang diberi pinjaman, belia yang mengikuti kursus usahawan, belia yang menceburi dalam bidang-bidang perniagaan. Kalau boleh, biar dia ada kelas-kelas 'F', kelas 'B', kelas 'A' untuk lesen permit itu supaya dapat juga menceburi dalam pelaksanaan RMK-9 ini. Kerana saya fikir kalau sudah beri kepada korporat-korporat yang jadi keparat sahaja, tidak menguntungkan. Minta maaf saya sebut keparat ini, yang tidak bayar budi jasa kerajaan itu saya anggap keparat. Kalau dia tidak membina belia kita yang terjebak dengan gejala-gejala negatif, tidak berjuang berjiha sama, korbakan harta yang diperoleh daripada projek kerajaan, itu juga saya anggap keparat. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]: Ya. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

3.48 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh satu perkara Butiran 020200 – Pembangunan Sukan. Kita selalu bernasib malang Tuan Pengerusi. Hari itu, kita punya pasukan bola sepak *under 20* kalah 3 -1 dengan Oman, Tuan Pengerusi. Oman ini tidak pernah ada dalam peta bola sepak. Kita dalam kumpulan yang bersama-sama dengan China, Iraq dan Oman. Kita belum apa-apa, sudah kalah 3 – 1. Sudahlah kita memang sudah kalah, sudah kalah dua sudah. Eh, tolong Oman, kita sendiri masukkan satu... *[Ketawa]* Kita masuk *score* gol kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]: Piala dunia Yang Berhormat, ada juga gol sendiri Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak apalah, itu hak orang lain Tuan Pengerusi. Saya bukan hendak menyalahkan Menteri Belia dan Sukan kerana kementerian pun kadang-kadang tidak boleh hendak campur tentang persatuan-persatuan sukan tetapi kalau inilah berterusan Tuan Pengerusi, kita buang duit Tuan Pengerusi. Ini tidak tahu ini, ini yang kita bertanding yang dekat Doha nanti, Asian Games ni.

Patut tidak patut kita hantar pasukan bola sepak ini Tuan Pengerusi, patut tidak patut? Macam tidak patut Tuan Pengerusi. Masuk kalah. Konon masuk di peringkat antarabangsa kita mendedahkan pemain kita dengan pengalaman-pengalaman. Berpuluh tahun sudah kita hantar, macam kata tadi, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Kita rindu Mokhtar Dahari, tidak ada pengganti. Kita rindu dengan pemain-pemain badminton *Thomas Cup* kita yang dulu-dulu. Tidak ada pengganti, tidak ada.

Jadi saya tidak tahulah, menteri ini saya tidak salahkan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Sri Gading bersetuju dengan saya bila pasukan Malaysia kalah dengan Iraq, Oman, dengan satu China dalam satu pertandingan baru-baru ini. Ini sangat memalukan negara kita kerana Iraq ini dalam peperangan. Satu situasi yang sangat unik, macam mana perkara macam ini boleh jadi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bukanlah bersetuju dengan DAP, tetapi memang memalukan. Oman ini Tuan Pengerusi, lebih banyak pakai jubah di Arab ini, *astaghfirullah!* Tidak terkenal, tidak ada dalam peta pun. Kalau Iraq, Iran, Arab Saudi, *yes!* Itu betul...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi cadangan Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cadangan saya supaya kita jangan hantar lagi pasukan bola sepak, kita latih sesama sendiri, memang taraf kita Tuan Pengerusi, bola sepak kita taraf kampung. Sedarlah diri taraf kampung, jangan buang masa jangan buang duit dan kita tidak kecewa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada satu lagi. Ini paralimpik kita. Kita tuan rumah Tuan Pengerusi. Kita punya OKU dalam pertandingan renang beberapa butir emas dapat Tuan Pengerusi, tidak heboh satu dunia. Malang sekali Tuan Pengerusi, di stadium pertandingan renang tidak ada 20 orang pun rakyat Malaysia yang menonton dan memberi rangsangan kepada OKU kita yang dapat emas ini. Bagaimana, macam mana, entah macam mana benda ini boleh berlaku Tuan Pengerusi?

Kita jadi tuan rumah, kita tidak peduli Tuan Pengerusi. Apakah semangat orang-orang Malaysia, sokongan kita kepada orang-orang OKU ini berkurangan sangat, tidak ada kesah. Saya tidak tahu di mana Kementerian Belia dan Sukan, saya haraplah sampai keluar TV semalam OKU yang menang apa dia? Yang menang emas itu, sampai dia merintih, dia kata tidak ada semangat daripada rakyat Malaysia memperagakan dan merasa bangga dengan kemenangannya. Kenapa? Kita jadi tuan rumah ini. *Astaghfirullah..*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Takkanlah saya istighfar pun Tuan Pengerusi suruh cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Fasal istighfar la, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta, yang ini serius kerana orang kurang upaya rakyat kita Tuan Pengerusi dan dia membanggakan kita selain Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Bola sepak dia tidak membanggakan, tetapi mereka membanggakan. Dia tidak memalukan negara. Syabas, tahniah kepada semua atlet-atlet yang daripada OKU yang mengambil bahagian dan saya harap Kementerian Belia dan Sukan beri mereka penghargaan, bagi mereka imbuhan kerana mereka juga sebenarnya menaikkan dan mengharumkan nama negara. Tuan Pengerusi, saya sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat

3.54 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam 020000. Tuan Pengerusi, bila saya pergi ke mahkamah untuk kes-kes, saya nampak ramai muda-mudi berumur dalam lingkungan 19 - 20, yang terlibat dalam hal-hal kriminal. Kerap kali apabila saya bertanya kepada mereka, adakah mereka dapat apa-apa bantuan atau menerima apa-apa pandangan atau apa-apa pun dari Kementerian Belia dan Sukan, mereka kata tidak pernah. Walaupun kita tiap-tiap tahun mengagihkan berjuta-juta ringgit untuk rancangan bermacam-macam, rancangan Rakan Muda dan sebagainya.

Jadi soalan saya macam mana dan apakah kekurangannya. Kenapa pihak yang diingini kita menolong pihak-pihak itu tidak menerima bantuan, mungkin oleh sebab itulah mereka ini terpinggir di antara terutamanya saya rasa di antaranya adalah masyarakat India.

Di mana gengsterisme di antara masyarakat India yang umur yang sangat kurang daripada 18, 19, 20. Baru-baru ini di Ipoh, tiga budak berumur 18, 19 dan 20 terlibat dengan kes pembunuhan. Saya pun hairan, betullah tanggungjawab yang utama adalah keluarga mereka tetapi bila keluarga mereka tidak boleh memberi perhatian, saya rasa di antaranya adalah kewajipan kerajaan dan lebih-lebih lagi kementerian. Apakah kita sudah *miss the opportunity* untuk membawa apa yang diniatkan oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga ingin tanya, apa terjadi kepada wang yang diagihkan kepada setiap Ahli Parlimen pada tahun 2004, 2005 dan 2006. Saya difahamkan setiap Ahli Parlimen diagihkan RM20 ribu kalau saya tidak silap. Di Ipoh, bila kami mohon bantuan kepada muda-mudi saya difahamkan, ini tidak diberi kepada pembangkang dan hanya diberi kepada Ahli-ahli Barisan Nasional dan pasukan-pasukan Barisan Nasional atau pasukan-pasukan yang diketuai oleh Barisan Nasional.

Tahun dulu, beberapa bulan dulu kita dengar rintihan-rintihan daripada Barisan Nasional di mana mereka mengatakan wang-wang yang diberi dari segi yang di agihkan. Wang-wang ini di mana, bola-bola sepak yang telah dibeli tidak boleh dipakai. Kementerian telah membeli dan memberi kepada pasukan-pasukan tetapi semua bola-bola sepak itu tidak boleh dipakai. Apa terjadi kepada perkara tersebut. Adakah satu *investigation* telah dibuat dan adakah tindakan telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat dan berapakah yang dipastikan betul-betul wang ini telah dibuang dan apakah kita telah belajar dari perkara ini.

Satu lagi perkara adalah mengenai stadium di Ipoh, stadium basikal. Baru-baru ini menteri berkenaan dengan timbalan menteri dan setiausaha Parlimen pun ada pergi ke stadium tersebut. Apakah terjadi kepada *replacement* kayu-kayu dengan sistem yang baru untuk meningkatkan taraf basikal di stadium tersebut. Berapa wang kah yang telah diagihkan oleh kerajaan spesifik untuk projek ini. Apakah dasar dan setakat manakah kita dapat mencapai, meningkatkan taraf basikal di negara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam

3.58 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita bekas belia dan kita merasai pahit maung belia. Yang pertama, kepada Yang Berhormat Menteri ada di sini, sudah sampai masanya diwujudkan radio khas untuk belia. Kita ada *Radio Era*, kita ada radio *Hotfm* dan macam-macam *hot* tetapi untuk belia ini sebenarnya sangat penting kerana cerita dan berita kejayaan belia itu boleh kita paparkan di situ di samping kita memberikan interaksi kepada mereka. Perkara yang pertama.

Perkara yang keduanya juga ada kaitan supaya ada buletin ataupun berita dwibulanan ataupun dwimingguan kerana berita belia ini begitu banyak sekali. Mereka dalam jumlah penduduk kita meliputi lebih daripada empat juta orang. Bayangkan kalau radio dan berita belia ini disediakan, ini akan memberikan satu ruang yang sangat penting kepada mereka.

Perkara yang keduanya saya hendak sentuh mengenai 030200 iaitu Institut Kemahiran Belia. Jadi ini sangat penting, kita harus memaparkan kejayaan belia ini selepas latihan kemahiran. Selepas latihan kemahiran itu, kita harus memaparkan mereka menjadi pengusaha ataupun profesional berjaya dalam bidang-bidang tertentu.

Ini ada kaitan dengan apa yang saya sebut tadi dengan berita dan cerita kejayaan belia, ini pengiktirafan kepada mereka dan yang ketiganya ialah mengenai peruntukan yang diberikan untuk belia ini sebenarnya sangat dialu-alukan Yang Berhormat Menteri. Ini harus dikaitkan dengan mewujudkan satu kalendar aktiviti bulanan. Ini sangat penting kerana di bawah belia-belie kita akan bertanya, bila dua, tiga bulan tidak ada program aktiviti pertandingan, mereka akan bertanya apa aktiviti belia dan kerana itulah ia harus dikaitkan dengan program dan aktiviti sukan dan permainan belia.

Yang akhir sekali saya sangat menghayati Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri mengenai bakat-bakat anak bangsa kita yang boleh sampai ke taraf dunia seperti dalam bidang badminton ataupun bulu tangkis begitu juga dalam bidang *squash*, Nicole David. Saya ingin bertanya sebenarnya watak-watak yang terkenal seperti Roslin, Hafiz dalam bidang badminton yang bertaraf dunia ini, bagaimanakah, apakah insentif yang diberikan kepada mereka sebab saya dapati mereka ini naik turun. Saya dapat berinteraksi dengan keluarganya baru-baru ini dan saya dapati tidak ada satu *security* dengan izin, bagi masa depan mereka kalau mereka menumpukan kepada bidang itu.

Oleh sebab itulah saya sangat berharap supaya ada agenda khusus supaya mereka ini dapat diberikan insentif dan mereka dapat berikan bantuan. Saya hendak beri contoh akhir sekali Bambang Pamungkas, waktu dia berada di Selangor pendapatan bulannya RM20,000 sebulan. Saya difahamkan sekarang ini Hafiz itu saya rasa mendapat elaun sehingga Doha ini dalam RM2,500 dan sewa rumah di Kuala Lumpur, RM1000. Jadi bagaimanakah insentif yang harus kita berikan kepada mereka? Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Langat selepas itu Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Ketereh selepas itu kementerian menjawab.

4.02 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pertama tentang Butiran 030200 iaitu IKBN. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, IKBN akan didirikan di Kuala Langat dan kita harapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, perkara ini akan diteruskan. Butiran 040500 - Memperkasakan Tenaga Muda. Saya dengan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi banyak bantuan terutamanya tentang aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan oleh pengakap, pertama *extreme challenge* yang telah kita adakan di Johor, ini merentasi kumpulan etnik.

Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau tadi saya ingin menyangkal bahawa dalam *scout* kita ada semua bangsa tidak kira agama dan tidak kira bangsa. Yang keduanya, Jambori Negeri Sembilan nanti akan diadakan pada 19 Disember dan saya berharap Yang Berhormat Menteri sudi menutup jambori ini. Kita ada bengkel-bengkel kepimpinan yang banyak telah membantu kita daripada peruntukan yang telah diberi oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

4.03 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, Butiran 02000 - Pembangunan Sukan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri di mana perginya pasukan taekwondo dalam senarai atlet-atlet dalam sukan Asia di Doha ini. Sebab saya pernah bertanya dalam sesi yang lalu mengatakan saya mendapat jawapan secara bertulis bahawa akan ada penyertaan daripada pasukan taekwondo untuk menyertai temasya sukan Asia ini, tetapi sekarang nampaknya tidak ada. Saya maklum bahawa pasukan taekwondo sedang menghadapi satu kemelut apabila MTA telah digantung tetapi jawapan yang diberi bahawa melalui Majlis Olimpik Malaysia akan terdapat dan hadir penyertaan ini dan rekod Persatuan Taekwondo menunjukkan bahawa kita pernah mencatat pingat-pingat yang cukup cemerlang.

Saya juga hendak bertanya bahawa ada siaran ataupun surat daripada Suruhanjaya Sukan kepada pengarah-pengarah Jabatan Pelajaran Negeri memberitahu jangan menyertai terlibat dalam kegiatan-kegiatan persatuan peringkat negeri. Sedangkan persatuan peringkat negeri tidak terlibat dalam penggantungan seperti mana yang berlaku kepada MTA ataupun Malaysian Taekwondo Association. Ini menimbulkan kekeliruan dan kekeliruan di kalangan ibu bapa dan sekolah-sekolah sekarang pun sudah seolah-olah menganggap sepi dengan kegiatan taekwondo ini sedangkan dia mempunyai satu potensi yang cukup hebat. Dan ini adalah merupakan satu gangguan sedangkan pewujudan Suruhanjaya Sukan itu adalah untuk memastikan kelancaran kegiatan Persatuan Taekwondo dan kegiatan-kegiatan taekwondo ini.

Perkara yang kedua yang hendak saya sentuh ialah tentang *items* baru dalam kegiatan sukan ini. Misal kata di Kuala Terengganu yang sedang berjalan sekarang ini *Monsoon Cup*. Saya kira kita harus mencari ruang-ruang baru, sukan dalam bidang yang kompetitif seperti bola, hoki, kita tidak nampak akan kehebatan kita. Mungkin dalam perkara-perkara atau aspek-aspek sukan yang baru; yang boleh dicari, yang boleh diselidiki, yang boleh diterokai. Jadi di sini saya ingin mencadangkan supaya aspek elemen-elemen baru, sukan-sukan jenis yang baru supaya dapat dicari dan diperkembangkan, dimantapkan.

Dalam konteks *Monsoon Cup* ini juga, saya hendak bertanya apakah sumbangan yang telah diberi oleh Kementerian Belia dan Sukan ini untuk menyemarakkan satu aktiviti dan jenama baru dalam sukan di Malaysia ini. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang masa depan kegiatan seperti *Monsoon Cup* yang sedang berlangsung di Kuala Terengganu sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh.

4.06 ptg.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada dua tajuk sahaja iaitu Pembangunan Institut Latihan Kemahiran Belia - Butiran 030200 dan Butiran 50800 - Majlis Sukan Negeri Kelantan. Saya tidak hendak sentuh pasal sukan sebab sudah ramai. Saya tengok daripada Laporan Prestasi Institut Kemahiran Belia Negara. Tahun 2005, 7,000 orang yang telah dilatih sebenar, tahun 2006 anggaran 8,140, 2007 pun sama iaitu 8,140.

Peratus kelulusan sangat bagus tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan iaitu 99% tetapi pada saya bajet yang diberi sebanyak RM80 juta untuk melatih hanya 8,000 pelatih adalah terlalu kecil sebab memandangkan belia negara ini kalau saya tengok laporan yang diberi, belia yang terlibat di peringkat bawah paling daerah, tahun 2007 yang dilatih atau yang terlibat dalam aktiviti belia ialah sebanyak 510,000 orang belia. Yang kita hendak latih di Institut Kemahiran Belia yang merupakan satu pusat latihan yang cukup baik, cukup bermakna, cukup berkesan hanya 8,000 orang. Tempat di universiti lebih banyak daripada Institut Kemahiran Belia.

Saya berpendapat adalah wajar untuk Kementerian Belia dan Sukan memperbesarkan lagi tempat-tempat dan pusat latihan ini. Kalaupun tidak dapat dibuat di Institut Kemahiran Belia yang sedia ada kerana *constraint* kewangan mungkin sistem francais, latihan singkat, latihan pendek ini diberi kemahiran. Ini kerana belia kita ini sebenarnya tidak ada tempat hendak pergi selain daripada tempat-tempat ini.

Pada satu ketika dulu kita pernah buat satu latihan di Skudai, Johor di bawah 'Kobena Sombu' dibuat latihan bersama dengan belia dan kita berjaya melatih belia-belia ini untuk membuat kerja-kerja kecil, kontrak-kontrak kecil ini. Jadi pada saya Institut Kemahiran Belia, jangan sahaja melihat kepada institut itu tetapi mesti melebarkan latihan ini. Sekurangnya-kurangnya pada pandangan saya kita mesti melatih untuk tahun 2007, 20 ribu orang belia supaya dapat kemahiran, supaya mereka ini tidak menyertai gejala-gejala yang lain.

Yang kedua mengenai Majlis Sukan Negeri Kelantan, peruntukan yang diberi ialah sebanyak RM2 juta. Saya kesian tengok Majlis Sukan Negeri Kelantan, satu-satunya Majlis Sukan yang dibiayai oleh Majlis Sukan Negara. Peruntukan yang diberi hanyalah merupakan peruntukan pengurusan, tidak ada peruntukan pembangunan. Jadi hanya boleh bayar gaji dan boleh bayar pegawai-pegawai, tetapi untuk membangunkan sukan. Kita tahu di Kelantan ahli-ahli sukannya banyak yang bagus misalnya sukan menembak, sukan silat olahraga.

Akan tetapi oleh kerana tidak ada duit pembangunan, kerajaan negeri pula tidak membantu akhirnya potensi ahli sukan di Kelantan ini tergendak begitu sahaja dan sia-sia kerana peruntukan hanyalah untuk pengurusan. Saya hendak mencadangkan kepada kementerian carilah duit daripada mana pun, bantu Majlis Sukan Negeri Kelantan diberikan peruntukan untuk pembangunan. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk memulakan jawapan.

4.09 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, pertama sekali ialah soalan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan *centre* London di Brickendonbury, London dan jawapan saya pada pertemuan yang dulu ialah kita akan memberikan taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen setelah Jawatankuasa Kabinet bermesyuarat dan alhamdulillah Jawatankuasa Kabinet telah bermesyuarat dan keputusan yang dibuat ialah di mana Jawatankuasa Kabinet telah mengarahkan kementerian untuk berbincang dengan persatuan-persatuan yang berkenaan yang dilihat mempunyai potensi untuk menggunakan pangkalan hadapan dengan izin, *forward base* yang berada di Brickendonbury ini.

Jadi apa yang berlaku sekarang ini, kementerian telah menghubungi dua persatuan iaitu persatuan bola sepak dan juga persatuan hoki Malaysia untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka berkenaan dengan keperluan yang akan digunakan jika mereka diletakkan di Brickendonbury Center ini. Oleh itu kementerian akan hanya mendapat maklumat seterusnya selepas Sukan Doha kerana mereka tengah sibuk dengan Sukan Asia di Doha ini.

Saya telah memaklumkan kepada pegawai MSN, memang perlu dimaklumkan kepada Ahli Parlimen dan insya-Allah kita akan maklumkan. Baru-baru ini saya telah pergi ke Universiti Nottingham dan Loughborough di England dan mereka juga telah menawarkan khidmat sokongan mereka dalam aspek sukan, *sport science*, dan *sport medicine*, dengan izin, Tuan Pengerusi, supaya apabila *center* kita, dengan izin, di Brickendonbury itu diwujudkan, insya-Allah kita dapat merangkumi kegunaannya tetapi saya telah bercakap kepada pertemuan kita yang sebelum ini bahawa jumlah yang disebut oleh Ahli Parlimen bagi Ipoh Timor sebanyak RM490 juta itu adalah satu jumlah yang tidak betul dan tidak tepat sama sekali.

Penggunaan kita kepada perbelanjaan kita kepada pangkalan hadapan di Brickendonbury ini hanyalah bergantung kepada kegunaan yang dikehendaki oleh persatuan sukan tersebut. Berkenaan dengan jumlah yang setakat ini telah dibelanjakan, saya dimaklumkan sebanyak RM317 ribu telah dibelanjakan untuk menjalankan kajian kemungkinan digunakan.

Berkenaan dengan isu bahawa terdapat syarat-syarat yang ketat daripada kerajaan tempatan disebabkan oleh premis ini adalah premis di dalam skop warisan, kementerian bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa memang tidak boleh diwujudkan premis-premis yang baru tetapi syarat-syarat untuk menukar penggunaan di dalam bangunan yang ada dibenarkan, bererti, dengan izin, *internal renovation*, Tuan Pengerusi, dibenarkan.

Tetapi walau bagaimanapun di dalam taklimat akan datang kepada Ahli Parlimen, kementerian akan menunjukkan kepada Ahli Parlimen bahawa premis tersebut sudah mempunyai premis sukan seperti mempunyai satu standard *olympic size swimming pool* yang memang dahulu telah dibina yang mempunyai tempat permainan bola sepak, padang-padang yang begitu banyak. Jadi bererti penggunaan yang hendak dilaksanakan ialah penggunaan yang sedia ada yang hanya dilakukan, yang diperlukan ialah untuk menaikkan taraf.

Jadi saya ingin memberikan keyakinan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa pembaziran yang disebut kononnya sejumlah RM490 juta itu tidak akan berlaku...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Boleh tidak saya habiskan semua dahulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh, belum habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kemudiannya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jerai telah berkata tentang masa depan belia...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai perkara ini, perkara ini.

Datuk Azalina binti Othman Said: Boleh tidak saya jawab selepas?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Brickendonbury boleh?

Datuk Azalina binti Othman Said: Saya habiskan semua, jadi saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Brickendonbury. Bukan perkara yang lain. Pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Kalau tidak bagi jalan, selesaikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pendek sahaja, pendek, pendek.

Datuk Azalina binti Othman Said: Saya kena berlaku adil.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pendek, pendek.

Datuk Azalina binti Othman Said: Selepas, selepas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Selepas, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pendek sahaja berkenaan perkara ini, bukan perkara yang lain, perkara ini pendek sahaja.

Datuk Azalina binti Othman Said: Bukan masalah perkara ini ke tidak, tetapi saya perlu mengikut syarat, biar semua dengar jawapan dan kemudian saya akan jawab kepada isu lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya rasa tidak ada Ahli-ahli Parlimen lain ada sebut tentang Brickendonbury.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh saya tanya? Pendek sahaja.

Datuk Azalina binti Othman Said: Selepas semuanya saya selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bagi nanti. Nanti dia bagi, Yang Berhormat. Dia janji dia bagi.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bercakap saya tidak kacau, saya bercakap Yang Berhormat janganlah kacau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan kacau.

Datuk Azalina binti Othman Said: Biar saya habis dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan kacau. Kenapa Yang Berhormat Menteri menganggap ini sebagai kacau? Ini meminta penjelasan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Masalahnya saya membenarkan, dengan izin Tuan Pengerusi, selepas saya habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Azalina binti Othman Said: *You want us to*, dengan izin....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai perkara ini sahaja, kenapa habis.

Datuk Azalina binti Othman Said: Biarlah saya habis dahulu. Apa yang Yang Berhormat hendak marah sangat? Biarlah saya habiskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan. Nanti habis, banyak perkara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, biarlah saya habis dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa mahu mengelak? Saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu menteri punya keputusan. Sila duduk, Yang Berhormat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia tidak mahu bagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bagi, dia bagi kemudian, dia cakap.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bagi Jerai ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kemudian dia cakap, sila duduk dahulu.

Datuk Azalina binti Othman Said: ...Telah tanya soalan tentang belia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini satu helah sahaja.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bagi Jerai menimbulkan isu berkenaan dengan bantuan-bantuan ekonomi kepada belia. Jadi di sini saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Jerai bahawa kementerian berfokus kepada 3K iaitu kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan dan kementerian melihat antara yang perlu dan yang telah diwujudkan ialah Majlis Galakan Ekonomi Belia di mana terdiri daripada wakil-wakil belia daripada persatuan belia dan bukan persatuan belia untuk membantu kementerian untuk memberikan bantuan yang lebih kepada belia-belia yang berminat kepada perniagaan. Kementerian menyedari bahawa kita memerlukan belia untuk belia untuk membantu di dalam program-program yang mempunyai cita rasa belia walaupun dalam aspek ekonomi.

Kemudian Yang Berhormat bagi Jerai juga menimbulkan isu tentang keseronokan berlebihan daripada stesen-stesen televisyen dan seterusnya hiburan yang kemungkinan tidak akan membawa kesan yang positif. Ini bagi kementerian memang satu perkara yang juga kita memantau bahawa seolah-olah ikon, dengan izin Tuan Pengerusi, ikon kepada belia-belia selalunya ialah belia-belia yang berjaya dalam segi hiburan. Belia-belia yang berjaya dalam aspek yang lain itu jarang menjadi ikon, terutama sekali kita mewujudkan pendekatan seperti generasi-generasi atlet yang memang semuanya dalam umur-umur di bawah umur 40 tahun untuk dijadikan ikon kepada belia-belia yang lain.

Kedua-dua angkasawan yang dihantar oleh Kerajaan Malaysia juga dalam lingkungan umur belia dilihat juga boleh diwujudkan sebagai ikon dan kementerian bersetuju bahawa hiburan yang berlebihan ini yang kadang-kadang memberikan, dengan izin, Tuan Pengerusi, *perception*, dalam Bahasa Malaysia, anggapan bahawa kalau hendak jadi ikon itu kena hanya kepada aspek hiburan. Kementerian tidak membantah kepada hiburan tetapi kalau dalam aspek berlebihan, kementerian melihat ini juga secara tidak langsung dapat mengganggu kepada persepsi positif generasi belia kita terutama sekali dalam pemilihan kerjaya mereka.

Yang Berhormat bagi Ledang pula menimbulkan isu pasal Stadium Muar. Jadi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, sebenarnya Stadium Muar ini memang di dalam proses untuk dinaikkan taraf dan persediaan dokumen tender akan dibuat selepas skop projek di luluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi.

Yang Berhormat bagi Tuaran pula menimbulkan berkenaan dengan kompleks sukan komuniti di mana beliau merasa yakin tidak akan diwujudkan. Jadi saya pun memohon maaf kepada beliau kerana kebenaran yang diberi kepada kementerian oleh Kementerian Kewangan hanya 50 buah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi insya-Allah kementerian berharap dan juga telah berbincang dengan Kementerian Kewangan, kalau hendak diwujudkan dalam semua premis terutama sekali Dewan Undangan Negeri dan kawasan-kawasan Ahli Parlimen, perlulah sistem PFI diwujudkan iaitu dengan izin, *Private Financial Initiative*, bentuknya Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa *budget* yang diberikan hanyalah 50 buah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Itu sebabnya bagi kementerian pembinaan kompleks sukan komuniti ini dilihat sebagai satu pembinaan yang sangat penting kerana ia dapat membantu terutama sekali belia-belia kita di kawasan luar bandar untuk menggunakan masa mereka kepada sukan yang memang saya melihat sebagai salah satu daripada alat perpaduan di dalam masyarakat majmuk untuk digunakan bagi generasi belia kita sebagai pemimpin masa hadapan.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan sejuak hati kepada Yang Berhormat bagi Tuaran bahawa baru-baru ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sukan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku pengerusi bersama 15 Menteri Kabinet telah bersetuju bahawa hendak menunggu pembinaan kompleks sukan komuniti yang memerlukan prosedur daripada pihak JKR dan juga Kementerian Kewangan memakan masa telah memberikan kebenaran bagi Kementerian untuk membantu untuk membina gelanggang *multiple sport* ataupun gelanggang futsal kepada mana-mana permohonan yang dibuat.

Alhamdulillah setakat ini 50 kawasan Parlimen dan DUN yang dicampurkan telah memohon daripada Kementerian, harga antara RM100 ribu hingga RM150 ribu telah dapat dilaksanakan. Jadi saya menjemput kepada semua Yang Berhormat yang berminat untuk mewujudkan *multiple sport complex* ini, dengan izin, ataupun gelanggang futsal ini kepada Kementerian, insya-Allah akan dapat kita laksanakan dengan syarat tanah itu percuma, tidak dibayar dan tanah itu sesuai.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tuaran juga menimbulkan berkenaan dengan Penggerak Rakan Muda yang di mana dia kata di "ibu pejabat"kan di Putatan dan tidak di kawasan Parlimen beliau dan dia juga menimbulkan isu bahawa beliau tidak bersetuju kenapa atau apakah rasionalnya umur Penggerak Rakan Muda hanya perlu berhenti pada umur 26 tahun.

Jawapan daripada Kementerian, sebenarnya tujuan Penggerak Rakan Muda yang diwujudkan ini ialah satu program yang diuji kaji oleh Kementerian dengan harapan untuk menyelesaikan masalah yang memang Kementerian berhadapan iaitu pegawai-pegawai beliau yang dipertanggungjawabkan di daerah-daerah, kebanyakannya lebih daripada umur beliau, Tuan Pengerusi. Kementerian menyedari satu masalah, mereka lebih tua, umur beliau lebih daripada 40 tahun, keduanya pegawai-pegawai Kementerian yang ada di kawasan daerah tidak mencukupi kerana jumlah beliau dalam satu daerah dan kadang-kadang satu daerah ada tiga atau tempat kawasan Parlimen, lebih daripada 100 ribu beliau.

Itu sebabnya Kementerian telah mencadangkan wujudnya Penggerak Rakan Muda di Mesyuarat Kabinet pada tahun lepas dengan harapan untuk melantik generasi beliau sebagai orang tengah kepada program-program Kementerian.

Walaupun dicadangkan pada semua kawasan Dewan Undangan Negeri dan kawasan Ahli Parlimen, Kabinet telah mengarahkan Kementerian hanya mewujudkan kepada beberapa tempat sahaja untuk dibuatkan kajian. Dan Kementerian bertanggungjawab untuk memberikan laporan insya-Allah pada awal tahun depan tentang keberkesannya Program Rakan Muda ini. Dan sebab kenapa umurnya di bawah 26 tahun adalah kerana Kementerian melihat adalah lebih senang untuk mengawasi dan bertemu bual dengan generasi beliau terutama sekali dalam aspek Rakan Muda ini di bawah 25 tahun.

Rakan Muda didefinisikan dalam kategori Kementerian ialah mereka di antara umur 15 hingga 25 tahun. Rakan Muda tidak didefinisikan umur 30 tahun, itu sebabnya mereka yang dipilih sebagai penggerak Rakan Muda adalah 25 tahun bererti mereka berakhir tugas pada umur 26 tahun. Insya-Allah pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran itu akan diserahkan kepada Mesyuarat Kabinet untuk dimaklumkan, banyak yang mempertikaikan umur ini dan mahu supaya sekurang-kurangnya mereka yang disebut sebagai penggerak memegang jawatan sehingga umur 30 tahun.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau pula menimbulkan isu tentang ekonomi beliau, kompleks beliau, dan juga kompleks sukan komuniti. Kompleks sukan komuniti, jawapan saya samalah 50, dan insya-Allah saya berharap dapatlah diletakkan di tempat yang banyak dipohon oleh Yang Berhormat sekalian, walau bagaimanapun saya juga telah sebut awal pagi tadi tentang berkenaan isu tanah yang perlu dinilai. Walau bagaimanapun saya juga menawarkan gelanggang kompleks *multiple sport*, dengan izin, supaya sekurang-kurangnya adalah tempat untuk beriadah bagi generasi beliau.

Tuan Pengerusi, saya juga telah diberikan isu daripada Yang Berhormat bagi Tebrau berkenaan dengan kepimpinan beliau negara, di mana Yang Berhormat mengatakan tentang rentak gerakan beliau tidak boleh berbau perkauman. Sebenarnya Tuan Pengerusi, Majlis Belia Malaysia yang menjadi rakan kongsi kepada Jabatan Belia adalah satu gabungan persatuan-persatuan beliau yang mewakili semua jantina, umur dan juga bangsa.

Dan inilah sebenarnya menjadi ukuran hubungan kementerian bersama persatuan-persatuan belia dalam menjalankan aktiviti. Dan kementerian memang telah memberikan syarat ketat bahawa program-program kementerian mesti berbau perpaduan, tidak boleh diwujudkan hanya untuk berfokuskan kepada mana-mana kaum dan didiskriminasikan mana-mana kaum.

Yang Berhormat bagi Kepong pula menimbulkan isu berkenaan dengan sukan di Doha, terima kasih kerana amat prihatin bahawa kementerian akan sibuk di Sukan Asia. Dan menimbulkan isu berkenaan dengan Sukan Komanwel. Jadi di sini ingin kita menjawab, sebenarnya kalau hendak mengatakan disebabkan bahawa akaun Sukan Komanwel masih berada di pintu mahkamah, untuk mengatakan sebagai alasan kenapa kita gagal untuk menjadi tuan rumah bagi Sukan Asia yang telah diambil oleh negara Qatar, Doha. Jawapan saya itu adalah tidak benar kerana, pertama kita telah menjadi tuan rumah kepada Sukan Pasifik, Sukan Pasifik ialah Sukan Asia untuk golongan-golongan paralimpik. Dan pada hari ini kita menjalankan sukan tersebut, jadi tidak wujudnya Kerajaan Malaysia disisihkan kerana masalah kes berkenaan dengan akaun di SUKOM.

Kedua berkenaan dengan akaun SUKOM itu masih di dalam mahkamah dan untuk diselesaikan dan kementerian dimaklumkan mungkin akan adanya perbincangan luar mahkamah oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam kes akaun SUKOM ini.

Berkenaan dengan kegunaan Stadium Nasional, sebenarnya Kementerian Belia hanya bertanggungjawab kepada stadium-stadium yang dilihat sebagai stadium-stadium di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Kebanyakan stadium-stadium di peringkat negeri dan daerah, semuanya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan. Ini bererti bahawa kementerian tidak mempunyai bidang kuasa dan cara pemakaian stadium-stadium tersebut.

Walau bagaimanapun dalam Jawatankuasa Kabinet Sukan baru-baru ini, banyak telah ditimbulkan isu berkenaan dengan apa yang disebut tentang penggunaan stadium-stadium dan juga masalah *green lung*, dengan izin, di kawasan-kawasan perumahan. Kementerian menyedari antara masalah kita tentang isu sukan sebenarnya tidak cukup tempat-tempat sukan di dalam negara kita. Dan kalau kita hendak bina stadium di semua tempat, memang adalah amat mahal. Itu sebabnya kompleks sukan komuniti dan gelanggang *multiple sport* telah dicadangkan. Jadi oleh itu Kementerian Belia dan Sukan, tanggungjawabnya dalam Stadium Nasional memang digunakan untuk selalunya sukan-sukan antarabangsa dan sukan-sukan daripada persatuan-persatuan sukan *national sport association* dengan izin NSA. Walau bagaimanapun kementerian juga telah menggalakkan dasar untuk membuka stadium kepada penggunaan masyarakat tempatan pada hari-hari di mana atlet-atlet elit Malaysia tidak menggunakan stadium ini untuk latihan mereka.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah pula telah menimbulkan isu tentang Rakan Muda yang mewujudkan Kelab Rakan Muda Wawasan Desa. Sebenarnya Kelab Rakan Muda Wawasan Desa ini diwujudkan supaya yang diadakan taklimat baru-baru ini adalah dengan harapan untuk mewujudkan di setiap kawasan kampung Kelab-kelab Rakan Muda Wawasan Desa. Disebabkan oleh masalah peruntukan, oleh itu kementerian telah membuat uji pakai kepada kawasan-kawasan di Dewan Undangan Negeri tetapi ini hanya adalah pendekatan uji pakai. Dan di dalam syarat-syaratnya, syarat-syarat harapan kementerian ialah apabila Akta Belia yang insya-Allah diluluskan pada persidangan yang akan datang, kementerian berharap bahawa kelab-kelab sukan ini dapat didaftarkan secara terus kepada pendaftar belia yang akan diwujudkan. Ini adalah seperti dalam keadaan Kelab Sukan Komuniti di mana kelab-kelab sukan ini didaftarkan secara terus kepada

Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Itu sebab taklimat yang diberikan yang mana Yang Berhormat bagi Batu Gajah melihat sebagai satu pendekatan politik adalah tidak begitu tepat. Kita telah menjemput wakil-wakil rakyat dan kebanyakannya menghantar wakil-wakil mereka. Dan pada masa yang tersebut juga saya dimaklumkan pada 3 November adalah persidangan UMNO pada masa yang sama taklimat diberikan. Kemungkinan disebabkan bau politik kerana persidangan yang sama diadakan itu, mungkin itu interpretasi Yang Berhormat tetapi bagi kementerian, dalam menjalankan program ini, kementerian tidak pernah mendiskriminasikan belia yang berbau kepada mana-mana parti politik.

Kementerian Belia dan Sukan apabila menjalankan program, tidak pernah bertanya belia, adakah kamu ini parti politik Barisan Nasional ataupun tidak? Pendekatan kementerian dalam Program Rakan Muda sebagai contoh terbuka kepada semua belia di bawah umur 25 tahun. Begitu juga kementerian ingin menjawab tentang isu kematian dari Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Memang kementerian begitu sedih dan amat terperanjat kerana program yang dilaksanakan ini adalah program modul kesukarelawan Rakan Muda. Dan kementerian telah, saya sendiri telah berjumpa dengan Ketua Pengarah Jabatan Pertahanan Awam tiga hari yang lepas dan bertanya kepada beliau, dan beliau sendiri telah memohon maaf kerana beliau berkata bahawa selalunya perkara ini tidak akan berlaku kerana pegawai-pegawai di JPA adalah pakar dalam menyelamatkan terutama sekali kes-kes lemas. Walau bagaimanapun saya telah dimaklumkan akan diberikan satu laporan terperinci dan insya-Allah laporan ini Yang Berhormat bagi Batu Gajah minta itu akan diserahkan.

Dan sementara itu, kementerian telah mengarahkan supaya program ini diberhentikan seketika supaya siasatan dapat dilaksanakan. Kementerian ingin memaklumkan bahawa sebelum kes kematian ini, sebanyak 33 kali kursus yang sama telah diadakan di seluruh Malaysia dan tidak satu pun kes-kes yang menyebabkan kematian telah timbul ataupun berlaku. Jadi di sini kementerian merasa begitu dukacita bersama dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pula....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Boleh tak dengan sekali selepas habis?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia hendak bagi sekali Yang Berhormat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pula tentang isu belia India. Kementerian mengucapkan terima kasih memang tidak adanya diskriminasi. Berkenaan dengan isu hendak menjadikan Cameron Highlands sebagai *high altitude training center*, Yang Berhormat Cameron Highlands ada? Dah keluar dah tapi saya saja hendak maklumkan kepada beliau, setakat ini senarai kami tidak pernah adanya juara sukan daripada Cameron Highlands. Jadi bukannya itu sebabnya, sebenarnya apa yang berlaku ialah ukuran ini ialah ukuran yang teknikal. Oleh itu, kementerian tidak hanya pergi ke mana-mana tempat hanya kerana ia sejuk, itu bukan ukurannya. Ada ukurannya yang lebih kepada isu oksigen dan seterusnya. Jadi tidak apalah kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pun hendak jadi atlet Malaysia itu bolehlah kami menguji kecergasan Yang Berhormat yang duduk di Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Setuju kah Yang Berhormat akan membina *high altitude training*?

Datuk Azalina binti Othman Said: Kami tidak setuju kerana ini ukuran teknikal dan setakat ini tidak ada juara sukan daripada Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ada ramai.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tidak ada.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ramai yang mewakili Malaysia.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kita bincang masa minum tehlah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, ini bukan soal jawab macam itu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih. Kita boleh berbincang Yang Berhormat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Insya-Allah. Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pula berkenaan dengan isu kompleks Rakan Muda tentang isu peruntukan. Yang Berhormat menyebut tentang isu hawa dingin. Sebenarnya Yang Berhormat, tentang isu hawa dingin kelulusan skop pembinaan Rakan Muda melalui agensi pusat meletakkan taraf untuk pembinaan Rakan Muda dalam kelas ketiga iaitu utiliti.

Ini bererti bahawa kawasan utiliti ini tidak dibenarkan bagi dewan serba guna untuk dihiwa dinginkan. Jika ingin untuk dihiwa dinginkan perlu mendapat kelulusan agensi Pusat kerana melibatkan implikasi kewangan bagi utiliti dan penyelenggaraan.

Akan tetapi walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat hendak menggunakan pakai duit Ahli Parlimen yang diberikan sebagai Ahli Parlimen Kuala Pilah, Yang Berhormat boleh bincang dengan saya. Saya rasa *air-condition* taklah mahal sangat Yang Berhormat. Mungkin RM5,000 hingga RM10,000 satu. Peruntukan Yang Berhormat RM2 juta itu bolehlah digunakan untuk Rakan Muda Kuala Pilah.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh pula bercakap tentang Sidek Brothers badminton, bola sepak Mokhtar Dahari. Kemudian berkenaan dengan mereka ini. Sebenarnya saya telah banyak kali berkata, masalah kita, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun timbulkan tentang masalah bola sepak. Memang untuk menjawab kenapa mereka masa dengan Oman pun boleh masukkan gol sendiri? Menteri Belia dan Sukan pun tidak boleh jawab. Susah hendak jawab.

Jadi macam mana pun kementerian ingin mengatakan di sini bahawa untuk berlaku adil kepada atlet-atlet Malaysia kita adalah pada tahap *world class* dalam sukan-sukan yang tertentu iaitu badminton, boling, skuasy dan juga untuk renang *diving* dan juga *lonbowl*. Dan baru-baru ini kita menang skuasy kali kedua untuk antarabangsa *world cup* iaitu Nicol David. Kemudian pula Sazali *Mister Universe* tetapi kalau kita pun Yang Berhormat kadang-kadang kita tengok kata orang gajah depan mata tak nampak, kuman tepi laut kita nampak.

Jadi kita harus memberi sokongan kepada atlet-atlet kita dengan melihat kepada kejayaan yang telah kita capai. Kita tidak boleh berlaku adil kepada atlet dengan hanya melihat kepada kelemahan mereka. Memang semua orang minat bola sepak tetapi bola sepak inilah di mana kita cuba hendak menyelesaikan dengan meletak mereka di *forward base* kami di Brickendonbury dengan harapan mungkin inilah pendekatan yang terakhir. Kalau kita letak mereka di luar biar mereka campur dengan pemain yang lebih baik, meletakkan mereka untuk mendapatkan pengalaman mungkin inilah yang dapat memperbaharui pendekatan mereka.

Sebenarnya Yang Berhormat, kejayaan atlet-atlet kita di peringkat *world cup* dengan izin seperti Nicol David dan Sazali. Kalau kita berjumpa dengan mereka, mereka adalah individu yang agak berlainan. Sebenarnya mereka mempunyai *mental strength* dengan izin, iaitu kekuatan mental yang agak unik. Bukan saya kata pemain bola sepak tidak ada *mental strength* tetapi saya ucapkan terima kasih kepada Penasihat Hoki Malaysia Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak yang sendiri berkata bahawa antara kegagalan pasukan hoki baru-baru ini ialah kerana kelemahan kekuatan mental mereka.

Inilah sebenarnya yang kita hendak lihat iaitu pengakuan daripada persatuan tentang kelemahan persatuan mereka kerana pengakuan kepada kelemahan ini akan dapat membantu kementerian untuk membantu mereka. Kalau mana persatuan mereka masih dalam peringkat *denial stage* dengan izin, agak susah untuk kementerian membantu kerana bila kita bercakap, mereka kata mereka tidak ada masalah.

Walau bagaimanapun alhamdulillah, FAM telah bersetuju dengan kementerian untuk meletak di bawah umur 20 tahun pemain-pemain bola sepak mereka di Brickendonbury walaupun kita masih dalam perbincangan sejauh mana dan setakat mana dan kementerian berharap pendekatan ini mungkin insya-Allah dapat mewujudkan pendekatan baru kepada sukan bola sepak dalam negara kita.

Yang Berhormat bagi Sri Gading pula juga tegur tentang bola sepak. Sebenarnya Yang Berhormat, bola sepak pergi ke Asia Games ini di bawah kategori 'B' iaitu dia bayar sendiri tiket kapal terbang dan penginapannya. Bererti kerajaan tidak membayar untuk persatuan bola sepak menghadiri pertandingan di Sukan Asia. Kategori 'B' ini sebenarnya bererti kalau dia menang kita bayar balik. Kalau dia kalah, dia tanggung kos itu sendiri. Bola sepak dia memang tahu mungkin dia kalah pun dia hendak bayar sendiri. Kategori 'B' ini sebenarnya ialah kategori di mana kalau boleh kita tak galakkan mereka pergi tetapi disebabkan mereka mempunyai kebenaran daripada badan antarabangsa untuk pergi, mereka hendak menguji kebolehan mereka maka kerajaan pun membenarkan tapi dengan syarat mereka menanggung kos mereka sendiri.

Jadi berkenaan dengan Sukan FESPIC ini saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya kementerian menjanjikan mereka bayaran yang sama kepada atlet-atlet sukan Asian yang berjaya iaitu RM80,000 untuk pingat emas dan kementerian juga agak terperanjat sebab pada mulanya anggaran Sukan FESPIC hanya sepuluh emas sahaja tetapi setakat ini saya dimaklumkan kita telah mendapat 38 pingat emas setakat petang ini... [Tepuk]

Dan atlet kita adalah di dalam kategori nombor empat daripada negeri China, Jepun. Bagi kementerian ini satu kejayaan terutama sekali di mana kementerian telah mewujudkan bahagian orang kurang upaya di Majlis Sukan Negara dengan meletakkan bantuan sebanyak RM6 juta untuk memberi mereka bantuan kemahiran dan kepakaran sains sukan.

Ini menunjukkan bahawa pendekatan yang dilaksanakan oleh kementerian dapat memberi harapan kepada sukan dalam negara kita dengan syarat yang paling penting atlet itu sendiri mahu untuk berjaya. Jadi kementerian berharaplah atlet-atlet kita di Asia Games di Doha ini akan melakukan sebaik dengan melihat sahabat-sahabat mereka iaitu atlet kurang upaya di Malaysia untuk menunjukkan semangat Malaysia cemerlang, gemilang dan juga terbilang.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pula menimbulkan isu tentang Yang Berhormat pergi ke mahkamah dan melihat ramai belia terlibat dalam gejala-gejala yang tidak elok dan Yang Berhormat telah bertanya kepada belia tersebut adakah Kementerian Belia dan Sukan tidak memberi bantuan dan seterusnya.

Sebenarnya Yang Berhormat terima kasihlah untuk bercakap bagi pihak kementerian tetapi masalah di sini jumlah belia dalam negara kita adalah 11 juta. Dan baru-baru ini kementerian telah menjalankan satu indeks belia yang mana kajian telah dilaksanakan dan kita telah menemu bual belia-belia Malaysia dan kita dapati berkenaan kelakuan-kelakuan, gejala sosial belia Malaysia sebenarnya tidaklah begitu teruk sekali. Bererti bahawa belia Malaysia ialah dalam kategori yang begitu baik. Mereka tidaklah kata orang, semua belia Malaysia 11 juta ini terlibat dalam gejala sosial dan gejala jenayah.

Di sini bagi kementerian kita melihat bahawa persekitaran keluarga-keluarga, sekolah-sekolah menengah dan juga universiti telah menjalankan pendekatan yang baik di mana belia-belia kita yang lebih berjaya adalah lebih banyak daripada belia-belia yang tidak berjaya. Walau bagaimanapun, kementerian mengakui antara masalah yang dihadapi ialah kementerian jarang mewujudkan sistem komunikasi yang lebih terang dengan generasi belia. Tidak adanya satu sistem di mana belia-belia tahu di mana mereka boleh menghubungi aktiviti-aktiviti kementerian. Itulah sebabnya kementerian bersetuju perlunya satu kalendar program diwujudkan seperti kios di bandar-bandar, di stesen-stesen bas. Perlunya kita memakai sistem-sistem di akhbar, sistem-sistem di media televisyen, media radio supaya kita dapat memaklumkan kepada belia-belia kita tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kementerian.

Itu sebabnya dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian telah melihat perlunya diwujudkan A&P dengan izin, *advertising and promotion* kepada program-program. Dan kalau kita lihat kementerian-kementerian yang lain baru-baru ini, banyak kementerian kerajaan juga telah menggunakan media-media cetak dan media elektronik untuk memaklumkan program-program yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan.

Berkenaan dengan stadium basikal di Ipoh sebenarnya saya tidak pernah pergi ke stadium basikal untuk membuat siasatan. Memang dua tahun lepas kes ini telah ditimbulkan. Disebabkan stadium ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri maka kerajaan negeri telah berbincang untuk menaikkan taraf. Kementerian hanya dapat membantu mana-mana permohonan kalau dibuat oleh persatuan-persatuan sukan antarabangsa. Itu sebabnya dalam aspek ini insya-Allah saya akan mengkaji semula. Saya tidak dapat memberi jawapan sekarang kepada status stadium basikal di Ipoh tersebut.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam pula berkata tentang radio khas belia. Saya pun ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat peka. Kenapa berhenti di radio? Kenapa tak hendak cadang televisyen belia sekali?

Akan tetapi bagi saya Yang Berhormat, kalau kita kaji semua program di televisyen dan radio kita banyak berfokus kepada belia dan kalau kita lihat sekalipun pengacara-pengacara televisyen dan bentuk-bentuk program banyak dilaksanakan oleh orang muda. Jadi ini sebenarnya, dalam bahasa Orang Putih, *double agent*. Sebab kadang-kadang ikon-ikon yang berjaya dalam dunia orang hiburan ini pun orang muda yang menggalakkan seolah-olah orang muda hanya suka kepada keseronokan. Jadi sebenarnya saya hendak mengulangi kenyataan di atas kementerian menyedari bahawa perlu kita memberikan satu maklumat-maklumat yang positif tentang belia.

Kita tidak boleh membenarkan golongan-golongan tertentu hanya menggambarkan kepada jenis-jenis belia yang berjaya. Itulah sebabnya kementerian memang bersetuju antara alat komunikasi yang paling rapat dengan generasi belia ialah sistem komunikasi radio dan sistem komunikasi telefon. Itu sebabnya kementerian sedang mengkaji untuk menghubungi dengan belia melaksanakan program melalui sistem telefon *handset* kerana kementerian menyedari untuk mendekati dengan belia, perlulah kita berkomunikasi dengan cara belia berkomunikasi.

Yang Berhormat bagi Kuala Langat pula menimbulkan isu tentang IKBN. Yang Berhormat bagi Kuala Langat adalah sebenarnya KPN iaitu Ketua Pengakap Negara. Ini menunjukkan kejayaan badan-badan beruniform dalam negara kita di mana kementerian membantu mereka di dalam aktiviti dan aktiviti program mereka. Berkenaan dengan tekwando, memang soalan isu tekwando ditimbulkan. Memang saya telah menjawab bahawa insya-Allah tekwando dapat mewakili negara di Sukan Asia tetapi sebenarnya selepas kita menulis kepada Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Olimpik Malaysia telah menolak cadangan yang dibuat oleh Majlis Sukan Negara untuk memasukkan tekwando di bawah kategori meminjam payung OCM. Ini kerana persatuan tekwando ini diharamkan dan adanya kes mahkamah. Perkara ini telah berjaya dilaksanakan semasa Sukan SEA di mana Majlis Olimpik Malaysia telah membantu untuk menjadikan payung kepada kemasukan sukan tekwando dalam Sukan SEA.

Akan tetapi dalam Sukan Asia ini, Majlis Olimpik Malaysia tidak bersetuju kepada kemasukan tekwando atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu sukan tekwando dari Malaysia tidak dapat diwakilkan dan setelah saya nyatakan selagi kes ini tidak dapat diselesaikan di mahkamah ataupun di luar mahkamah, perwakilan sukan tekwando dalam sukan-sukan antarabangsa memang akan digugat dan akan terancam. Walau bagaimanapun dalam aspek pembangunan sukan tekwando di peringkat akar umbi, sukan tekwando ini masih aktif dan masih berleluasa. Sukan tekwando juga saya dimaklumkan pada hari ini mempunyai banyak payung antarabangsa mereka.

Berkenaan dengan sukan baru iaitu sukan *Monsoon Cup*, kementerian telah memberikan bantuan sebanyak RM3.5 juta dan kementerian berharap sukan *Monsoon Cup* ini akan membantu pendekatan kementerian kepada sukan *tourism* insya-Allah, pada tahun depan dalam Tahun Melawat Malaysia 2007 iaitu 50 tahun Malaysia diwujudkan dengan berapa aktiviti-aktiviti sukan pelancongan. Dan kejayaan sukan *Monsoon Cup* ini ialah kejayaan bukan sahaja dalam aspek Kementerian Belia dan Sukan tetapi sebenarnya adalah kejayaan dalam industri sukan bukan sahaja dalam industri atlet tetapi juga industri mereka yang melaksana, mewujudkan alatan-alatan sukan dan mereka yang mewujudkan sukan-sukan pelancongan dan seterusnya. Oleh itu *Monsoon Cup* dilihat sebagai satu program yang memang membawa lebih banyak kebaikan terutama sekali kepada aspek pelancongan dalam negara kita.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi Ketereh telah menimbulkan isu berkenaan dengan IKBN. Sebenarnya kementerian menyedari bahawa masalah besar bagi pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih yang hendak memasuki IKBN ialah permohonan 25,000 setahun. Walaupun tempat pelajar-pelajar yang mampu diterima oleh IKBN adalah sebanyak 5000 orang setahun. Itu sebabnya kementerian telah memohon untuk diberikan kebenaran daripada Unit Perancang Ekonomi supaya belia-belia kita dapat diberikan ilmu kemahiran di luar kampus IKBN sendiri. Ini dipanggil dalam bahasa Inggeris, *buying out places*. Kementerian berharap pihak EPU telah bersetuju tetapi tidak pada jumlah yang besar. Kementerian berharap pada tahun 2007, Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab kepada EPU telah memaklumkan kepada saya bahawa mereka insya-Allah hendak mengkaji supaya dapat memperbesarkan lagi jumlah pelatih-pelatih kita supaya mereka dapat menambah ilmu kemahiran mereka di luar daripada Institut Kemahiran Belia Negara sebagai pelajar-pelajar di dalam institut. Saya mempersilakan soalan-soalan tambahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai *forward base* sebagai kegunaan pusat di *Brickendonbury High Performance Training Sports Complex* yang bererti bahawa hasrat kerajaan ialah untuk meneruskan idea-idea ini mengadakan satu *High Performance Training Sports Complex* di Brickendonbury di *TARR Centre*. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun ubahsuai atau *renovation* dalaman boleh dibuat tetapi perlu kelulusan kerajaan atau pihak yang berkuasa tempatan. Dan sampai sekarang mereka tidak pernah mendapat apa-apa hubungan daripada pihak di sini mengenai cadangan-cadangan rancangan ini.

Yang kedua, sungguhpun Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa anggaran kos bukan RM490 juta, kenapa sampai sekarang beliau enggan atau sangat *shy* untuk memberi satu angka. Tentu ada angka disebut dalam perbincangan Jawatankuasa Kabinet Sukan. Kenapa sampai sekarang tidak rela, tidak berani dan tidak ingat untuk sebut apa angka yang dibincangkan mengenai kos projek ini di Brickendonbury, London.

Datuk Azalina binti Othman Said: Sebenarnya berkenaan dengan perlu kelulusan itu, memang perlu kelulusan. Bagi kementerian, setelah kita mendapat keperluan daripada persatuan-persatuan sebanyak mana perlunya kegunaan, maka kelulusan akan dipohon. Jadi jawapannya memang kementerian akan menggunakan Brickendonbury sebagai *forward base*. Berkenaan dengan enggan memberi satu angka, sebenarnya kementerian tidak berasa takut untuk memberi satu angka tetapi angka tidak dapat diberi kerana masih dalam proses penilaian. Dan insya-Allah kementerian berharap selepas Sukan Asia, setelah dapat dibincangkan dengan persatuan-persatuan berkenaan dapatlah kemungkinan pada fasa pertama dimaklumkan kepada semua Ahli Parlimen tentang angka kepada penggunaan fasa pertama *forward base* di Brickendonbury ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Peruntukan pembangunan untuk Majlis Sukan Negeri Kelantan. Saya sebut tadi, tetapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

Datuk Azalina binti Othman Said: Minta maaf Yang Berhormat, saya lupa. Sebenarnya walaupun diletakkan RM2 juta, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa membantu Majlis Sukan Negeri Kelantan melalui persatuan-persatuan sukan yang ada di sana. Baru-baru ini, saya telah dihubungi oleh KAFA untuk memberi bantuan kepada Persatuan Bola Sepak Kelantan dan juga kita telah mengkaji permohonan secara selektif jumlah wang yang dimaklumkan di dalam senarai ini bukan *one-off*. Keduanya berkenaan dengan Kelantan, kementerian menyedari kehebatan Kelantan ialah sukan angkat berat kerana orang Kelantan ini tidak tahulah, mungkin dia makan budu kah tetapi sebenarnya kelebihan orang Kelantan ini, saya dimaklumkan ialah..., katanya saya tidak tahu, saya tidak pernah uji. Katanya, lengan dia pendek. Kalau lengan dia pendek, dia *snatch and jerk* dia boleh. Kalau lengan panjang tidak boleh. Jadi mungkin Yang Berhormat lengan pendek atau lengan panjang saya tidak ukur tetapi kementerian menyedari kelebihan di Kelantan itu sukan angkat berat dan saya telah mengarahkan untuk mengkaji dan untuk menggalakkan....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh ukur selepas ini.

Datuk Azalina binti Othman Said: ...Lengan sahaja ukur. Sebenarnya Yang Berhormat, kementerian melihat kejayaan di Sukan Malaysia ialah atlet wanita daripada Kelantan adalah dalam sukan angkat berat. Jadi kementerian melihat potensi kita untuk menang medal Olimpik di Beijing ini ialah sukan angkat berat wanita. Jadi insya-Allah, Kelantan dilihat sebagai *focus point*, dengan izin, kepada sukan angkat berat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin Yang Berhormat Menteri silap faham berkenaan apa yang saya bangkitkan berkenaan Kelab Rakan Muda Wawasan Desa.

Saya bukan kata kementerian diskriminasi di dalam pengambilan belia untuk memasuki kelab ini. Yang saya bangkitkan ialah yang menjadi penaung dan penasihat. Kalau kementerian mempunyai niat yang baik, saya ada surat ini daripada pihak menteri yang ditandatangani Yang Berhormat Menteri bertarikh 3 November. Taklimat diadakan pada 13 November yang mengatakan bahawa ini adalah uji bakat permulaan bagi Kelab Rakan Muda Wawasan Desa.

Tetapi persoalannya ialah pelaksanaannya. Di sini ada draf undang-undang bagi melaksanakan Kelab Rakan Muda Wawasan Desa ini yang dibahagikan kepada kategori 'A' dan kategori 'B'. Kalau kawasan itu Barisan Nasional, Ahli Parlimen setempat itu akan menjadi penaung dan DUN setempat akan menjadi penasihat tetapi kalau itu kawasan pembangkang, saya dimaklumkan oleh ADUN kawasan Lobak, DAP dia kata, kalau itu kawasan pembangkang menurut pemberi taklimat itu kalau itu kawasan pembangkang, Kelab Rakan Muda Wawasan Desa di kawasan DUN tersebut ia akan di bawah Ketua UMNO Bahagian dan penaungnya adalah pegawai daerah.

Yang saya bangkitkan ialah aspek ini, elemen politik dalam aspek ini. Kalau ini hanya satu uji bakat permulaan saya merasa ini sangat bahaya. Ini jelas motifnya bukan perpaduan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tetapi lebih kepada elemen politik. Apa salahnya kalau kawasan itu kawasan saya, ADUN itu adalah pembangkang, biarkan pembangkang untuk menjadi penasihat sebab mereka lebih mendekati belia di kawasan tersebut.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tanya sudahlah. Apa berucap pula!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Ketereh, kalau Yang Berhormat Menteri membenarkan saya memperjelaskan apa yang saya katakan, apa Yang Berhormat bagi Ketereh sakit hati. Nanti pergi sukat lenganlah!

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Menteri, kita orang muda. Biar kita sama-sama memupuk perpaduan di kalangan belia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta jawapanlah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya haraplah, draf ini perbetulkan pelaksanaannya. Itu saja saya mohon penjelasan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sebenarnya apa Yang Berhormat bercakap ini ialah tentang draf. Sebenarnya saya sudah bercakap, mungkin Yang Berhormat pun tidak begitu dengar. Saya kata, yang kita hendak wujudkan ialah kelab yang akan didaftarkan di bawah Pendaftar Belia yang memang tidak wujud lagi disebabkan oleh Akta Belia belum diluluskan. Saya dimaklumkan bahawa Akta Belia mungkin diluluskan pada bacaan yang pertama tahun ini, dan bacaan kedua atau ketiga tahun hadapan. Ini bererti bahawa itu adalah satu draf untuk memberikan maklumat kerana masalah sekarang ialah di mana dan bagaimanakah perlu bagi pihak kementerian dalam menjalankan program ini sebagai satu ujian, dengan izin, *prototype* untuk menghubungi mana-mana pihak.

Saya dimaklumkan kita menjemput ADUN kerana mereka adalah wakil yang bertauliah. Saya juga dimaklumkan dalam program ini, apa yang lebih penting ialah penaung-penaungnya sendiri disebut sebagai wakil daripada kerajaan iaitu daripada pegawai belia dan sukan daerah. Ini bererti bahawa memang kerajaan yang sebenarnya memantau.

Keduanya, yang memasuki Program Kelab Rakan Muda Wawasan Desa ini yang sangat penting ialah belia itu sendiri. Saya rasa Yang Berhormat tidak boleh terlampau sensitif sama ada dia orang Barisan Nasional atau tidak sebab yang penting ialah belia tidak di diskriminasi oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Kalaulah kementerian berkata semua anak UMNO boleh masuk, anak MIC sahaja boleh masuk, barulah Yang Berhormat boleh marah. Sebab kita hendak wujudkan kelab, kita hendak wujudkan mereka yang boleh berhubung, kalau tidak pergi mesyuarat nanti macam Yang Berhormat, hendak ajak bergaduh sahaja. Macam mana hendak buat program. Nanti belia tengok takkan pemimpin politik bergaduh dengan pegawai kerajaan.

Di sini kita hendak mewujudkan budaya yang berhemah. Insya-Allah, bagi pihak kementerian, jaminan kementerian tidak ada diskriminasi. Itu yang saya rasa lebih penting supaya mewujudkan belia Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mohon penjelasan. Saya rasa Yang Berhormat tidak baiklah bercakap kalau kami pemimpin wakil rakyat bagi kawasan dari pembangkang adalah untuk mencari gaduh. Itulah masalah generasi tidak boleh maju ke depan bersama-sama. Mereka ada pemecahan di kalangan mereka seperti di universiti. Kalau sebagai pemimpin belia Yang Berhormat Menteri sudah ada satu *mindset* tidak boleh menerima perbezaan ideologi politik, saya rasa sangat bahaya.

Saya harapkan Yang Berhormat tarik balik apa yang dinyatakan tadi. Kami pemimpin muda bersama-sama untuk pembangunan generasi muda.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih. Saya ada menyebut mengenai isu negara dan nama baik negara ini, olahraga kita yang memang cemerlang di mata dunia dalam bidang badminton. Saya kata, keluarga Hafiz, Roslin ini sebenarnya saya nampak begitu terserlah. Saya bertanya tentang apakah kawalan ataupun insentif kepada mereka ini untuk meneruskan kecemerlangan mereka.

Saya ambil contoh umpamanya kecemerlangan mereka kepada adik-beradiknya di peringkat sekolah rendah sendiri yang menjadi Johan MSSM dalam perseorangan dan beregu. Ini kelab yang menaunginya di Kelantan, Kelab Suara Muda pun tutup. Jadi apakah agenda kementerian untuk membantu atlet seperti ini? Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Sebenarnya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kementerian baru-baru ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet hendak mewujudkan di bawah Majlis Sukan Negara, Yayasan Kebajikan Atlet kerana kementerian menyedari antara masalah di mana ramai atlet yang mungkin hebat di segi sukan mereka tiba-tiba tidak mahu meneruskan kerjaya sukan disebabkan mereka tidak ada keyakinan kepada sukan sebagai satu kerjaya. Oleh itu Jawatankuasa Kabinet telah bersetuju dengan diwujudkan yayasan supaya kita dapat melihat secara menyeluruh isu-isu yang dihadapi ataupun sentiasa dihadapi oleh atlet.

Keduanya, semasa mana-mana yang masih menjadi atlet kementerian mempunyai bahagian kaunseling kepada semua atlet kita supaya mereka dapat dibantu apabila mereka mahu menjadi atlet mereka yakin kepada kehendak mereka.

Walau bagaimanapun, dalam aspek atlet-atlet yang sedang membangun dalam aspek pembangunan, kementerian memang bekerjasama rapat dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan supaya atlet-atlet ini dimasukkan ke sekolah-sekolah khas di mana-mana sekolah yang ada dan saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi juga memberikan beberapa dengan izin, *scholarship* kepada atlet-atlet yang berjaya di universiti-universiti tempatan dan juga Kementerian Belia dan Sukan.

Saya ingin menekankan di sini bahawa kerajaan tidak mengabaikan mereka. Dengan wujudnya yayasan ini, kementerian berharap atlet-atlet ini dapat dibentuk kepada hala tuju yang betul. Berkenaan dengan atlet-atlet yang tidak mempunyai pendidikan, kementerian menyedari antara masalah ialah kita tidak boleh terlampau fokus hanya kepada 100% sukan. Atlet-atlet harus juga dibuka minda mereka kepada pendidikan secara formal ataupun tidak formal.

Walau bagaimanapun kementerian berharap selepas Sukan Asia ini pada bulan dua belas akan dikaji semula pendekatan kementerian sama ada dalam aspek jurulatih ataupun atlet supaya kita dapat memperketat lagi hala tuju atlet-atlet muda kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong yang akhir. Cukup. Yang Berhormat bagi Kepong.

4.56 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita memang menghargai kecemerlangan sesetengah atlet kita termasuk *squash*, badminton dan sebagainya. Yang Berhormat, kita tidak boleh menang tiap-tiap kali. Asalkan kita berusaha termasuk dalam badminton. Kalau badminton kita berbanding dengan negara China, *backup* kita tidak cukup. Ada Hafiz, Lee Chong Wei dan sebagainya tapi *backup* itu tidak cukup.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan bilion atau tidak bilion. India itu pun satu bilion juga. Kita hanya menumpukan perhatian kepada atlet kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tanya soalanlah. Minta penjelasan. Yang Berhormat hendak berceramah lagi sekali?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata kita tidak menghargai. Kita memang menghargai apa yang cemerlang. Cuma kita hendakkan usaha sahaja. Yang penting sekali tadi, tidak jawab soalan saya. Sukan Pasifik memang kita alu-alukan, tetapi kalau dibandingkan dengan Sukan Komanwel ataupun ASEAN Games memang kecil. Tidaklah begitu besar. Lain kali kita hendak menganjurkan Olimpik pula. Kalau boleh!

Akan tetapi, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini berapakah perbelanjaan untuk Sukan Komanwel ini dan adakah had masa untuk menyelesaikan masalah? Takkan orang di luar tidak tahu. Dia tahu juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini yang pertama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Belum habis lagi. Ada lagi itu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Slow*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mana ada *slow*. Kalau ada gangguan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh macam mana tidak *slow*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Bagi menteri jawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Sila duduk... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ringkaskanlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak ringkaskan tapi dia kacau. Celah situ, celah sini, macam mana? Tidak boleh teruskanlah itu.

Yang Berhormat, mengenai kedinamikan stadium kita ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bawa isu baru. Yang Berhormat, tidak bolehlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan isu baru, isu lama tetapi Yang Berhormat tidak..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta menteri memberi penjelasan yang belum jelas tadilah. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Belum jelas. Memang tidak jelas kerana Yang Berhormat tidak faham apa yang dimaksudkan dengan kedinamikan stadium. Saya berharap kementerian dapat mengkaji apakah maksud saya. Kita ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak cukup. Kerana kita berbelanja berjuta-juta ringgit untuk stadium kita. Kita mestilah menjadikan stadium kita..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat Menteri tidak bangun menjawab, dia masih berdiri. Sila.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, rancangan untuk menjadikan pengurusan stadium lebih dinamik sebenarnya kementerian melihat perlu dianjurkan konvensyen pengurusan dan penyelenggaraan stadium bagi meningkatkan budaya penyelenggaraan dan di sini kita sudah ada dalam Dewan kita yang Pengerusi Stadium Nasional kita dan kementerian memang mengakui bahawa perlunya satu konsep penyelenggaraan yang lebih dinamik dan insya-Allah dengan pengerusi yang baru dan bantuan daripada pengerusi yang lama kita dapat mendinamikkan kegunaan stadium.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong, syok.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kedua berkenaan, isu Sukan Komanwel. Sebenarnya hak untuk menjadi tuan rumah bagi menganjur kejohanan antarabangsa seperti Sukan Komanwel, Asia ataupun Olimpik adalah ditentukan oleh undian perwakilan Majlis Olimpik Negara masing-masing. Ia juga bergantung kepada kedudukan geografi giliran dan sokongan negara-negara serantau. Malaysia telah berjaya menganjurkan Sukan Komanwel dan pada hari Malaysia pula berjaya atau insya-Allah pada Jumaat esok berjaya menganjurkan Sukan Pasifik.

Saya melihat bahawa kenyataan Yang Berhormat bahawa Sukan Pasifik ini agak kecil, tidak begitu besar adalah satu kenyataan yang tidak patut kerana sukan orang kurang upaya ini walaupun kita lihat sebagai sukan orang kurang upaya, tetapi kehadiran atlet 3000 orang campur dengan kemasukan daripada wakil-wakil persatuan, *officials* lebih kurang 5000 orang. Bagi saya ini adalah satu sukan yang memang dapat menaikkan nama dan taraf Malaysia sebagai negara yang begitu peka kepada golongan yang kurang upaya.

Jadi, tentang isu had masa sukan ataupun akaun dalam Sukan Komanwel, saya melihat ini adalah sesuatu isu had masa ini tidak menjadi isu kerana kes berada di mahkamah. Ini luar daripada bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan sebagai satu wakil kerajaan, dan insya-Allah kementerian melihat bahawa kes akaun SUKOM ini dapat diselesaikan. Kementerian berharap kepada semua pihak bahawa dalam aspek penyelesaian ini perlulah kita lihat kata orang reputasi negara itu menjadi satu keutamaan dan saya percaya dan saya telah dimaklumkan bahawa semua pihak sedang berbincang dan insya-Allah akan dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM422,462,200 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM422,462,200 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM298,495,300 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM298,495,300 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.46 [Jadual] -
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

5.03 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Kementerian Sumber Manusia adalah satu kementerian yang sangat mustahak. Tuan Pengerusi, saya mula dengan Butiran 01600 - Dasar Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini satu kes yang nyata telah dikatakan di mana jikalau pun sesuatu pihak menang di Mahkamah Perusahaan, akan tetapi oleh kerana syarikat itu mufis selepas itu, pekerja itu walaupun telah menang kes di Mahkamah Perusahaan tetapi dia tidak dapat memperoleh wang tersebut. Yang dikatakan di kes 'Glasspack Malaysia Sdn. Bhd' *against* Azman bin Ujang.

Kes tersebut Pengerusi Mahkamah Perusahaan telah mengatakan dengan izin Tuan Pengerusi saya baca apa yang dikatakan oleh beliau berkaitan dengan Parlimen dia berkata dengan izin, *"He therefore suggested the legislature should seriously consider providing educate protection to these workers. According to the learned chairman in the event, the company goes in the liquidation, the monitory award of the court should be made payable in priority over other secured and unsecured creditors. He urges the legislature to amend the enacting law with the view of incorporating the above suggestion. It is in the view of the court that Parliament should address the plight of those workers who has faithfully served the employers for years but unable to recover from the insolvent employers theirs entitlement as awarded by the Industry Court"*.

Tuan Pengerusi, ini adalah tu perkara yang sangat mustahak. Saya pohon agar satu penelitian dibuat oleh kementerian dan perkara ini bukan satu perkara yang baru tetapi yang diketahui banyak lama oleh kementerian tetapi tidak ada apa-apa undang-undang di bawah atau perundangan yang baru di bawa supaya mengetatkan lagi supaya kita boleh proaktif kepada pekerja. Jangan seseorang yang disingkir dibuang kerja oleh majikan selepas itu majikan mencari beberapa tipu helah untuk memufiskan sesuatu syarikat supaya *end of the day* mengelakkan pekerja mendapat rezeki atau rezeki yang beliau telah elak untuk mendapat.

Selain itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin bawa perkara mengenai Butiran - 04300 iaitu NTS Arumugam Pillai. Tuan Pengerusi, lebih RM200 juta diagihkan dalam tempoh masa ini, tetapi yang mustahak adalah apakah yang telah Aku Janji yang diberi oleh kerajaan terutamanya Kementerian Sumber Manusia pada tahun 1999 di mana, di antaranya oleh kerana tanah di mana satu institusi ini di bina adalah tanah kepunyaan warisan masyarakat India.

Semasa dia diperolehi oleh kerajaan, kerajaan telah memberi Akujanji di antaranya:

- (i) *The majority* pelajar-pelajar yang akan diambil di institusi ini adalah dari masyarakat India; dan
- (ii) pensyarah-pensyarah yang bekerja di sana adalah dari masyarakat India kelebihannya.

Akan tetapi, saya difahamkan ini belum dicapai. Apakah sebab walaupun kerajaan ada matlamat yang tertentu pada masa ia dijanjikan kepada masyarakat India di negara ini. Kenapa perjanjian ini tidak lagi ditunaikan walhal ada masyarakat India yang sudi untuk mengikuti pelajaran tinggi dan Diploma di Institut NTS Arumugam Pillai dan juga ada pensyarah-pensyarah yang layak. Akan tetapi lebih dari 60 pensyarah-pensyarah hanya satu sahaja daripada masyarakat India ini. Saya harap kerajaan akan mengambil satu pendirian mengambil tahu bahawa masyarakat India ini sangat terpinggir dan masa sudah tiba supaya mereka diberi keutamaan kerana ini adalah satu harta pusaka masyarakat India di mana diambil alih diberi Akujanji di Parlimen sendiri dan kenapa Akujanji ini telah dipinggirkan tidak lagi diikuti.

Tuan Pengerusi, Butiran - 0700000, Tuan Pengerusi iaitu Dasar Baru. Tuan Pengerusi, walaupun Kerajaan Malaysia telah mengadakan lebih dari tiga perbincangan dengan Amerika Syarikat mengenai FDA, terma-terma, *province* semua sudah dibincang, akan tetapi dengan izin, *the main state group* dalam negara ini yang akan terlibat dengan FDA ini tidak dirundingkan langsung.

Kenapa Kementerian Sumber Manusia tidak memanggil Kongres sekerja untuk mendapat pendapat mereka, untuk mendapat tahu apakah pendirian mereka, untuk mengambil tahu supaya apabila mereka berunding dengan Amerika Syarikat, pihak-pihak dari Amerika Syarikat berkaitan dengan sumber manusia, perkara-perkara, *intake, input* ini boleh diguna pakai.

Saya difahamkan Tuan Pengerusi, baru-baru ini sebulan dahulu satu delegasi dari Amerika telah datang untuk berbincang dengan FDA, saya hairan saya tiba-tiba mendapat satu panggilan dari *American Embassy* mengatakan ada satu delegasi ini akhir hari esok pukul dua dia akan balik, bolehkah kamu jumpa dengan dia. Apabila saya berjumpa saya hairan di antara banyak perkara yang dibincang, satu di antaranya adalah kekhuatiran Kongres Pekerja adalah apabila kita bersetuju dengan FDA dengan Amerika, satu di antara perkara yang mesti akan jadi adalah kehilangan pekerjaan di negara ini.

Dengan izin *this is the bottom line*. Ini tidak boleh dikompromi, jadi dalam keadaan ini macam mana Kementerian Sumber Manusia mengadakan perbincangan berkali-kali dengan pegawai-pegawai kementerian dari Amerika Syarikat di mana saya difahamkan, bila-bila mereka datang mereka telah pohon, mereka telah menanya pujuk kepada kementerian supaya berbincang sesama dengan Kongress Pekerja akan tetapi mereka diketepikan.

Macam mana kita boleh ada satu reformasi dalam sistem pekerjaan dan sumber manusia dalam Malaysia ini jika kita tidak sekurang-kurangnya *the benchmark, the minimum* secara minimum itu kita dapat dan apakah pandangan kesatuan pekerja. Kenapa mereka ada, adakah mereka ada bantahan tertentu, Tuan Pengerusi saya telah berbincang beberapa kali dengan *committee*, kesatuan pekerja dan mereka ada memberitahu saya, beberapa mereka senaraikan beberapa bantahan-bantahan yang tertentu di mana mereka ketahui bahawa adakah rancangan oleh kerajaan supaya mengkompromikan pekerja-pekerja di negara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dan saya rasa, ini adalah satu perkara yang mustahak kerana sebelum itu MITI, berkaitan Tuan Pengerusi, di mana telah mengadakan kerajaan Malaysia rakyat Malaysia terkejut bila tiba-tiba beritahu kita telah ada FTA dengan Jepun. Walhal perkara ini tidak dibincang dan tidak mendapat input dari mana-mana dari negara ini. Ini perkara yang mustahak yang saya berpendapat bahawa jangan kita berkompromi pekerja-pekerja di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya berakhir yang saya ingin berkata ialah SOCSO. Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang mustahak dan ini terlibat dengan lebih kurang 10 juta pekerja, apa sebab SOCSO dilancarkan dan diadakan. Tuan Pengerusi, untuk apa? Untuk menolong pekerja-pekerja yang terlibat dengan kemalangan memberi manfaat-manfaat yang tertentu, LIAT, pampasan dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, adakah Tuan Pengerusi tahu, adakah Dewan ini tahu kerap kali mereka mendapat pampasan yang tertentu, *award* yang dibuat, rayuan dibuat, Tuan Pengerusi, saya bukan kata jangan buat rayuan, di mahkamah buatlah rayuan tetapi kepada pekerja-pekerja yang terlibat, mereka tidak ada wang untuk ambil peguam, mereka tidak tahu hak mereka. Tuan Pengerusi, saya kerap kali walaupun saya datang ke Kuala Lumpur, kerap kali saya jumpa ramai diantaranya mereka terpaksa menerima pampasan kerana mereka diberitahu amaran kalau kamu tidak terima pampasan yang diberi dan sedia ada, kami akan merayu. Rayu ke mahkamah tinggi, *you ambil lawyer you tahu berapa?* Kerap kali ini terjadi. Jadi apakah hajat, *what is rational and what is the principle* dengan izin, SOCSO ini, iaitu untuk menolong masyarakat tertentu, masyarakat yang tidak keupayaan dan masyarakat yang terpinggir dan dalam keadaan ini Tuan Pengerusi. SOCSO ada *in house doctor*, macam *the whole idea* Tuan Pengerusi adalah macam, dia satu syarikat insurans. Dia macam seberapa yang boleh dia hendak *save the money for some other motive*.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah kesalahan yang terbesar dan kewajipan mereka apakah mereka ditubuhkan ini semua telah terlupa. Saya rasa di antaranya perlu kelonggaran.

Saya bukan kata jangan kompromi dan saya setuju bahawa kita tidak boleh membayar sesuka hati tetapi apabila pengerusi dan apabila hakim membuat satu keputusan, jangan merayu seandai dengan sengaja hendak merayu supaya dengan cara merayu itu, itu tidak membolehkan pekerja-pekerja mendapat pampasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, ini *last!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya, cukuplah Yang Berhormat, pendek sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya hendak cakap berkaitan dengan ini, graduan-graduan dalam negara ini. Kenapa tiap-tiap tahun kita ada lebih graduan yang

Mengganggu, '*the mismatch*' ini kerap kali kita berkata apakah fungsi kementerian supaya untuk mengatasi masalah ini. Walaupun kerajaan kerap kali mengatakan kita ada *unemployment sector* sebanyak hanya 4.5 peratus atau kurang. Sebenarnya di luar negara, di negara-negara Barat apabila dikatakan empat peratus, itu adalah bermakna *full employment* bermakna semua pihak-pihak yang tidak ada kerja akan dibayar tiap-tiap minggu. Tidak akan dibayar gaji dan elaun kenapa kerajaan Malaysia tidak dapat menaikkannya walaupun kita sudah datang ke satu tempat dan satu situasi di mana *full employment*. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak, di mana patut dikaji terima kasih dan ambil tindakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Serdang.

5.12 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 010400 Pengurusan Sumber Manusia. Saya minta kementerian untuk memberi pengesahan sama ada pihak Jemaah Menteri telah memberi arahan kepada kementerian untuk mengenal pasti dan mengkaji kaedah yang boleh digunakan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing dalam pelbagai sektor.

Keputusan ini penting untuk mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin untuk mencari pekerjaan di negara kita ini. Ini menjadikan satu masalah besar kepada masyarakat kita maka itu sama ada Kabinet telah berbuat demikian, kalau ada, ada tindakan daripada kementerian telah diambil untuk mencari kaedah untuk mengurangkan bilangan pekerja-pekerja asing kepada pelbagai sektor ini. Tindakan macam mana yang diambil supaya menyahut tindakan keputusan yang dibuat oleh kerajaan supaya masalah sosial ini dapat diatasi untuk memberi perancangan dan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga pekerja yang mahir untuk menggantikan pekerja asing di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya pun minta satu penjelasan daripada pihak kementerian apa sebab, belia atau beliawanis di negara kita begitu ramai tidak minat untuk menyertai dengan pelbagai sektor? Adakah pihak kementerian telah mengkaji masalah ini, apa sebabnya mereka tidak akan berbuat demikian dan hanya biarkan negara kita bergantung kepada pekerja asing. Ini satu masalah yang sedang dipersoalkan oleh masyarakat kita. Di manakah belia dan beliawanis kita kini, pergi ke mana? Beratus ribu telah keluar daripada bangku sekolah, mereka pergi mana? Apa fasal tidak menceburi pelbagai sektor di dalam negara kita ini? Jadi saya terpaksa mintalah sama ada kementerian telah mengkaji masalah ini sebab apakah remaja kita tidak minat untuk kerja di pelbagai sektor kita ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi Butiran 03100, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, masyarakat telah menyedari bahawa perhubungan antara pihak kementerian dengan pihak persatuan pekerja, tidak berapa rapat dan mesra dan juga ada bantahan dan tunjuk perasaan oleh ahli-ahli persatuan MTUC di hadapan kementerian di mana dikatakan pihak kementerian tidak melayan tuntutan-tuntutan atau masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja di negara kita ini. Apa sebab ia berlaku demikian? Hubungan antara pihak kementerian dengan persatuan pekerja tidak rapat dan tidak mesra untuk menjamin keselamatan, kestabilan negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat. Ya habiskan Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Satu lagi Tuan Pengerusi, butiran 070800 Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Terdapat banyak kes yang berlaku di atas tapak pembinaan kerana kecuaiannya pihak berkenaan tidak memberi satu keselamatan di dalam tapak pembinaan, adakah pihak kementerian telah menghantar pegawainya untuk menyiasat ke atas tapak-tapak pembinaan yang sedang dijalankan untuk menjamin keselamatan pekerja dan juga untuk mengelakkan kemalangan berlaku di dalam tapak pembinaan ini. Jadi ini adalah satu masalah yang di bawah tanggungjawab pihak kementerian untuk kes-kes ini sentiasa berlaku di dalam dan disiarkan sehingga kejadian berlaku baru sampai untuk memberi siasatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Ini mungkin lambat terhadap mereka tentang kes ini, saya berharap mintalah penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Butiran 010000 - Pengurusan Kementerian, Butiran 020000 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia.

Tuan Pengerusi, hari ini kita diminta untuk meluluskan peruntukan bagi Kementerian Sumber Manusia hampir RM1.16 bilion untuk menyumbang kepada usaha kerajaan secara berkesan dan efisien dalam perancangan dan pembangunan sumber tenaga untuk menghasilkan tenaga kerja lelaki dan wanita yang mahir, cekap, berdisiplin, inovatif dan efisien.

Tuan Pengerusi, tadi Ipoh Barat ada sebutkan mengenai graduan-graduan yang tidak mempunyai kerja. Saya faham bahawa universiti-universiti sama ada IPTA atau pun IPTS mengeluarkan graduan dan bukan semua dapat bekerja dengan cepat. Ada sesetengah itu tidak dapat bekerja dan di sini, saya hendak menanya pihak kementerian apakah peratusan graduan sekarang yang tidak dapat kerja. Di luar saya dengar bukan sahaja 64,000 ataupun sekarang meningkat kepada 80,000 dan sebagainya. Saya tidak tahu angka yang sebenar.

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, yang penting sekali adalah perubahan di dalam dunia guna tenaga, *employment*. Kerana itu kita ada struktur, kebudayaan, dan paradigm k-ekonomi. Dengan k-ekonomi ini, sekarang saya diberitahu bahawa, bukan sahaja k-ekonomi, kita menampak *dreamy economy*, *dream economy* yang baru. Ekonomi mimpi yang berdasarkan kepada k-ekonomi. Ekonomi mimpi bukan sahaja Arau mimpi tapi ekonomi mimpi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat pun mimpi Arau bukan ada di sini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa] Jerai, Jerai yang mimpi... [Ketawa] bukan Merbuk... [Ketawa] Ekonomi mimpi yang berdasarkan kepada *paradigm* k-ekonomi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, *dream* pun kadang-kadang yang kita cakap yang diinginkan pun *dream* juga.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Akan tetapi, tidak apalah. Kita ada parameter-parameter, ukuran-ukuran yang baru kerana k-ekonomi dan saya sebutkan di sini kerana pihak kementerian mesti mengambil perhatian mengenai guna tenaga itu pekerja-pekerja, kebudayaan dan proses-proses untuk *paradigm* yang baru ini. Kalau tidak, kita akan lebih graduan yang tidak dapat kerja, yang menganggur. Sekarang bukan sahaja syarikat-syarikat transnasional bahkan syarikat di Malaysia ini. Konsep yang baru ini, dia dengan *knowledge driven economy* ini, dia tidak ada pekerja-pekerja yang kekal. Sebenarnya, kebanyakannya pekerja-pekerja yang sementara. Itulah *transient workers*. Yang kekal itu, peratusan yang kecil.

Ini bermakna, universiti-universiti tempatan termasuklah kementerian kerana tiap-tiap tahun hanya untuk perkhidmatan latihan kementerian memerlukan RM178 juta. Ini bermakna...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulunglah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana hendak gulung, kita ada *dream economy* sekarangnyanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Arau masuk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Arau masuk? Ini Arau masuk, saya ingat dia mimpi di luar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat dia baru balik daripada Bangkok, barangkali dia pergi Pat Pong... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa] Dia asyik sahaja dengan Pat Pong sahaja itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, habiskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, bagilah peluang sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah bagi peluang banyak kali Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak kali?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan sedikit, banyak kali.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Dream economy* kita ini. Macam mana tidak cukup pula, kita hendak pihak kementerian mengkaji bagaimana kementerian dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru ini. Bagaimana pihak kementerian dapat menggalakkan semua universiti terutamanya 18 IPTA ini bekerjasama dengan industri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memanglah tidak cukup lagi. Nampaknya Tuan Pengerusi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Baik dari Ipoh Timorlah... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi perkara yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Perkara ini yang penting. *Dream economy* yang saya berharap pihak kementerian dapat menjawab, bagaimana kementerannya dapat mewujudkan strategi baru menghadapi keadaan yang moden ini supaya....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, cukuplah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya.

5.28 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, sikit sahaja, dua minit cukup. Tuan Pengerusi tentang keselamatan pekerja ini, tentang PERKESO. Pagi tadi ada soalan berkaitan dengan nilai caruman PERKESO dan juga pulangan pelaburan yang diperolehi bagi tahun 2005. Pihak kementerian telah menjawab bahawa pulangan pelaburan yang diperolehi oleh PERKESO bagi tahun 2005 adalah RM46,755,295.05 sen sahaja. Akan tetapi kita telah perhatikan bahawa sejak tahun 1999 sehingga tahun 2004, pulangan pelaburan yang diperolehi oleh PERKESO adalah melebihi RM400 juta.

Contohnya tahun 2003, pulangan pelaburan yang diperolehi oleh pihak PERKESO adalah RM795 juta. Tahun 2004 - RM548 juta, mengapakah terdapat susutan yang begitu besar, bezanya besar. Tahun 2005 hanya RM46 juta sahaja. Bagaimanakah angka ini dapat diperolehi, apakah cara pelaburan itu memberi masalah sehinggakan pulangan yang diperolehi itu adalah begitu kecil. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam.

5.29 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai Butiran 020200. Saya, Tuan Pengerusi, sangat bimbang terhadap isu pengangguran belia. Jadi belia menganggur ini kalau lama Tuan Pengerusi, dia akan mudah sekali terjebak dalam gejala negatif. Oleh kerana itulah saya sangat berharap supaya kementerian ini ada satu koordinasi dengan Kementerian Belia dan juga Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi supaya belia-belia lepasan sekolah yang sebenarnya tidak mendapat tempat ini lebih 65% daripada 300,000 maknanya sangat ramai. Oleh kerana itulah koordinasi harus diwujudkan. Saya ingin bertanya apakah koordinasi yang sedang di jalankan.

Perkara yang kedua ialah daripada pengalaman peribadi. Iaitu mengenai agensi mencari pekerjaan. Saya berharap supaya agensi mencari pekerjaan swasta ini dapat dipantau. Saya baru-baru ini berada di Teluk Intan dan cuba memasuki satu agensi swasta, nampaknya tidak dibenarkan walaupun ditunjukkan kad Parlimen. Nampaknya mereka boleh menolak begitu. Jadi, saya mengandaikan bahawa kalau mereka tidak membenarkan kita masuk atas dasar hendak bertanya apa borang untuk memudahkan orang mencari pekerjaan, ada sesuatu yang menimbulkan syak wasangka. Jadi oleh kerana itu, saya berharap kementerian dapat membuat satu pemantauan khusus terhadap perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin sentuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung hari Isnin.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Isnin 4 Disember 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.